



## **DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

### **PENGGAL KEDUA**

#### **MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

---

**SHAH ALAM, 09 APRIL 2014 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

#### **YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

### **TIDAK HADIR**

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

### **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana Binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Mohd. Hafizan Bin Yusoff  
Encik Redzuan Bin Adam  
Encik Hairudin Bin Omar  
**Bentara**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Keempat Belas bagi hari kedua 9 April 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I      BACAAN DOA.**

**II      PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Sebelum saya meneruskan sesi pertanyaan, sukacita dimaklumkan bahawa jawapan kepada soalan bertulis yang telah dikemukakan oleh semua Yang Berhormat, urus setia telah meletakkan jawapan soalan tersebut di atas meja. Sila tandatangani borang terima dokumen tersebut dan tinggalkan di atas meja supaya urus setia boleh mengutipnya semula. Soalan seterusnya, soalan Jeram telah dijawab bersekali soalan 5. Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BIN ISMAIL:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih. Soalan nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK:      HAL EHWAL ISLAM, MASJID DAN SURAU**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Sejauh manakah kerajaan memantau masalah jenayah terhadap kanak-kanak di Selangor?
- b) Adakah JAIS mengemaskinikan undang-undang dan polisi syariah di sudut pemakaian terutama untuk wanita Islam?
- c) Adakah peruntukan dan pembangunan surau dan masjid di selaraskan mengikut DUN?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih Seri Serdang. Seri Serdang

bertanyakan tentang polisi syariah berkaitan pemakaian terutama untuk wanita Islam. Buat masa ini, Jabatan Agama Islam tidak mempunyai polisi tertentu berhubung pemakaian wanita dan lelaki di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Selangor pernah mengemukakan satu kertas cadangan berhubung Dasar Kerajaan Negeri Terhadap Tuntutan Menutup Aurat Wanita Dan Lelaki Islam Di Selangor khusus kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Anak-anak Syarikat ketika hadir waktu bekerja dan waktu menghadiri majlis rasmi. Justeru kertas ini akan dikemukakan pada masa akan datang. Jabatan Agama Islam Selangor akan mencadangkan polisi ini dengan mengharapkan pentadbiran baru dapat menyokong dan melaksanakan cadangan garis panduan pemakaian wanita dan lelaki di Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, kertas yang sama telah dikemukakan kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan justifikasi dan syor yang sama. MAIS telah bersetuju menerima syor-syor seperti dicadangkan. Satu draf tentang arahan dan pekeliling untuk dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah pun dikemukakan kepada pihak SUK Selangor untuk disemak dan untuk dilaksanakan. Namun, perkara ini masih lagi dalam penelitian dan pertimbangan SUK Selangor untuk dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Selangor lebih mengambil pendekatan terhadap pemakaian ini melalui kesedaran pengamalan melalui kesedaran dalam diri sendiri melalui medan ilmu, dakwah, kuliah-kuliah, tulisan-tulisan termasuk kesedaran dan tanggungjawab suami terhadap anak-anak dan isteri-isteri. Kemudian, soalan berkaitan dengan peruntukan bagi pembangunan. Soalan c, pembangunan surau-surau dan masjid-masjid adakah diselaraskan mengikut DUN? Jawapannya, tidak diselaraskan. Peruntukan bagi pembangunan masjid di bawah seliaan JAIS dan JKR adalah berpandukan ketetapan Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi RMK-10 antara 2011 hingga 2015, perancangannya dibuat pada tahun 2010 dengan mengambilkira keutamaan serta keperluan setempat berdasarkan permohonan yang diterima dari pelbagai pihak termasuk ADUN dan Orang Besar Daerah kerana jumlah permohonan adalah tinggi berbanding kemampuan peruntukan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, kerajaan memperuntukkan bantuan moreh kepada semua surau yang berdaftar dengan JAIS termasuk juga beberapa peruntukan melalui zakat dibaikpulih PA System dan tandas sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN INDUSTRI AGRO-TOURISM, PERTANIAN DAN PENTERNAKAN DI SELANGOR**

16. Memandangkan industri *Agro-Tourism* mempunyai potensi yang besar bagi menjana ekonomi sesebuah negeri, dan Negeri Selangor mempunyai beberapa kawasan yang sesuai untuk industri tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan industri *agro-tourism* ini secara besar-besaran?
- b) Jika ya, sila nyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Selangor.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih, Dusun Tua bertanyakan berkaitan dengan cadangan melaksanakan industri *agro-tourism*? Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pernah terlibat dalam industri *agro-tourism* di Selangor *Fruits Valley* (SFV) di Bestari Jaya dari tahun 2004-2007. Walau bagaimanapun mulai tahun 2008, aktiviti *agro-tourism* ini telah dihentikan kerana projek ini tidak memberi keuntungan kepada syarikat. Mulai tahun 2008, Jemaah Ahli PKPS telah meluluskan hala tuju baru PKPS iaitu ke arah organisasi komersial. Pada tahun 2013, Jemaah Ahli PKPS telah meluluskan ‘Program Usahawan Tani PKPS di mana PKPS menawarkan kepada usahawan yang berminat untuk mengusahakan sebahagian lot-lot di Selangor *Fruits Valley* dengan pelbagai tanaman buah-buahan. Melalui program ini, PKPS akan dapat membangunkan sebahagian Usahawan Tani melalui *agro-tourism* ini.

Kemudian, soalan seterusnya apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Selangor? Memandangkan PKPS tidak lagi terlibat dalam industri *Agro-Tourism*, maka PKPS tiada menyediakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang *Agro-Tourism*.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya ambil contoh di Dusun Tua.

**TUAN SPEAKER:** Soalan?

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Ya. Ada tanah-tanah PKPS yang tidak diusahakan telah berpuluhan-puluhan ekar dan lamanya mungkin juga telah berpuluhan-puluhan tahun tidak diusahakan, Jadi masyarakat setempat telah bertanyakan perkara ini. Boleh ke tidak tanah PKPS ini telah diberi kepada masyarakat setempat untuk mereka usahakan pertanian?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Untuk memberi tanah kepada masyarakat setempat itu tidak mungkin dapat dilaksanakan tapi untuk menjadikan kawasan itu sebagai usaha baru untuk melaksanakan *agro-tourism* itu boleh dibincangkan.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK: PENYAKIT KRONIK**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila nyatakan 10 jenis penyakit kronik tertinggi yang berlaku di Negeri Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai bekalan perubatan asas untuk mengubati setiap jenis penyakit kronik dan
- c) Adakah pakar perubatan, kakitangan hospital dan kelengkapan hospital mencukupi merawat pesakit?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Puan Speaker, Teluk Datuk bertanya tentang 10 jenis penyakit kronik tertinggi di Negeri Selangor? Berikut 10 jenis penyakit kronik tertinggi yang dirawat di hospital-hospital kerajaan di seluruh Selangor tahun 2013 mengikut kategori *international statistic clasification selected dieasis health problem* (dengan izin) adalah seperti berikut: -

1. Penyakit paru-paru. Contoh penyakit utama adalah asma, *chronic bronchitis*, *Outppatient Departmet*, dan *obrtrutive pulmmary diseas* dengan kes 9.96% dan kematian sebanyak 13%.

2. Penyakit jangkitan kuman iaitu septik kimia iaitu 9% kes dan 26% kematian.
3. iaitu serangan jantung dan lemah jantung, dengan 7% kes serta 18% kematian.
4. Penyakit Usus iaitu *multi ulcer chronic syndrome* (dengan izin) dengan 5 kes, 5% kes dan 4% kematian.
5. Penyakit buah pinggang iaitu memerlukan dialisis sepanjang hidup dengan 4.7% kes serta 2.8% kematian.
6. Ketumbuhan dan barah iaitu kanser payu dara, kanser paru-paru dan kanser rahim, kanser ovarи, kanser usus serta kanser prostat dengan 4% kes serta 13% kematian.
7. Penyakit iaitu kecacatan semasa/semenjak dari lahir, contohnya kecacatan pada jantung iaitu dengan 3.9% kes serta 2 kematian.
8. Penyakit metabolik, contoh penyakit kencing manis atau diabetes dengan 3.31% kes serta 1 kematian.
9. Penyakit lemah tahap kesihatan seperti HIV atau kemoterapi yang menerima rawatan kemoterapi sebanyak 2.9% kes serta 1.3% kematian.
10. Penyakit darah iaitu penyakit talasemia, leukemia serta plancoma 2.8% kes dan 6.5% kematian.

Soalan b, ialah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor mempunyai bekalan perubatan asas untuk mengubati penyakit-penyakit kronik ini.

Soalan c, buat masa ini bilangan kakitangan dan katil setakat ini sedia ada mencukupi untuk memberi rawatan kepada seluruh rakyat Selangor namun masih ada ruang bagi penambahbaikan dengan penambahan bilangan katil yang kini sebanyak 4463 katil kepada 4822 katil di empat (4) hospital pakar iaitu Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Ampang dan juga Hospital Sungai Buloh. Seterusnya, sepantas lalu tentang kakitangan hospital. Bilangan kakitangan, bilangan katil dan juga yang berada di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, kakitangan hospital kita mempunyai 15780 orang, Pegawai Perubatan sebanyak 1830 orang, pakar perubatan seramai 621 orang. Bilangan hospital kita mempunyai 11 buah dan bilangan katil sebanyak 4463 buah.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Soalan tambahan, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Y.B. EXCO, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan negeri mewar-warkan bahawa kita adalah negeri Selangor yang maju, dan adakah kerajaan negeri membuat kajian ataupun penelitian atau pemantauan yang teliti. Jika ya, mempunyai laporan tersebut apakah punca dan sebab utama masih terdapat 10 penyakit kronik yang berlaku di negeri kita. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Teluk Datuk. Tuan Speaker, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan supaya rakyat Selangor dalam menjaga kesihatan mereka. Dan kita telah pun melancarkan program ataupun ‘kempen gaya hidup sihat’. Jadi dengan melalui ‘Kempen Gaya Hidup Sihat’ ini nanti kita akan mengajak rakyat Selangor untuk sentiasa menjaga kesihatan dan 10 penyakit yang kronik yang tertinggi berlaku di negeri Selangor ini, kita bukan dengan *stay just* di peringkat kita akan cuba mengurangkan kes-kes penyakit kronik ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Minta maaf Tuan Speaker. Soalan saya ialah adakah Kerajaan Negeri menyediakan laporan atau kajian penelitian tentang punca berlaku 10 penyakit kronik ini. Minta maaf.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Buat masa sekarang kita belum mendapatkan kajian ataupun maklumat daripada kajian terhadap 10 jenis penyakit ini. Dan kita akan mendapatkan maklumat tersebut daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan saya akan berikan laporan tersebut pada Teluk Datuk.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri Selangor ada mengenal pasti sama ada perlunya tambahan hospital di negeri Selangor ini memandangkan prestasi penduduk yang semakin meningkat sebab sebelum ini mungkin ada satu hospital Klang yang baharu yang akan dicadangkan atau dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Rawang untuk Hospital Klang iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah kita akan pihak Kementerian Kesihatan akan membuat pembinaan Kompleks Ops statik Hospital Tengku Ampuan Rahimah yang akan memberikan penambahan sebanyak 300 buah katil lagi dan juga Hospital Shah Alam yang mana akan siap pembinaannya pada September 2014 untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk kawasan Lembah Klang dan akan beroperasi dengan 300 buah katil. Insya-Allah dan juga kita juga

dalam perancangan memohon kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk sebuah lagi Hospital di Kapar.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SZE HAN**  
**(KINRARA)**

**TAJUK: PENGLIBATAN ANAK MUDA DI SELANGOR**

18. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan untuk memberikan penglibatan yang lebih mendalam kepada anak muda Selangor terutama dalam penggubalan polisi Selangor?
- b) Program Penggerak belia tempatan (PeBT) telah dilaksanakan sejak tahun 2008, adakah kerajaan negeri akan meningkatkan tahap perwakilan PeBT melalui pilihanraya?

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker Kinrara bertanyakan berkaitan dengan penglibatan anak muda di Selangor daripada segi pembangunan sendiri terutamanya dalam penggubalan polisi Selangor. Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada program khusus yang melibatkan anak-anak muda atau pun belia di dalam penggubalan polisi di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun kita melibatkan anak-anak muda atau pun belia di Negeri Selangor ini. Di dalam beberapa program terutama untuk menyumbangkan polisi-polisi yang boleh difikirkan keputusan oleh Kerajaan Negeri. Antaranya di dalam program penggerak Belia tempatan itu sendiri ini jadi kita khususkan kategori 6 asas yang juga melibatkan soal kepimpinan yang mana saya kira juga ke program telah kita lihat dan akhirnya kita boleh melihat beberapa satu bentuk pemikiran yang juga boleh menyumbangkan kepada kaitan dengan polisi dan hasrat kerajaan negeri Selangor. Keduanya berkaitan dengan program konvensyen anak muda yang kita adakan setiap tahun terutamanya sewaktu kita mengadakan sambutan hari belia antarabangsa peringkat di negeri Selangor yakni juga kita memberi peluang kepada anak muda untuk memberikan pandangan-pandangan ataupun idea-idea dalam pembangunan belia di Negeri Selangor. Kita juga telah melibatkan anak-anak muda terutamanya penggerak belia tempatan khususnya pengurus-pengurus yang ada di Negeri Selangor ini untuk terlibat di dalam dialog bajet yang kita diadakan pada setiap tahun. Juga anak-anak muda kita menyumbangkan idea-idea untuk pembangunan belia yang menyediakan satu dasar atau polisi di Negeri Selangor.

Selain daripada itu saya juga melihat secara positif bagaimana Pejabat Dewan terutama yang diketuai oleh Tuan Speaker sendiri mengadakan program sidang anak muda yang melibatkan mahasiswa-mahasiswi universiti yang saya kira ini secara tidak langsung di samping menggalakkan mereka ini terlibat di dalam politik dan kepimpinan dan ia juga saya kira menghasilkan beberapa perkara-perkara boleh diajukan kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan satu polisi atau pun dasar. Selain daripada itu kita menggalakkan lebih ramai anak muda di Negeri Selangor hari ini untuk terlibat di dalam politik dan ke pilihanraya dan saya kira itulah tempatnya kalau anak muda pada hari ini terutama di dalam dewan ini terlibat secara langsung sebagai ahli dewan negeri. Mereka inilah anak muda yang boleh menyumbang tentang pembangunan ataupun akhirnya menjadi dasar atau pun polisi Negeri Selangor.

Untuk pertanyaan yang kedua ada Kerajaan Negeri akan meningkatkan tahap program penggerak belia tempatan, pemilihan belia tempatan ini melalui pilihan raya, buat masa ini kita tidak memikirkan agar pemilihan penggerak belia tempatan ini adalah melalui pilihan raya kerana kita melihat penggerak belia tempatan ini secara langsungnya tidak terlibat dalam mana-mana agensi ataupun terlibat di dalam melibatkan menghasilkan pendapatan negeri atau pun *review* kepada Kerajaan Negeri. Sebab itu saya kira belum tiba masanya ataupun tidak wajar kita adakan pemilihan penggerak belia tempatan ini melalui pilihan raya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker soalan saya nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PERSEMPADANAN SEMULA SELANGOR**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah persiapan atau cadangan Selangor dalam proses persempadanan semula kawasan Dewan Undangan Negeri sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya mengemukakan cadangan persempadanan bagi Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmannir rahim.* Tuan Speaker soalan Taman Medan ialah mengenai penglibatan ataupun cadangan Kerajaan Negeri Selangor dalam proses kesepadanan semula kawasan Dewan Negeri dan sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mengemukakan cadangan

persempadanan bagi Selangor. Salah satu yang saya nak ingatkan di dewan ini bahawa adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan raya yang menjalankan usaha supaya kajian dan cadangan mengenai persempadanan Dewan Negeri dan juga Dewan Parlimen dibuat dan tiap-tiap 10 tahun dan proses ini sedang berjalan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri pada 4 September 2013 telah memutuskan supaya satu usaha untuk memahami dan mengkaji isu persempadanan semula kawasan pilihan raya Negeri Selangor dibuat oleh sebab jumlah penduduk Negeri Selangor ini meningkat tinggi dan didapati satu-satu kawasan pilihan raya umpamanya pilihan raya parlimen, kawasan parlimen antara yang terbesar di Malaysia sebagai pengetahuan di Kapar lebih daripada 110 ribu pengundi untuk satu Ahli Parlimen tetapi di kawasan-kawasan yang lain secara purata ialah kurang daripada 20 ribu jadi oleh sebab itulah ada usaha untuk menyelaraskan perkara ini. Ini adalah sebagai satu usaha proaktif bukan satu usaha yang dikehendaki oleh undang-undang sebelum cadangan persempadanan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Persempadanan ini perlu bagi memberikan keseimbangan kependudukan antara kawasan dan daerah-daerah persempadanan di Selangor. Untuk itu satu pasukan telah ditubuhkan terdiri daripada NGO, pakar-pakar dan juga dia akan memberi nasihat kepada Unit Perancang Ekonomi sebagai sekretariat untuk menentukan apakah perkara-perkara ketepatan yang perlu didapati untuk menentukan pilihan raya yang akan berlaku seterusnya dalam bentuk yang menyelaraskan kehendak-kehendak demokrasi negara ini. Antara cadangan bukan ini diterima, tetapi antara cadangan yang mengikut piawai antarabangsa ialah satu rakyat satu undi satu nilai. Perkara ini juga diperbincangkan tetapi belum ada apa-apa keputusan muktamad yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Yang Amat Berhormat kerana mengumumkan ada satu pasukan mengkaji perkara ini. Boleh tak Yang Amat Berhormat butirkan siapa yang menganggotai pasukan ini dan apakah pandangan Yang Amat Berhormat jika terdapat satu jawatankuasa pilihan yang khas di dewan ini untuk membantu sebab ini adalah satu isu yang sangat besar dan sangat penting. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker saya tidak dapat ingat nama-nama di sini saya ingat hanya dua tiga orang tetapi sebagai untuk ini saya akan hantar maklumat kepada Bukit Gasing untuk perkara ini. Kedua tentulah perkara ini bukan sahaja dibincangkan untuk Negeri Selangor perkara persempadanan ini mesti dibincangkan untuk seluruh negara. Jadi keputusan negeri Selangor juga tidak termasuk dalam keputusan yang dibuat oleh seluruh negara. Jawatankuasa ini akan terus melakukan kerja mereka dan kita menggalakkan bahawa jawatankuasa ini bebas dari kongkongan pentadbiran kerajaan jadi dia bebas supaya jawatankuasa

ini dapat melihat daripada semua perspektif dan kalau dewan bercadang untuk melibatkan diri dalam perbincangan dan forum ini saya tidak ada halangan daripada perkara tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN-PEMBINAAN JALANRAYA  
BESTARI JAYA DAN PEKAN SIMPANG 3 IJOK.**

20. Pembinaan jalan raya Bestari Jaya dan Pekan Simpang 3 Ijok sedang berjalan tetapi papan tanda dan langkah-langkah keselamatan sepanjang jalan raya ini amat kekurangan. Banyak kemalangan dan kematian telah berlaku.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang dirancang oleh kerajaan untuk mengelakkan bahaya di jalan raya ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker Ijok bertanyakan berkaitan langkah-langkah keselamatan pembinaan jalan raya Bestari Jaya, dan Pekan Simpang 3 Ijok. Antara beberapa langkah yang menjadi standard yang dilakukan di dalam pembangunan dan ianya dilakukan apabila berlaku pembangunan atau pembinaan jalan terutamanya melibatkan Jabatan Kerja Raya adalah pihak Jabatan Kerja Raya memastikan trafik *management plan* atau pelan pengurusan trafik dilaksanakan oleh kontraktor mengikut kontrak *management* pelan sentiasa dilaksanakan disenggarakan dan dibuat dari masa ke semasa. Yang kedua pihak JKR juga memastikan terus diaudit di peringkat pembinaan dilakukan Jurutera Bertauliah bagi memastikan supaya pematuhan dan kontraktor mematuhi dan sesuai dengan keadaan tapak. Ketiga pihak JKR juga memastikan pihak kontraktor mematuhi kerja-kerja senggaraan jalan dan yang keempat mesyuarat keselamatan dari masa ke semasa pembinaan diadakan sebulan sekali. Saya melihat bahawa berkaitan dengan keselamatan ini bukanlah hanya satu belah pihak JKR atau pun kontraktor yang diberi amanah untuk melakukan pembangunan atau pembinaan tersebut malah masyarakat ataupun rakyat juga perlu peka dengan pembangunan itu supaya akhirnya pembangunan itu dapat dijalankan dengan baik. Dan segala kesan-kesan sampingan termasuklah kemalangan yang menyebabkan kematian ini dikurangkan. Kerajaan Negeri sangat prihatin tentang perkara-perkara ini dan

melalui Jabatan Kerja Raya kami sentiasa mahukan mereka akan memantau dan seterusnya usaha-usaha ini dapat dilakukan sebaik mungkin termasuklah dengan kecukupan papan tanda yang perlu diadakan dan insya-Allah saya kira pembangunan, pembinaan di jalan raya di Bestari Jaya dan Pekan Ijok ini akan kita pantau daripada masa ke semasa. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS B. AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Tuan Speaker projek ini telah berjalan lama sejak saya ingat akan, telah disiapkan tahun lepas tapi Ijok nak tahu sebab penduduk nak tahu bila projek ini akan siap.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Ijok buat masa ini saya tidak ada jawapan yang tepat insya-Allah saya akan maklumkan selepas saya mendapat jawapan yang tepat daripada Jabatan Kerja Raya terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO kemalangan jalan raya selalunya melibatkan penunggang motosikal dan sebagai penunggang motosikal saya ingin bertanya apakah langkah-langkah atau pun strategik telah dan akan dipakai oleh JKR bersama-sama dengan JKJR, Jabatan Keselamatan Jalan Raya untuk meningkatkan tahap keselamatan untuk penunggang motosikal. Adakah kerajaan melalui JKR akan mempertimbangkan untuk kawasan-kawasan yang sensitif? Kita bina *educate* motosikal *line* untuk penunggang-penunggang motosikal termasuk di Ijok.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kampung Tunku. Saya ingat itu antara beberapa cadangan baik, kita perlu buat kajian terutamanya kawasan-kawasan yang perlu yang sesak, perlukan *educate* motosikal *line* ini untuk dikaji cuma saya melihat untuk Ijok pada masa ini belum ada keperluan bagaimana pun mungkin boleh dimasukkan di dalam perancangan melibatkan kawasan-kawasan yang besar dengan keperluan keluasan jalan itu kita boleh rizabkan suatu *past* atau *line* yang di masa akan datang diperlukan itu sebagai satu *audicatet line*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker soalan nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: KAWASAN INDUSTRI DI KUALA SELANGOR**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan kawasan industri yang terdapat di daerah Kuala Selangor?
  - Berapakah nilai pelaburan yang masuk dari 2008 – 2013 ke daerah Kuala Selangor?
  - Nyatakan jumlah pekerja tempatan yang bekerja dan mendapat manfaat dengan kewujudan kawasan industri tersebut?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Permatang bertanya tentang isu industri di Kuala Selangor. Kawasan-kawasan industri yang adalah di Daerah Kuala Selangor adalah seperti berikut yang utama.

- Suria Industri Area, Kuala Selangor
- SMI Industrial Area Kuala Selangor
- Alam Jaya Industrial Park
- Batang Berjuntai Techno Industrial Park
- Asahi Industrial Area
- Kota Puteri Industrial Area.
- 

Bagi tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2013 sebanyak RM1,261,867

Bagi tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2013, sebanyak RM1,261,000,867 dengan 70 projek perkilangan yang diluluskan di Daerah Kuala Selangor. Dari jumlah ini sebanyak RM979,986,591 daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM281,014,276 daripada pelaburan asing. Sebanyak 6,374 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Merujuk kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah rakyat tempatan yang bekerja dalam sektor perindustrian di Negeri Selangor pada tahun 2012 adalah sebanyak 546,500 orang. Pihak Jabatan Perangkaan Malaysia hanya menerbitkan maklumat secara keseluruhan sahaja dan tiada maklumat mengikut daerah yang dikeluarkan ketika ini. Manakala merujuk kepada jumlah projek yang diluluskan di Daerah Kuala

Selangor bagi tempoh 2008 sehingga 2013, sebanyak 6,374 potensi peluang pekerjaan telah ditawarkan untuk penduduk tempatan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya ingin bertanya mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri kerana ada beberapa kawasan kilang yang sekarang ini dalam pembinaan pun ada yang sudah dibina pun ada yang diletakkan di dalam kawasan-kawasan pertanian yang melibatkan kawasan penduduk. Contohnya pembinaan *ready mix* di kawasan pertanian, ini menjadi rungutan. Apa tindakan Kerajaan sama ada mengambil tindakan kepada perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Ya, terima kasih kepada Permatang Tuan Speaker. Nasihat daripada saya adalah atau dari Kerajaan adalah jikalau pelabur kita tempatan ataupun pelabur daripada negara asing bila mereka nak buat satu kilang mereka perlu memastikan bahawa status tanah tersebut adalah status industri. Jikalau dia bina sebuah kilang di atas pertanian itu bermakna dia sudah langgar undang-undang jadi pihak PBT boleh mengambil tindakan atau pun pihak kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas pemilik tersebut jadi itulah nasihat saya supaya memastikan status tanah itu adalah untuk industri sahaja. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PROGRAM SPIES D'VILLAGE**

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kawasan yang telah menuahkan AJK SPIES D' Village ?
- b) Berapakah jumlah program yang telah diluluskan sejak ia bermula mengikut pecahan S-P-I-E-S?
- b) Berapakah jumlah dana yang telah dibelanjakan mengikut pecahan S-P-I-E-S di masa yang sama ?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Tuan Speaker dan Gombak Setia terima kasih. Jumlah kawasan yang telah memulakan langkah awal untuk menubuhkan AJK SPIES D' Village adalah sebanyak 24 kawasan yang melibatkan 24 DUN di Negeri Selangor. Program SPIES D' Village dilaksanakan tidak mengikut pecahan elemen (*Spiritual Physical*, Intelek, Emosi dan Sosial) secara sendiri tetapi pelaksanaan program SPIES adalah hasil daripada gabungan lima elemen tersebut yang diwujudkan secara menyeluruh maknanya pembangunan yang holistik, yang bersinergi jadi dia tidak akan saya jawab b dan c ini secara bersekali ya Gombak Setia. Jadi program ini telah dimulakan pada hujung tahun 2013 hingga Mac 2014 sebanyak 67 program telah dilaksanakan. Antara program yang telah dilaksanakan dan di antara program adalah seperti berikut :-

- i. Program SPIES D' Village Masyarakat ;
- ii. Program SPIES D' Village Keluarga ;
- iii. Program SPIES D' Village Remaja;
- iv. Program SPIES D' Village Belia;
- v. Program SPIES D' Village Pimpinan Masyarakat ; dan
- vi. Program SPIES D' Village Pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program SPIES D' Village ini adalah program lanjutan untuk memasyarakata atau untuk merakyatkan SPIES dengan memulakan prinsip pembangunan insan yang holistik dan bersinergi secara berterusan ke rumah bagi memperdayakan masyarakat secara kolektif dan usaha untuk melahirkan generasi idaman Selangor dan ini sejajar dengan misi untuk mencapai hala tuju Selangor 2025 sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan. Di antara teras utama Kerajaan untuk pembangunan lestari Negeri Selangor adalah memacu pembangunan modal insan. Setelah fasa awal memperkenalkan konsep pembangunan modal insan yang bersepadu sebagai faktor kritikal, Kerajaan bermula untuk membangun masa kritikal modal insan yang sedia ada dan bakal modal insan akan dapat menjadi pendukung dan pemangkin merealisasikan agenda besar Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor iaitu Selangor Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan 2025 dan sekali gus ... (ayat Al-Quran). Program yang bersifat *inclusive* dengan penglibatan pimpinan di kampung bagi semua kelompok penting seperti wanita, belia, JKKK, nazir masjid atau surau, ketua komuniti, persatuan dan lain-lain disatukan dengan perkongsian matlamat atau dengan izin *vision sharing* untuk melonjakkan produktiviti rakyat Selangor secara menyeluruh. Dana yang dibelanjakan yang secara menyeluruh tidak mengikut pecahan seperti yang ditanya oleh Gombak Setia ialah sebanyak RM592,474.00 setakat ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Tuan Speaker, soalan nombor 23, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN KELUARGA**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada bercadang membina pusat jagaan kanak-kanak Negeri Selangor, dengan yuran yang berpatutan sebagai langkah mengurangkan beban ibu bapa muda yang tidak mampu membayar orang gaji di rumah dan bimbang tentang keselamatan anak mereka jika ditinggalkan bersama orang gaji di rumah ?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, begitu juga terima kasih dengan Bangi. Soalan yang dikemukakan bertanyakan tentang bagaimana, apakah langkah mengurangkan beban ibu bapa muda yang tidak mampu membayar yuran dan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka pusat-pusat jagaan? Saya ingin mengatakan di Dewan yang mulia ini bagi pembangunan keluarga yang begitu kita ambil beratkan Kerajaan Selangor telah mengambil beberapa langkah iaitu pertamanya, Kerajaan Selangor telah pun memastikan kebijakan kakitangan ataupun mereka-mereka yang bekerja di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor dengan membuka beberapa pusat-pusat asuhan sama ada di SUK ataupun di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun di 13 pusat penjagaan di seluruh PBT. Jadi untuk SUK kita ada satu bangunan iaitu di bangunan di belakang yang telah pun beroperasi semenjak 31 Oktober 2013 yang mana yurannya dikenakan kepada ibu bapa tetapi pembayaran itu ditanggung oleh Kerajaan sebanyak RM100. Begitu juga di PBT di peringkat kita Kerajaan Selangor telah pun membuka 13 buah pusat iaitu 2 di Majlis Bandaraya Shah Alam, 3 di Majlis Perbandaran Subang Jaya dan selebihnya di Majlis Perbandaran masing-masing dan untuk itu Kerajaan Selangor tidak terhenti di situ bagi mengambil satu tanggungjawab bahawa sekarang ini bukan semua taska-taska yang luar institusi itu wajar ataupun telah mendapat lesen jadi apa yang dibuatkan Kerajaan Selangor telah pun mewujudkan taska di rumah. Taska di rumah itu adalah praktikal dan mampu mengurangkan beban ibu bapa. Jadi taska-taska di rumah ini sekarang ini ada satu program di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan untuk menyediakan kursus intensif perkembangan kanak-kanak khusus kepada pengasuh-pengasuh kanak-kanak di rumah untuk memberikan lesen secara sah kepada mereka supaya mereka yang membuat penjagaan di rumah ini juga menepati matlamat dan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan mementingkan faktor

kualiti dan juga penjagaan. Dengan itu juga Kerajaan Selangor bagi menghayati tentang perlunya kadang-kadang keluarga itu bekerja tetapi dengan kos yang tinggi Kerajaan telah memulakan satu program iaitu dua program maaf, satu skim bantuan Asuhan Rakyat iaitu skim yang mana ianya layak dimohon oleh keluarga berpendapatan RM2500 ke bawah yang berusia anaknya 4 tahun ke bawah yang mana setiap bulan Kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM100 dan untuk skim bantuan Tadika Selangor atau pun TUNAS, Kerajaan Selangor memberikan peruntukan kepada keluarga berpendapatan di bawah RM2,500 dan peruntukan ini sebanyak RM50 setiap bulan untuk membayar yuran kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Tuan Speaker, EXCO. Soalan tambahan saya berkaitan dengan kawalan tentang pengasuh-pengasuh yang berada di pusat jagaan yang saya perhatikan ada dua tiga tempat yang membawa orang luar maksud saya orang Indonesia sebagai contoh yang akhirnya memberi kesan kepada anak-anak kita, apakah kerajaan sedar akan perkara ini dan apakah langkah-langkah yang akan dibuat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ada dua program untuk memastikan kawalan ini dapat kita capai matlamatnya. Satu kerjasama dengan jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan berkala daripada masa ke semasa melalui pejabat Kebajikan Daerah masing-masing iaitu 9 Pejabat Daerah dan yang keduanya juga kawalan itu adalah dengan memastikan hanya mereka yang layak atau pun telah mempunyai lesen layak menerima bantuan kerajaan dan kita juga memberi birokrasi nasihat kepada ibu bapa supaya jangan memilih taska-taska yang tidak berlesen untuk meletakkan anak-anak mereka sebab risiko itu tinggi. Kadang-kadang ibu bapa disebabkan hendak mengambil jalan mudah hanya meletakkan anak-anak di tempat jiran atau di sebelah rumah tetapi mereka kurang perhatian di sudut risiko yang bakal diperolehi, jadi sekarang ini setiap bulan di bawah Rantaian Mesra Sdn. Bhd kita melaksanakan program latihan untuk semua penjaga-penjaga taska di rumah supaya mereka ini dapat memahami bahawa di bawah penjagaan kanak-kanak ada akta yang melindungi mereka dan perlu dipatuhi oleh semua penjaga kanak-kanak. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri Selangor ada satu statistik tentang taska di rumah ini kalau ikut dan adakah

Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk papar senarai ini di laman web supaya komuniti tempatan ataupun ibu bapa boleh memantau dan semak sama ada anak-anak mereka dihantar ke taska yang berlesen. Ini sahaja yang ingin saya bertanya.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Rawang. Sebenarnya itu juga hasrat di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan kita telah pun memulakan program itu tetapi statistik itu tidak ada pada saya buat masa ini yang telah dimulakan di Kuala Selangor. Kuala Selangor dengan inisiatif bersama dengan JKM dan penduduk tempatan kita telah mula membuat satu *database* tentang taska-taska yang beroperasi di rumah yang belum dilesenkan. Usaha ini akan berterusan sepanjang tahun ini Insya-Allah dan semoga hujung tahun ini kita akan dapat satu data yang lengkap berapa ramai taska yang beroperasi di rumah yang belum berdaftar dan Insya-Allah hasrat kita untuk memberikan mereka peluang untuk berdaftar dengan bantuan latihan dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEKEAR:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih tuan Speaker. Soalan ke-24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PELUANG PEKERJAAN**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memberi peluang pekerjaan kepada golongan anak muda, wanita, terutamanya ibu tunggal?
- b) Adakah Kerajaan Negeri memaparkan peluang pekerjaan berkenaan dalam laman web Kerajaan Negeri?

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Teratai. Kerajaan Selangor telah mengambil alangkah proaktif dalam merancang dan melipatgandakan usaha mewujudkan peluang pekerjaan di Negeri Selangor pada golongan anak muda wanita dan ibu tunggal. Untuk wanita dan ibu tunggal ini telah di usahakan oleh EXCO wanita di bawah *Workfare* selain daripada Program MiMBAR, SKIMSEL dan sebagainya. Di antara perancangan dan langkahnya yang telah diambil adalah dengan mengadakan program-program seperti berikut :-

- 1) Dengan kerjasama *Selangor State Investment Centre (SSIC)* bagi mewujudkan peluang pekerjaan dengan mengadakan program promosi dan menyertai pameran

perdagangan bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negara dan Alhamdulillah pada tahun 2013 usaha ini telah berjaya mewujudkan 14,699 peluang pekerjaan di Negeri Selangor, meningkat daripada 2012. Selain daripada itu juga prinsip yang penting yang dipakai oleh kerajaan Negeri Selangor, objektif utama kerajaan Negeri Selangor ialah memastikan keluarga di Selangor ini, setiap keluarga berpendapatan yang mencukupi sekurang-kurangnya RM3,000.00. Sama ada bekerja dengan orang lain dengan majikan atau pun kita upayakan mereka, berikan mereka ilmu, berikan mereka kemahiran untuk mewujudkan pekerjaan sendiri. Khususnya bagi ibu tunggal yang susah meninggalkan anak di tempat penjagaan seperti yang soalan yang lepas tadi. Begitu juga dengan program Jom Kerja berbentuk Karnival di mana ini adalah satu program yang kita mulakan mulai 2009 hingga 2014 di bawah Standco Modal Insan. Dengan kehadiran sebanyak 7,933 permohonan, selain kita memberikan pendedahan khidmat nasihat bagaimana membuat resume, bagaimana memastikan sesi temuduga itu berjaya di kalangan orang muda. Dan juga melalui tajaan pelajar di kolej INPENS khususnya pada pelajar-pelajar yang berpendapatan rendah dengan jumlah tajaan sebanyak RM6,550.00 untuk 6 bulan dan jumlah pelajar yang telah ditaja adalah seramai 2,450 orang semenjak 2008. Kita juga menganjurkan program Kerjaya khusus untuk ibu tunggal bagi mendedahkan dengan peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat bantuan kewangan seperti kursus asas, kursus keusahawanan, kursus pemasaran, kursus kewangan dan kursus rancangan perniagaan bersama dengan segala program yang telah dibawa di bawah MES di bawah Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL) MiMBAR, bersama dengan bank-bank komersial seperti Agrobank, BSN dan sebagainya. Dan kita juga menyediakan peruntukan bantuan perniagaan di bawah Geran Selangorku bagi membantu belia-belia yang berpotensi di dalam bidang berkenaan terutamanya bekas-bekas pelajar INPENS.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Klang, tolong ringkaskan.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Pameran di dalam web site mengenai wujudnya peluang pekerjaan dalam web site kerajaan Negeri Selangor boleh didapati di sesawang [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my) submenu Rakyat Jawatan Kosong SUK/Skim Mikrokredit Miskin Bandar/Skim Mikrokredit Selangor juga spn.gov.my submenu pengumuman. Ketiga portal Pihak Berkuasa Tempatan dan [www.perangsangselangor.com](http://www.perangsangselangor.com) Program Tanggungjawab Sosial Korporat, terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Bagaimanakah sasaran Kerajaan Negeri untuk mencapai seperti mana Yang Berhormat katakan RM3,000.00 pendapatan sebulan, terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Teratai kami belum lagi meletakkan satu *dateline* begitu sebab Insya-Allah di dalam kita merangka RMK Ke 11 sudah tentu ini di antara perkara yang utama untuk dibincangkan bersama EXCO Kerajaan dan juga Insya-Allah akan melibatkan para Ahli Dewan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: RUMAH TERBIAR**

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bilangan rumah terbiar (struktur, bukan kebersihan) yang telah dan belum diambil tindakan oleh MBPJ dalam tahun 2013?
- b) Berapakah bilangan aduan keseluruhannya di DUN Bukit Gasing, mengikut seksyen?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker sebanyak 55 buah unit rumah terbiar masih belum diambil tindakan dari segi merobohkan bangunan tersebut. Walau bagaimanapun, aktiviti pembersihan dilakukan oleh Jabatan Kesihatan persekitaran secara berterusan. Sebanyak 5 unit rumah terbiar telah dirobohkan oleh pemilik pada 2013 secara sukarela. Terdapat 12 rumah terbiar di DUN Bukit Gasing yang dikenal pasti keutuhannya, keutuhan strukturnya tidak berada di dalam keadaan baik dan berikut adalah pecahan mengikut seksyen. Seksyen 1A jumlahnya 2, Seksyen 1 jumlahnya 6, Seksyen 2 jumlahnya 3 dan Seksyen 12 jumlahnya 1.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Apakah KPI yang ada pada MBPJ untuk mengambil tindakan memandangkan sudah dilaporkan bahawa struktur rumah ini tidak dalam keadaan yang bagus, terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker sudah tentu pihak bangunan jurutera menentukan sama ada keutuhan bangunan itu berada dalam keadaan baik atau tidak.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Puan Speaker terima kasih soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: LEBUH RAYA SHAH ALAM (LSA) / KESAS**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa peratus pegangan saham oleh kerajaan negeri dalam konsesi lebuhraya ini dan huraikan tentang cadangan penjualan pegangan ini kepada syarikat lain.
- b) Tanggungjawab penyelenggaraan sekitar lebuhraya terletak di bawah penguasaan KESAS. Siapakah yang dipertanggungjawabkan bagi menyelenggarakan laluan air di kawasan persempadanan dengan JPS dan PBT?
- c) Berapakah kekerapan pembersihan dibuat dalam satu tahun?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmannir rahim*, terima kasih Yang Berhormat Sri Muda. Puan Speaker, Sri Muda bertanyakan tentang Lebuhraya Shah Alam atau pun lebih terkenal sebagai KESAS. Pertama tentang pegangan saham oleh kerajaan negeri dalam konsesi lebuhraya ini. Pegangan saham oleh kerajaan negeri yang sebenarnya melalui pemilikan oleh PKNS iaitu konsesi lebuhraya ini sebanyak 30%. Terdapat berita-berita tentang menyatakan bahawa ada tawaran untuk penjualan saham ini dibuat oleh beberapa syarikat yang ingin menguasai konsesi lebuhraya Shah Alam ini. Tapi buat masa ini Ahli Lembaga Pengarah PKNS tidak membuat keputusan apa-apa dan tidak bercadang buat masa ini untuk menjual pegangan KESAS ini. Kedua tanggungjawab tentang jalan-jalan tersebut. Saya ingin menyatakan apabila kerajaan persekutuan menjalankan penswastaan dan menentukan terdapat konsesi-konsesi jalan raya dan dia telah menubuhkan apa yang dipanggil Lembaga Lebuhraya Malaysia. Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah ditugaskan untuk memiliki, memantau dan menjaga lebuhraya tersebut. Jadi penyelenggaraan lebuhraya ini di bawah kuasaan syarikat konsesi dan di bawah jagaan lebuhraya Malaysia.

Kedua kalau ada pertelingkahan atau pun usaha yang berlaku di mana penjagaan laluan air di bawah JPS dan PBT dan juga lebuh raya. Jadi ini biasanya dapat diselesaikan melalui satu perbincangan yang dikuasai oleh 2 kumpulan. Satu daripada segi penguasaan tanah dijaga oleh Pejabat Tanah daripada pengusahaan pembinaan dijaga oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Tapi kedua-dua ini mesti mengadakan perbincangan supaya hasil penyelenggaraan itu dapat dibuat dengan tertib dan teratur.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Soalan tambahan Puan Speaker. Lebuh raya KESAS ini turut melalui kawasan Sri Muda iaitu di persimpangan Jalan Kebun. Kita dapati walau pun aduan dan jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi seharusnya perkara itu diikuti tetapi aduan ...

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Soalannya ya, jadi aduan sebelum ini telah tidak diambil tindakan yang serius oleh pihak yang berkenaan. Jadi dalam kes persimpangan ini di bawah, di bawah jejambat di persimpangan KESAS di Jalan Kebun ada laluan air yang di luar daripada tanggungjawab Lembaga Lebuh raya atau pun pihak KESAS atau pun pihak *maintenance*. Jadi soalan saya ialah kalau di bahagian atas lebuh Raya itu mungkin boleh diberi tanggungjawab kepada Lembaga Lebuh raya atau pun KESAS yang di bahagian bawah itu, laluan air itu adalah dalam bidang kuasa siapa kerana pihak Lembaga Lebuh Raya atau pun KESAS sendiri tidak mahu bertanggungjawab di atas, tidak mahu mengambil tanggungjawab untuk membersihkan laluan di atas itu jalan mereka, di bawah itu adalah tanah hak milik orang lain. Ini persoalan yang susah untuk kita selesaikan sudah hampir 7 tahun, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker saya memahami rintihan Yang Berhormat Sri Muda. Saya sendiri pernah pada awal penglibatan saya politik di Malaysia saya pernah membuat perarakan di kawasan KESAS dan ditahan oleh polis. Tapi untuk dari segi undang-undang di bawah kanun tanah negara, daripada segi undang-undang tanah itu adalah di bawah jagaan pejabat tanah. Jadi kedua dan daripada segi pentadbiran itu sebab saya rasa dia birokrasi itu agak, dari segi pentadbiran dia di bawah Pihak Berkuasa Tempatan, daripada pembersihan longkang-longkang yang tersebut. Saya rasa kalau benar-benar perkara ini betul-betul tidak selesai, kerajaan negeri oleh sebab ketiga-tiga tidak boleh bercakap, kerajaan negeri boleh menutup jalan. Itu ada kuasa supaya hanya bila dia akan membawa keadaan yang berbahaya yang itu boleh. Jadi kalau tidak kalau tidak kerajaan membahayakan tak boleh. Jadi saya ingat kita tidak boleh sampai ke peringkat itu. Jadi oleh itu saya hendak cadangkan Yang Berhormat Sri Muda

membawa perkara ini ke Mesyuarat Pembangunan Daerah untuk diselesaikan kalau tidak dibawa ke MTES untuk dicadangkan jalan ditutup. Itu sahaja yang boleh saya cadangkan, itu dia punya.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih atas penjelasan Yang Amat Berhormat. Untuk makluman Dewan perkara ini sudah dibawa ke peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah, Mesyuarat Pembangunan tidak ada Yang Amat Berhormat tetapi Mesyuarat Tindakan Daerah ada dibawakan, dah enam tahun pun tapi setiap kali masuk tahun baru isu itu hilang. Kita bawa lagi, sampai hujung tahun hilang dan inilah sebab itulah saya bawa ke dalam dewan ini kerana ianya sangat serius ya. Laluan itu di bawah lebuh raya KESAS itu tidak dibersihkan sama sekali. Dan ini ...

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda soalan, soalan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Jadi soalan saya kalau dah d peringkat PBT pun kita dah bawa, di peringkat Majlis Tindakan Daerah pun dah bawa saya harap sangat perkara ini boleh dibawa ke peringkat MTES supaya semua pihak boleh duduk dan kita selesaikannya secara holistik, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Insya-Allah saya akan jemput Lembaga Lebuh raya Malaysia dan bersama dengan Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengadakan perbincangan dan menyelesaikan perkara tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: JEREBU**

27. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan lokasi yang dipasangkan alat pengesan jerebu dalam Negeri Selangor dan apakah kriteria alat-alat pengesan tersebut ditempatkan di lokasi berkenaan?

- b) Adakah kerajaan Negeri Selangor bercadang menambahkan bilangan alat pengesan jerebu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi keadaan jerebu yang berulang setiap tahun dan bertambah serius?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Rawang, Puan Speaker saya akan jawab ini sekali dengan soalan 32 daripada Damansara Utama. Puan Speaker, terdapat 5 buah stesen pengawasan kualiti udara automatik di Negeri Selangor yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu terletak di Banting, Kuala Selangor, Pelabuhan Klang, Petaling Jaya dan Shah Alam. Stesen pengawasan kualiti udara ini mencerap kepekatan 5 pencemar udara iaitu parameter Sulfur Dioksida, Nitrogen Dioksida, Karbon Monoksida, Habuk halus berdiameter kurang daripada 10 mikrometer dan ozon di permukaan bumi bagi membuat kiraan nilai Indeks Pencemaran Udara atau pun IPU yang disiarkan pada setiap jam di laman web rasmi Jabatan Alam Sekitar di [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my).

Penempatan 5 buah stesen pengawasan kualiti udara automatik ini adalah berdasarkan lokasi yang strategik di kawasan perumahan, industri dan kawasan komersial bagi memantau sebarang perubahan ketara kepada status kualiti udara yang mungkin memberi kesan kepada kesihatan awam dan alam sekitar. Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan bilangan stesen pengawasan kualiti udara automatik di Negeri Selangor. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah jerebu dan juga pembakaran terbuka adalah berikut :-

1. mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka;
2. Jabatan Alam Sekitar menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesanan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
3. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Penguatkuasaan khas bagi mencegah pembakaran terbuka di Majlis Perbandaran Klang bagi memantau kawasan pertanian Revolusi Hijau, Johan Setia, Klang;

4. Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan “*water management system*” melalui pembinaan “*check dam*” dan pembinaan telaga air tanah (*tube well*) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
5. Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pemadamam bagi kes-kes kebakaran yang luas melibatkan kawasan hutan dan tanah gambut;
6. Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadamkan kebakaran tersebut;

Bagi membantu untuk mempercepatkan pemadaman kebakaran yang dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kerajaan Negeri telah mendapat kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk menggunakan khidmat penerbangan kapal terbang *Bombardier* untuk pemadaman kebakaran hutan di Negeri Selangor;

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Bukit Lanjan boleh ringkaskan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Secepat mungkin.

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka;

Selain dari itu kita ada program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam akhirnya Puan Speaker untuk menjawab soalan yang *very specific* daripada Damansara Utama dari 1 Januari 2013 sampai 1 Januari 2014 Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima 1269 aduan mengenai pembakaran terbuka

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan Tambahan Puan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Apakah tindakan yang diambil oleh mereka yang mengadakan pembukaan terbuka samada diambil tindakan undang-undang, disaman atau dibawa ke Mahkamah dan melalui pemantauan Jabatan Alam Sekitar. Apakah punca sebenarnya yang mendorong kepada kes jerebu yang semakin serius ini dan di manakah lokasi cadangan pemasangan stesen pengesan udara automatik yang akan diadakan oleh Kerajaan Selangor dan bilakah tempoh akan diadakan dengan pemasangan...

**TUAN SPEAKER:** Itu dah empat soalan Rawang

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya pun dah lupa banyak soalan. Satu adalah kawasan-kawasan di mana alat pengesan udara automatik yang bakal dipasang. Senarai tersebut adalah dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang kita ingin buat alat automatik tersebut adalah dilokasi yang strategik seperti kawasan perumahan yang banyak penduduk, kawasan industri dan kawasan-kawasan komersial. Jadi bila tempoh masa itu, jawapan tersebut adalah antara Kerajaan Negeri dan juga berunding dengan Kerajaan Persekutuan khasnya dengan Jabatan Alam Sekitar di Persekutuan untuk menambah lagi alat pengesan tersebut. Keduanya Apakah kalau saya tidak silap Rawang, Apakah punca pembakaran

**Y.B. TUAN GAN PEI NEI:** Punca jerebu, punca utama maksudnya berpunca dari pembakaran terbuka secara kecil kecilan oleh individu ataupun pembakaran ladang ataupun *contribution* dari Indonesia.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dia banyak punca, tapi mungkin kita tumpu pada tahun ini, tahun ini memang ada pembakaran terbuka yang amat berbesar dan di luar kawalan bukan sahaja di Riau, bukan sahaja di Semenanjung Malaysia malah di seluruh rantau Asia tenggara termasuk Indo-China. Jadi bila ada keadaan tersebut ada kita dipanggil dengan izin *have cloud*, yang berada di rantau ini dan bila angin bertiup kalau kadang kala dia bertiup di sini, bertiup di sana dan kalau keadaan dipanggil *weak wind* dengan izinnya. Maka jerebu itu tidak keluar daripada rantau ini. Jadi semasa, saya rasa di Negeri Selangor dilanda dengan keadaan jerebu yang agak teruk pada bulan Mac kalau saya tidak silap bulan lepas beberapa hari itu masih memang satu dengan izin *haze cloud* yang sangat besar di sebarang laut dan juga di kawasan semenanjung Malaysia. Kalau ada pembakaran terbuka yang katakan yang kawasan yang paling *favorite* yang beri buat Seri Muda pening kepala setiap tahun iaitu di Johan Setia. Pembakaran di sana tidak mungkin menyebabkan jerebu dan juga kalau pembakaran sebagai contohnya di Hutan Simpan Raja Musa, walaupun katakan 300 hektar itu pun tidak menyebabkan jerebu sampai ke Klang ataupun ke Banting ataupun ke Petaling Jaya jadi ada pelbagai punca di mana jerebu berlaku. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu perkara Puan Speaker, ada besar kemungkinan saya telah baca semua laporan sebagainya ada satu kemungkinan besar bahawa satu *elnino* yang agak teruk yang akan melanda kawasan Asia tenggara dan juga Asia dan

kalau kita boleh merujuk kepada beberapa kes fenomena *elnino* berada di Asia tenggara memang keadaan itu sangat tidak bagus untuk Malaysia khasnya di Semenanjung Malaysia, dan juga Malaysia Timur, jadi kita sedang membuat beberapa perancangan untuk tapi ini hanya kemungkinan dan kita akan melihat data yang akan dikeluarkan pada akhir bulan April dan bulan Mei untuk mendapat maklumat yang lebih tepat tentang fenomena *elnino*. Akhirnya kalau saya tak silap Rawang juga ada tanya tentang tindakan undang-undang betul. Jadi tindakan undang-undang yang kita ambil adalah kalau di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kita boleh keluarkan kompaun kita buka kertas siasatan bawa kes itu ke untuk mereka membuat keputusan untuk mendakwa atau tidak dan pada masa yang sama Pejabat Tanah dan Daerah diarahkan untuk merampas tanah selain daripada itu PBT juga ada peranan yang tertentu iaitu untuk mengawal pembakaran terbuka di kawasan perumahan khasnya.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Apabila berlakunya pembakaran terbuka apa yang selalu berlaku ada pengadu buat panggilan kepada Jabatan Alam Sekitar dan Alam Sekitar kata ini adalah dalam bidang kuasa PBT, apabila buat panggilan ke PBT dia kata adalah di bawah bidang kuasa Alam Sekitar jadi apakah cadangan EXCO? Terima kasih

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ini mungkin kita boleh ada hubungan rapat antara EXCO PBT dan EXCO Alam Sekitar itu sahaja. Tapi ini adalah kebiasaan kerana pelbagai isu kalau orang melihat itu adalah isu alam sekitar mereka akan panggil, angkat *phone* dan dail *hotline* Jabatan Alam Sekitar, dari situ mereka juga akan alihkan ataupun *delegate* dengan izin, masalah-masalah tersebut yang paling *simple* ataupun mudah untuk dengan izin *differentiate* siapa adalah kalau terlibat dengan sampah itu adalah di bawah bidang kuasa PBT. Itu yang paling *simple* kalau yang kawasan pembinaan kawasan lapang, kawasan hutan belukar, *factory* dan sebagainya itu adalah biasanya di bawah Jabatan Alam Sekitar tapi kita bekerjasama antara semua pihak. Sebagai contohnya Kinrara saya tahu apa isu yang Kinrara ingin bangkitkan iaitu pembakaran terbuka, sampah sarap ataupun sampah yang dikitar semula di tebing sungai kelang dekat Taman Medan walaupun bukan di kawasan Kinrara di kawasan Taman Medan namun begitu penduduk-penduduk di Kinrara, di Puchong boleh lihat apabila ada pembakaran terbuka jadi bila agensi-agensi dipanggil sebab seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mereka tidak ada undang-undang untuk menguatkuasakan masalah tersebut. Saya pun setuju jadi dibawa ke Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar juga akan mengatakan bahawa kerana ini *involve* sampah sarap, sis pepejal maka ini adalah di bawah bidang kuasa PBT jadi PBT akan mengambil pimpinan ataupun akan ambil *lead* tapi semua agensi adalah bersama dengan PBT tersebut untuk memastikan masalah itu boleh diselesaikan dan khas untuk pembakaran yang disebut oleh yang tidak disebut oleh Kinrara tapi saya yakin itu

isunya. Dato' Setiausaha Negeri yang telah mempengerusikan satu mesyuarat khas untuk menangani isu itu jadi ini bermaksud ini adalah satu masalah di mana Kerajaan Negeri melihat sebagai satu masalah yang penting yang besar yang perlu diselesaikan dengan segera.

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLAN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Soalan 28 telah dijawab bersekali dengan soalan No.7, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLAN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih, Speaker soalan No. 29

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YANG BERHORMAT IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: WANITA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah peserta yang telah mengikuti aktiviti Pusat Wanita Berdaya?
- b) Apakah kayu ukur pencapaian kejayaan Pusat Wanita Berdaya?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2013 untuk menjayakan program-program Pusat Wanita Berdaya?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BIN ISMAIL:** Tanjung Sepat ingin bertanya tentang hal-hal wanita dan ingin tahu berapa ramaikah peserta yang mengikuti aktiviti Pusat Wanita Berdaya semenjak ianya ditubuhkan daripada 2010 jumlah peserta yang telah menghadiri program seluruh Selangor yang berkaitan dengan PWB ialah 100,826 orang dan apakah ada kait ukur pencapaian kejayaan Pusat Wanita Berdaya memang ianya menjadi praktis dan budaya setiap program yang dibuat kita telah pun menyediakan borang soal selidik untuk mengukur kejayaan, di antara aspek yang diukur adalah berapakah jumlah bilangan wanita yang menyertai program-program PWB yang keduanya meningkatkan pendapatan wanita setelah menghadiri kelas-kelas kemahiran yang dianjurkan oleh Pusat Wanita Berdaya yang ketiganya kecekapan pengurusan PWB berlandaskan kehendak SOP PWB di mana di dalam pengurusan PWB telah pun diwujudkan satu SOP untuk pastikan ianya tidak tersasar pada objektif yang ditentukan yang keempatnya pelaksanaan program-program struktur mengikut aras pencapaian yang telah ditetapkan ada program-program juga perlu dibuat oleh PWB ianya adalah satu anjuran terus daripada pejabat EXCO kepada pusat-pusat ini dan yang kelima mewujudkan

pengemaskini pangkalan data, di mana setiap program selesai bekalan data mestilah diisi dan untuk dikemaskinikan dengan yang keenamnya perlu ada penilaian berkala dari responden dan setiap kali program responden mesti memberi penilaian ke atas program yang dinyatakan dan yang keenamnya penilaian berkala kepada penyelia-penyelia yang beroperasikan Pusat Wanita Berdaya.

Ketiga soalan daripada Tanjung Sepat. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2013. Perbelanjaan keseluruhan 2013 berjumlah RM962,500 telah dibelanjakan ke atas Pusat Wanita Berdaya di mana perbelanjaan ini dibahagikan kepada dua yang pertama disediakan untuk keperluan asas dan peralatan-peralatan yang memungkinkan program-program kemahiran dapat dilaksanakan iaitu sebanyak RM645,000.00 dan yang selebihnya adalah program-program yang berbentuk latihan di peringkat Pusat Wanita Berdaya sebanyak RM317,500.00 sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Y.B. EXCO, saya ingin bertanya tentang kejayaan yang telah dicapai oleh Wanita-wanita yang mengikuti program di bawah EXCO ini tentang yang mereka telah berjaya yang mencapai sasaran iaitu meningkatkan pendapatan. Adakah mereka ini akan menjadi mentor kepada peserta-peserta lain. Kemudian yang keduanya saya ingin bertanya tentang apakah setiap DUN itu telah selesai tentang pelantikan pengurus pusat Wanita Budaya tersebut.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tanjung Sepat. Tentang isu yang dibangkitkan, adakah mereka yang telah berjaya itu dijadikan mentor. Sebenarnya itulah hasratnya selain daripada menjadi mentor, sebenarnya penyelia-penyelia juga berkongsi, ia tidak hanya tertumpu, penyelia dan mentor-mentor ini tidak tertumpu hanya kepada satu pusat yang dikendalikan tetapi mereka sentiasa berkongsi di pusat-pusat yang lain untuk bertukar-tukar skil atau kemahiran yang ada dan selain daripada itu kita telah juga menganjurkan satu aktiviti yang di mana jika kejayaan itu telah berlaku kita telah pun , atau PWB telah mengujudkan Pusat Wanita Berdaya Selangor Mart iaitu perkongsian hasil melalui *online* ataupun program-program yang dianjurkan di peringkat kerajaan negeri sama ada ia program anjuran program-program kerajaan negeri ataupun anjuran orang luar untuk kita hadiri. Tentang isu yang dibangkitkan tentang apakah pelantikan yang telah selesai, alhamdulillah mesyuarat EXCO yang lepas, Kerajaan Selangor telah bersetuju untuk membuat pelantikan penyelia-penyelia ini dan insya-Allah nama-nama akan dikemukakan kepada pejabat, pada mesyuarat kerajaan negeri untuk pengesahan yang mereka ini akan dilantik secara sah oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Morib

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Soalan no. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HJ BAHARUDDIN  
(MORIB)**

**TAJUK: MASALAH TERPUTUS BEKALAN AIR**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah terputus bekalan air di kawasan Kampung Labohan Dagang, Plak Lempit, Bukit Changgang dan Kampung Sungai Manggis hingga memakan masa dalam tempoh 26 hari?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Speaker, Morib bertanyakan tentang masalah terputus bekalan air yang memakan masa 26 hari untuk diselesaikan. Saya memandang soalan Morib ini sangat serius dari segi perkhidmatan pemberian bekalan air, Kerajaan Negeri hanya mendapat berita tentang perkara ini agak lewat walaupun tiap minggu kita ada pasukan pemantau tentang, aliran, saluran air. Walau bagaimana pun, pelajaran yang dikatakan, yang menyebabkan perkara ini ialah pencemaran yang berlaku di Loji pembersihan air di Cheras dan Bukit Tampoi, yang terpaksa operasinya ditutup dan oleh sebab dalam penutupan itu, mereka telah menutup semua saluran-saluran air yang akhirnya bukan penduduk-penduduk, bukan sahaja penduduk di Bukit Changgang, Kampung Sg. Manggis dan Balakong yang mendapat kesan daripada perkara tersebut. Kita telah membuat satu keputusan iaitu penyelesaian itu tidak boleh dibuat secara menghantar lori-lori air untuk menyelesaikan perkara ini. Jadi sebab kita mengagihkan air-air ini, bukan kita tu saya jawab ialah ertinya SYABAS. Belum lagi milikan kerajaan negeri tapi SYABAS sepatutnya mengalirkan air-air ini melalui paip bukan melalui lori. Kalau ada berlaku perkara pemberian, pengagihan air. Jadi oleh sebab itu, satu keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri mengadakan catuan air, bukan menutup air tetapi mengadakan catuan air yang diberi dua hari ada air, dua hari tak ada air. Dan ini telah dapat menyelesaikan masalah kawasan-kawasan ini, walau pun dia ada air tetapi dia ada mengikut masa, tidak ada satu keadaan yang mereka tidak ada air langsung dalam satu minggu tersebut. Jadi ini telah berlaku dan kita telah melaksanakannya dan kita dapati air ini berjalan dengan baik dan saya rasa masalah ini akan selesai jika maklumat mengenai empangan ataupun takungan air ini dapat hujan dan mendapat air dan untuk kawasan di, kawasan-kawasan saya akan bacakan ya, sebab saya memantau setiap hari iaitu pada pukul 8 pagi, pada 8/4/2014 di Empangan Stasion Batu terdapat 78% takungan maknanya 70% dipenuhi oleh air empangan tersebut. Di Klang Gate 53%, di Kolam Takungan Sg. Labu 76.73%, di Langat, di Langat iaitu di kawasan yang, ialah 49.47% di Semenyih

71%, di Sg. Selangor, di sini yang paling, masalah yang saya rasa paling kita hadapi sekarang ialah 37.31%, di Sg. Tinggi 61% dan di Tasik Subang 87%. Jadi oleh itu kita mengharapkan hujan akan dapat dalam, dalam kita diberitahu ini kemungkinan untuk hujan adalah sangat besar, dan inilah musim hujan dan untuk batu pada semalam, 8/4 hujan tak ada di Batu, hujan tak ada di Klang Gate, di Labu hujan ada 28mm turunnya, di Langat tak ada, di Semenyih 9.3mm, di Sg. Selangor 0.59, di Sg. Tinggi 6, di Tasik Subang tak ada. Jadi jawapan saya, masalah bekalan air ini mestilah kita pantau dan jawapan secara menyeluruh ialah kita akan membuka satu takungan air yang lebih besar, yang sudah banyak kali nyatakan iaitu satu rancangan, HORAS yang untuk menampung lebih daripada pada tahun hadapan 6000mm satu hari dan untuk 5 tahun yang akan datang sekurang-kurangnya 3000mm satu hari.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya YAB Dato Menteri Besar, sekarang ni sebab catuan air ni walaupun dibuat, saya difahamkan sekarang ada musim hujan tapi daripada bulan enam (6) mengikut ramalan kaji cuaca dia kata akan musim kemarau lagi dan saya rasa masalah air ni akan sentiasa berterusan. Saya nak bertanya dengan Y.A.B. Dato Menteri Besar, sekiranya Dato Menteri Besar mendengar lah dulu pandangan daripada Kerajaan Persekutuan yang mengatakan krisis air pada tahun 2014 akan berlaku dan dibuat loji adakah sekarang ini masalah apa ni catuan air ni tidak akan berlaku. Itu soalan yang pertama. Yang keduanya sama ada oleh sebab masalah catuan air ni telah begitu maknanya sangat mendesak, saya kira, hari-hari pun, rumah saya sendiri pun. Saya terpaksa beli banyak baldi, ya, untuk menakung air, 2 hari sekali, 2 kali ada air, sekali tak ada air, saya keluarga besar, cuba bayangkan lagi, yang ada cucu saya semua nak buang air,

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Soalannya sekarang ni saya anggap ini keadaan yang kritikal jadi adakah nak dibuat satu Jawatankuasa *emergency* untuk mengisi empangan-empangan yang ada dengan cara, saya ingin mencadangkan kalau boleh loji, yang daripada Pahang tu, dia punya paip tu dah ada, boleh tak dibuatkan *kajian emergency* ambil air dari sana, masukkan dalam empangan, sekurang-kurangnya empangan Semenyih. Walaupun ini mungkin dianggap pandangan yang agak bodoh lah ye, tapi saya ingin mengajak pandangan di luar kotak, ya, mungkinlah ya, tapi ini bukan di luar kotak, cuba bayangkan rakyat Selangor sekarang menderita akibat catuan air, jadi yang penting empangan ini kena isi air, itu yang saya harap, apa Y.A.B. Dato Menteri Besar, dua soalan ini, yang ingin mendapat jawapan dan penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, terima kasih Sg. Burong, saya ingatkan suruh sabar. Pertama saya nak memberitahu dewan setiap hari, Setiausaha Kerajaan Negeri ada mengadakan perjumpaan dengan SYABAS, dengan SPAN, dengan semua ahli jawatankuasa tiap-tiap hari untuk menentukan program untuk menentukan semua rakyat Selangor mendapat perkhidmatan air tiap-tiap hari. Bukan dilakukan hari ini tapi sejak daripada bulan Disember tahun lepas sudah kita adakan. Walau bagaimanapun inilah beberapa keputusan-keputusan yang telah dibuat. Bersama-sama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri ialah pakar-pakar yang bekas daripada JPS, juga kita panggil pakar daripada, daripada SPLAS, semua itu, walaupun syarikat konsesi itu pun bersama-sama dengan kita, bersama SPAN untuk menyelesaikan perkara ini. Bukan satu, satu perkara yang kita anggap kita tak endahkan. Setiausaha ada rekod, dia ada rekod dia punya apa. Itulah sebabnya sampai kita sanggup membuat satu keputusan yang sangat besar, kita bina empangan lagi satu yang HORAS tu supaya perkara ini tidak berlaku lagi. Itu jangka panjang. Soalan mengenai Langat 2, saya ingin ingatkan yang hanya 1 Ribu Juta Liter sehari terlalu walaupun ceritanya besar, akibatnya sikit, dan duitnya banyak. Walau bagaimanapun keputusan itu, kita buat, saya buat bersama-sama dengan EXCO, kerana perkara itu sudah diputuskan dan kalau kita bergaduh kerana 1 Ribu Juta Liter sehari tidak menyelesaikan masalah seluruh rakyat Selangor. Itu satu pergaduhan yang tidak menguntungkan rakyat, jadi oleh sebab itulah saya kata kitalah cari jalanlah, bagaimana untuk cara menyelesaikan bersama. Saya terimalah Langat 2 tetapi saudara juga kena terima rancangan saya untuk buat 3000 million juta sehari, terima, jadi kalau terima sama-samalah selesai. Tak payahlah kita sama-sama bergaduh jadi dah selesai, dah mula nak bercakap dan penyelesaiannya. Dan apa pun kita cakap sekarang, sekarang kita setuju, masa Y.B. Seri Andalas katalah 2011 dia setuju untuk buat Langat 2, dia perlu 3 tahun, 3 tahun baru loji pembersihan air boleh baru dibuat, 3 tahun. Jadi itu sebab Kerajaan Persekutuan pun tak berani nak cakap kalau dia terima Langat 2, perkara ini selesai, tak boleh sebab dia memakan masa, loji pembersihan air, terowong dibuat tapi dia memakan masa, jadi jawapan kita, jawapan sayalah ini lebih baik kalau kita fikirkan HORAS dulu sebelum Langat 2, kalau HORAS kita buat, 3 tahun kita dah siap. Kita tak buat. Sebab apa kita tak buat, sebab kita terpandang Pahang daripada Bestari Jaya. Itu sahaja. Mengapa kita buat, kita kena buat HORAS ini? Sebab Dato' SS tiap-tiap hari kena *meeting* tengok macam mana nak menyelesaikan. Baru ternampak kita boleh alihkan air ke dalam sungai di Bestari Jaya. Lepas itu..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh dapat penjelasan sikit tak? Tuan Speaker?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Nanti saya selesaikan dulu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok..ok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya terima itu. Kemudian, selepas itu, kita juga dapat kajian, yang itu yang dibuat oleh itu, terdapat apa yang dipanggil air tasik di bawah tanah. Tasik air. Jadi kawasan itu kalau kita tak ada air pun kita boleh keluarkan air. Itu sebab tempat tu sesuai. Itu ada. Dan, tempat itu kita cuba, kita pun takut nak katakan, betul ke tidak betul sebab SPAN ataupun Syarikat Pengurusan Air Negara pun boleh jadi tak percaya pada kita. Jadi, itu sebab dia memakan masa yang lama. Dua (2) tahun setengah baru kita setuju boleh buat ke tak boleh buat. dua (2) tahun setengah. Dan perbelanjaannya hampir 1.5 juta *research* untuk kajian tersebut. Itu semua dibuat dan baru kita kata boleh. Baru lah kita ada usaha yang tersebut. Silakan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.33 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Sg. Burong untuk menyambung perbahasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia. Izinkan saya menyambung perbahasan saya. Berhubung dengan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Izinkan juga saya sebenarnya tadi ingin bertanyakan tentang isu air ini ialah kerana sebenarnya dalam tempoh tersebut katalah kita tak setuju dengan pelan loji Langat 2 pun. Saya sebenarnya menyokong cadangan Y.A.B. Dato' Menteri Besar tadi untuk membuat alternatif bagi mengatasi masalah catuan air ini. Tetapi yang saya ingin catatkan di sini walaupun ada kajian yang mengejutkan bahawa tahun 2014 krisis air ini akan berlaku. Tetapi pandangan ini telah diketepikan, ditolak dan beranggapan bahawa pada tahun 2019, air itu, krisis air akan berlaku. Sedangkan kita tahu keadaan iklim dunia pada hari ini yang sudah tidak menentu lagi sudah tentu kebarangkalian untuk berlaku masalah krisis air ini pada bila-bila masa dan kerana itu sepatutnya ada pelan *contingency* ataupun *alternative plan* pada masa itu untuk memikirkan sekiranya pada tahun 2014 berlaku krisis air, kita tidaklah mengalami keadaan, penderitaan rakyat di Selangor sampai hari ini. Yang berlaku setiap hari. Hari itu kata dalam tempoh tiga (3) bulan perkara ini mungkin akan selesai tapi kita dapati hari-hari pun kita mengalami masalah catuan air walaupun catuan air ini ..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong, Kg. Tunku minta mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sikit lagi, saya nak habiskan tadi sebab saya tak dapat penjelasan tu. Mungkin lepas ini masa penggulungan, Y.A.B. Dato' Menteri Besar boleh lah respons pada perkara-perkara yang dibangkitkan. Sehingga hari ini pun kita akan berterusan menghadapi masalah air, catuan air. Dan catuan air ini saya jangka ia akan berterusan kerana walaupun sekarang Alhamdulillah, Tuhan telah turunkan hujan tapi jelasnya hujan pun tak menentu. Ada masanya ia akan turun di takungan air, di empangan. Ada masanya ia hanya turun di tempat-tempat lain. Dan kerana itu, mengikut ramalan kajian cuaca bahawa selepas bulan enam (6) ini kita akan juga menghadapi kemarau. Dan saya sangat berharaplah bahawa Jawatankuasa ini bukan sahaja akan memikirkan bagaimana harus perkara ini kita selesaikanlah dengan baik supaya rakyat di negeri Selangor ini tidak akan menderita berpanjangan. Tuan Speaker, akhir..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong, benarkan, Kg. Tunku?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Sg. Burong. Sebenarnya, apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah terdapat sebenarnya perbezaan antara asas untuk membina Langat 2 dengan apa yang berlaku sekarang. Mengikut pengetahuan saya, kalau kita masih ingat semasa Langat 2 diusulkan, dicadangkan untuk dibina, asas ataupun *basis* untuk membina ialah kerana pada..dijangkakan permintaan terhadap air ini akan melonjak naik dan pada masa itu sekiranya tidak ada sumber air yang baru negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan air, akan berlaku krisis air. Itu adalah asas untuk membina Langat 2 yang diujarkan oleh Barisan Nasional. Tapi keadaan sekarang, di negeri Selangor berbeza. Ia berbeza kerana apa yang berlaku sekarang ialah keturunan hujan yang sepatutnya berlaku pada bulan Januari dan bulan Februari tidak berlaku. Masalah kemarau yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Bukan sahaja di negeri Selangor, di negeri Kelantan, di Kedah, di Negeri Sembilan, di Melaka, seperti Johor, malah sekarang kalau setahu saya, Taiping, bandar yang menerima hujan yang paling banyak pun perlu ada catuan air. Jadi saya rasa keadaan ini sebenarnya berbeza dengan apa yang dicadangkan dalam asas untuk membina Langat 2. Jadi, saya minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang mungkin sekiranya ini benar, saya rasa terimalah dalam ucapan Yang Berhormat nanti.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok, yang itu, YAB Dato' Menteri Besar telah pun menjelaskan dengan isu Langat. Tapi, walau bagaimanapun, isu Langat, dia punya kesannya telah ada pada masa ini. Iaitu, akibatnya itu ramai industri-industri dan juga pemaju-pemaju tidak dapat meneruskan projek-projek pembangunan mereka kerana tidak dapat kelulusan daripada pihak Syabas untuk memastikan bekalan air yang cukup. Dan ini telah menyebabkan kerugian pelaburan dan juga peluang pekerjaan yang sepatutnya diperoleh atau dimanfaatkan oleh negara ini. Yang keduanya tentang masalah

negeri-negeri lain juga yang menghadapi masalah itu, negeri-negeri lain lah akan berfikirkan. Tapi untuk negeri Selangor, saya ingin menyarankan dan juga memberi pandangan agar Y.A.B. Menteri Besar dengan pasukannya akan mengambil langkah-langkah yang bijaksana dan berkesan untuk terus menghadapi masalah catuan air. Tapi, saya nak beritahu bahawa Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah pun mengingatkan saya ingat dalam tahun 2008 atau 2009 bahawa masalah air kekurangan air ni, krisis air ni, kekurangan air ini akan berlaku pada tahun 2014 dan saya berpendapat sepatutnya perkara ini perlulah dibuat pencerahan untuk mengambil kira sekiranya apabila berlaku pada tahun 2014 seperti mana apa yang berlaku pada hari ini, maka kita tidaklah menjalankan orang kata, program *fire fighting* ataupun *on cloud haze*.

Tuan Speaker, akhirnya, saya akan menyentuh isu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) tanpa menyentuh perkara-perkara yang sekarang dalam pendengaran SELCAT. Rakyat berharap melalui persidangan Dewan Undangan Negeri yang mulia ini untuk membangkitkan isu-isu yang melibatkan PKNS selaras dengan konsep ketelusan kerajaan dan Akta Kebebasan Maklumat (*freedom of information Act 2010*), dengan izin. Saya menghormati dan akur dengan keputusan Tuan Speaker untuk menolak usul saya menyentuh dua (2) perkara yang sedang dalam pendengaran SELCAT. Walau bagaimanapun saya akan membangkitkan isu-isu yang tidak menyentuh dengan SELCAT tapi berkaitan langsung dengan PKNS. Tuan Speaker, PKNS merupakan sebuah agensi kerajaan negeri yang paling penting dan telah terbukti memberikan sumbangan besar kepada pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur negeri Selangor sejak ditubuhkan pada tahun 1964. PKNS adalah agensi utama pembangunan kerajaan negeri terutama dalam sektor harta tanah dan perumahan. Pembangunan kawasan-kawasan perindustrian dan bandar-bandar baru. Di samping terlibat secara langsung dalam berbagai-bagai program untuk merealisasikan sosioekonomi termasuk pembangunan untuk memastikan golongan pendapatan rendah mendapat kemudahan-kemudahan perumahan yang mereka mampu miliki. Dalam tempoh 50 tahun sejak penubuhannya, PKNS telah membangunkan 10 bandar baru seluas 14,148 hektar. Lapan (8) kawasan kejiranan berskala besar dan berpuluhan-puluhan berskala kecil, bandar baru Shah Alam, ibu negeri Selangor adalah salah satu daripada projek kemegahan PKNS. 152,334 unit rumah pelbagai jenis sehingga 2012 telah dibina yang terdiri daripada 38 peratus kos rendah, 47 peratus kos sederhana dan hanya 15 peratus kos tinggi. Ini tidak termasuk 14,132 unit rumah kos rendah di daerah-daerah. Pentingnya peranan PKNS di Selangor menyebabkan PKNS sentiasa mendapat perhatian rakyat Selangor terutamanya mereka yang berpendapatan rendah sejak daripada dahulu lagi. Malangnya sejak pemerintahan Pakatan Rakyat, pada tahun 2008 dan pelantikan Pengurus Besar PKNS yang baru dari sektor swasta, PKNS bukan sahaja telah meminggir dan memberhentikan pelaksanaan dasar dan objektif utamanya terhadap sosioekonomi termasuk Dasar Ekonomi Baru tetapi secara berperingkat-peringkat mengurangkan dan memberhentikan program sosioekonomi yang menjadi teras utama penubuhannya.

PKNS telah menjadi badan korporat yang meletakkan keuntungan maksimum sebagai tujuan utama operasinya. Pendekatan proses transformasi PKNS di bawah pengurusan baru ialah dengan menggunakan anak-anak syarikat milik penuh PKNS sebagai saluran dan agen perumahan yang tidak menyekat entiti baru ini untuk mematuhi dasar-dasar dan garis panduan kerajaan yang dianggap sebagai penghalang kepada proses transformasi PKNS. Di samping itu, pengurusan baru tidak percaya dengan kemampuan pegawai-pegawai dalam yang telah terbukti berjaya membawa PKNS seperti kedudukannya sekarang. Sebaliknya, kerajaan Pakatan Rakyat telah melantik pegawai-pegawai kontrak dan perunding-perunding serta syarikat-syarikat pengurusan untuk menjalankan kerja-kerja yang sebenarnya boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai dalam. Mereka telah melantik, mereka dilantik oleh PKNS Holding dengan gaji yang begitu tinggi dan lumayan dan dipinjamkan kepada PKNS. Gaji daripada RM8,000 hingga RM30,000 sebulan. Kesannya, belanja mengurus PKNS naik melambung tinggi. Pengurus Besar PKNS adalah pegawai kontrak yang mendapat gaji lebih kurang RM40,000 sebulan iaitu RM20,000 daripada gaji PKNS, gaji hakiki dan RM20,000 daripada sumbangan empat (4) buah anak syarikat PKNS. Jumlah ini tidak termasuk elaun-elaun sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah di anak-anak syarikat PKNS. Gaji dan bonus Pengurus Besar PKNS dalam tempoh 23 bulan sejak pelantikannya adalah berjumlah RM1.4 juta.

Pasukan pegawai-pegawai kontrak sokongan dan perunding-perunding kebanyakan pelantikan ini adalah tidak diperlukan ia membazir, *redundant* dan tidak banyak membawa kepada nilai tambah kepada PKNS kerana pegawai-pegawai kanan profesional di PKNS boleh membuat kerja-kerja tersebut. Pelantikan Puan Faridah daripada Beyond Brand Communication sebagai perunding teks ucapan Pengurus Besar dengan bayaran RM7500.00 sebulan terlalu tinggi dan tidak perlu kerana telah ada tiga (3) Pegawai Akhbar dan Pegawai Perhubungan PKNS yang berpengalaman dalam menjalankan tugas tersebut. Pelantikan PKNS Holding sebagai perunding kumpulan pemasaran bagi penyediaan pelan induk Projek Bernam Jaya dan Selangor Science Park 2 dengan bayaran sebanyak RM1.38 juta adalah tidak perlu kerana boleh diselaraskan sendiri oleh PKNS. PKNS Holding tidak ada pegawai profesional yang berpengalaman seperti PKNS. Macam mana mereka hendak memantau kerja-kerja tersebut. Adalah didapati pegawai-pegawai kontrak yang diketuai oleh Pengurus Besar PKNS datang dari syarikat-syarikat swasta dan tidak biasa dengan pengalaman berbagai-bagai peraturan kewangan kerajaan. Kecenderungan membelakangkan peraturan yang telah diterima oleh PKNS atas alasan kecekapan dan pentadbiran ala korporat. Laporan dan penemuan Jabatan Audit Negara cawangan Selangor ke atas enam perkara yang dibangkitkan di Dewan Negeri Selangor pada 9 November 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kewangan PKNS adalah tidak memuaskan kerana ketidakcekapan pengurus dan garis panduan kewangan yang tidak jelas. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Dewan Negeri Selangor pada tahun 2011 oleh ADN-ADN

Pakatan Rakyat dan ADN Barisan Nasional. Tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempertahankan tindakan Lembaga Pengarah dan pengurusan PKNS sebagai wajar dan selari dengan program transformasi PKNS. Walaupun banyak pendedahan-pendedahan dan bantahan telah dibuat termasuk oleh kakitangan PKNS sendiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyambung kontrak Pengurus Besar. Ini menyebabkan Pengurus Besar dan pegawai-pegawai kontrak tersebut naik tocang. Sewenang-wenangnya membelaikan garis panduan dan peraturan kerajaan kerana menganggap mereka dilantik PKNS Holding dan bukan penjawat awam dan mereka tidak terikat dengan peraturan tersebut. Pengurus Besar PKNS begitu angkuh dan tidak peka dengan teguran-teguran rakyat. Beliau menggunakan kemudahan PKNS untuk menunjukkan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Burong, Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Peraturan Tetap 35 (6). Seorang Ahli tidak boleh membaca ucapan. Lama sangat dia baca tadi saya tengok. Letih dah saya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tidak membaca, saya menengok saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kurangkan menengok. Teruskan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya sebenarnya menengok Tuan Timbalan Speaker ni tadi yang *handsome*. Kena tengok dulu sebelum baca kan Sekinchan. Nanti kita cakap merapu saja buat apa. Orang perlekeh kita. Saya nak bagi *facts* sahaja. Demi untuk rakyat Negeri Selangor. Pembesar begitu angkuh dan tidak peka dengan teguran-teguran rakyat. Beliau menggunakan kemudahan PKNS sebaliknya untuk menonjol dan promosi dirinya sebagai tokoh korporat berwibawa sehingga memenangi The Brand Lauret CCO and Leadership Award 2013. Ini dia saya nak tunjukkan majalahnya. *The Brand Lagmate World News Review*. Osman Omar for Being a new reality for PKNS. Sebagai pegawai kontrak beliau sebenarnya hanya tidak sayang dan tidak mempunyai *strong attachment* dan komitmen dengan izin kepada PKNS hanya mengambil kesempatan melalui PKNS untuk kepentingan sendiri. Selepas meninggalkan PKNS sekarang beliau telah dilantik sebagai CEO Oxley Malaysia iaitu anak syarikat milik penuh Oxley Holding Limited yang disenaraikan di Singapura. Tetapi akhirnya hari ini barulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedar dan mengakui bahawa pelantikan pegawai-pegawai kontrak tersebut sebenarnya merugikan PKNS dan terpaksa diberhentikan. Ini menurut beliau telah menjimatkan RM7 juta setahun. Mengapa sekarang?. Mengapa tidak mendengar teguran-teguran daripada ADN-ADN Pakatan Rakyat sendiri.

Kedua, macam mana Dato' Menteri Besar tidak tahu pelantikan mereka dan mengambil tindakan bila perkara ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2011. Walau apa pun alasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah bertanggungjawab sebagai Pengerusi PKNS dan beliau bertanggungjawab selaras dengan prinsip-prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan etika tadbir urus. Tuan Speaker, isu PKNS tidak berakhir dengan isu kakitangan kontrak dan perkara-perkara yang dibangkitkan di atas. Ada banyak lagi isu-isu kontroversi lama dan baru yang perlu mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selepas penamatan kontrak Pengurus Besar PKNS Dato' Osman Omar dan lain-lain pegawai kontrak PKNS Holding. Pertama, apakah hala tuju PKNS di bawah pengurusan baru yang diketuai oleh Pengurus Besar yang dipinjamkan oleh KDEB. Apakah strategi pemulihan dan penyusunan semula organisasi PKNS. Adakah PKNS akan kembali kepada matlamat penubuhan atau meneruskan transformasi melalui pendekatan Pengurus Besar yang dahulu. Kedua, apakah kedudukan lima (5) aset komersial PKNS iaitu Kompleks PKNS Shah Alam, Wisma Yakin, Kompleks PKNS Bangi, Menara PKNS Petaling Jaya dan SACC Mall Shah Alam yang pernah dicadangkan untuk dijual dan seterusnya dipindah milik kepada syarikat milik penuh PKNS iaitu *Private Real Estate Co.* atau ringkasnya PREC. Sudah selesaikah proses pindah milik dan berapakah harga jualan aset-aset tersebut. Apakah jaminan Kerajaan Negeri pada pengurusan PKNS bahawa aset-aset tersebut tidak akan dijual kepada pihak swasta di masa akan datang. Kemungkinan ini berlaku kerana PREC tidak banyak tertakluk kepada kawalan terus Kerajaan Negeri dan Perbendaharaan Malaysia seperti PKNS. Tiada jaminan bahawa PREC akan terus menjadi hak milik PKNS. Terdedah kepada risiko dibeli oleh pihak swasta. Kalau ini berlaku, aset-aset tersebut tidak lagi menjadi hak milik PKNS dan rakyat Selangor. Ketiga, bagaimanakah kedudukan projek-projek mega PKNS terutamanya 8 projek mega Datum dan semuanya yang semuanya bernilai RM8.983 billion. Adakah akan diteruskan oleh pengurusan baru PKNS. Apakah status projek Datum Jelatik yang pernah menjadi kontroversi sekitar PRU-13 bila dimulakan pembinaannya dan berapa kos yang terlibat, berapakah pelaburan PKNS dalam projek tersebut dari mana sumber kewangan didapati dan kalau melalui pinjaman bank berapakah jumlahnya dan berapa banyak yang telah dikeluarkan. Penjelasan terkini perlu diberikan untuk pengetahuan rakyat serta pemilik-pemilik asal rumah pangsa yang terlibat dengan projek tersebut. Keempat, berapakah jumlah pinjaman bank yang telah diperolehi oleh PKNS untuk berbagai-bagai projek mega PKNS sama ada melalui PKNS atau anak syarikat PKNS. Apakah bentuk cagaran PKNS untuk pinjaman-pinjaman tersebut dan bagaimanakah kemampuan PKNS untuk membayar balik hutang-hutang tersebut. Tuan Speaker saya membangkitkan berbagai-bagai isu PKNS di atas kerana PKNS adalah sebuah agensi pembangunan yang sangat penting bagi negeri Selangor yang pengurusannya perlu dipantau sepanjang masa. Saya memang bersetuju yang PKNS perlukan perubahan dinamik dan transformasi selaras dengan cabaran persaingan hebat dunia perniagaan dan senario pembangunan ekonomi semasa yang akan menentukan masa depan PKNS kelangsungan PKNS tapi sebarang transformasi yang dibuat oleh PKNS hendaklah

diseimbangkan dengan pencapaian matlamat sebenar penubuhan PKNS sebagai agen pembangunan sosial ekonomi Selangor dan bukan semata-mata untuk memaksimumkan keuntungan. Oleh itu saya mencadangkan pengurusan baru PKNS dapat menyediakan laporan strategik hala tuju PKNS berdasarkan pengalaman dan permasalahan yang dihadapi sepanjang tempoh operasi dan pengetahuan rakyat Selangor di dewan yang mulia ini. Setakat itu ucapan perbahasan saya. Saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. *Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum wabarakatuh.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** *Bismillahir rahmannir rahim. Alhamdulillah hirabbilalamin.* Tuan Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Alhamdulillah saya diberi peluang untuk berucap dalam perbahasan titah ucapan ke bawah Duli Sultan Selangor. Mula-mulanya marilah kita sama-sama merenung apa yang telah terjadi sebulan yang lalu apabila kejadian misteri kehilangan pesawat MH370 yang sehingga ke hari ini masih belum mendapat kepastian yang tepat daripada pihak Kerajaan Malaysia. Kita hadiahkan Al-Fatihah dan tafakur seminit agar keluarga anak-anak kapal penumpang dan mereka yang terlibat terus diberikan ketabahan dan kesabaran dalam menempuh dugaan ini. Al-Fatihah.

Saya bermula dengan menyatakan ribuan terima kasih kepada pengundi-pengundi terutama di Kajang kerana telah memberikan kemenangan sekali lagi kepada Pakatan Rakyat dan walaupun Ketua Pembangkang mengatakan jumlahnya kurang tetapi ingin saya memperbetulkan bahawa peratus undi itu lebih tinggi walaupun peratus keluar dan sambutannya adalah lebih kepada orang-orang muda yang telah meningkat dan kerana saya telah dipanggil neneh yang sepatutnya menjaga cucu jadi kalau inilah undi yang diberikan Alhamdulillah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang mewakili Ketua Pembangkang ya?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mewakili Permatang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Saya dah mula. Saya baru nak mula. Jadi bagi saya berucap.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nak sebut pasal Kajang. Boleh?

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Baru nak *warm up* kejap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak ada. Kajang tak bagi laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Kemenangan kerusi N25 Kajang ini adalah kemenangan rakyat. Ia juga meningkatkan Ahli Undangan Negeri wanita dalam Dewan ini kepada 15 orang iaitu 27% daripada jumlah wakil rakyat. Ini adalah titik kejayaan penting yang membanggakan dalam sejarah Selangor dan juga Malaysia dalam usaha meningkatkan penglibatan dan peranan wanita dalam perwakilan dan penyertaan politik. Saya juga nak menjawab sikitlah Ketua Pembangkang dikatakan bahawa MH ni kan bahawa Ketua Pembangkang Malaysia di Parlimen itu telah menjatuhkan imej negara kerana telah menanya kenapa dan bagaimana '*Standard Operating Procedure*', dengan izin SOP negara kita kalau kita dilanda bencana atau pun bahaya dalam negara kita ini. Kalau mulamula kita melihat bagaimana tragedi ini berlaku, reaksi kerajaan. Itu yang menjadi tanda tanya ya. Percanggahan fakta-fakta yang telah diberikan dan kita susah sebab apa saya biasa pergi berkunjung pada rumah Che Puteh ya. Ibu kepada salah seorang mangsa di atas MH370 di Saujana Impian dan berjumpa dengan suaminya yang memang begitu terkesan sekali. Jadi saya merasakan bahawa ini adalah satu yang sepatutnya ditangani dengan lebih baik lagi. Di luar negeri dikatakan imej yang buruk ini bukan kerana Ketua Pembangkang telah memberikan satu jawapan atau pun sidang media yang dipanggil seperti mana yang saya katakan semalam. Dia telah ditanya dan di *interview*, ditemu duga dan kalau dibandingkan dengan Perdana Menteri dia ni memanggil *press*. Jadi ini ada banyak bezanya tetapi dia tidak menjawab soalan. Dan juga kenapakah ya, apabila kita ditanya mengenai masalah ini atau pun tragedi yang berpunca ini, dua (2) *passport* penyamar kenapa jadi satu isu yang hilang begitu sahaja. Nak syaknya, kalau kita keluarlah tak ada IC, saya rasa curiga kalau saya tidak ada IC. Ini *passport*, *passport* Malaysia yang ku cintai ini, dinyamar, menyamar. Siapa, mana-mana dua (2) orang itu, mana? Apa yang jadi pada mereka? Katakan Ketua Pembangkang memburuk-burukkan negara kita? Saya tidak setuju sama sekali. Dan juga kalaularah kita tengok ya, Perdana Menteri kata hilang dalam berakhir tidak memberikan apa-apa saya akui bahawa usaha-usaha untuk mencari itu, *Alhamdulillah* melibatkan banyak negara. Tapi negara-negara ini telah memberikan satu kerjasama yang terpaksa, mereka bukannya kata Malaysia ni baik sangat, tapi terpaksa kerana kita ada melihat ya, bila kita ke luar negeri, Malaysia memberi satu imej yang kita ada satelit, kita ada radar yang semalam saya sebut, *makoni* itu yang dibuat di Gong, Kedah yang melepas apa yang lalu itu, dalam radar itu kalau ia bukan talian atau jalannya. Kalau dia pusing balik, kalau *friendly* atau *unfriendly* mesti *is a set*, mesti jaga. Itu adalah kerana negara kita nak menjaga keselamatan negara. *Our security*, dengan izin Timbalan Speaker.

Jadi inilah yang menjadi persoalan dan tanda tanya. Saya juga nak menyentuh sedikit tentang kita *Alhamdulillah*, kita mempunyai banyak kelapa dan kelapa mempunyai banyak khasiat. Tetapi imej kelapa yang dibawa sebagai *balance* itu kan, itu tidak menguntungkan negara kita dan tidak memberikan satu.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Permatang nak minta penjelasan. Dekat Permatang mungkin banyak kelapa ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Permatang banyak kelapa ni, nak tanya.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Sekejap lagi, saya tengah dok dalam ni.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ni fasal MH ni. Nanti dah lari lain, tak boleh nak tanya dah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang tak bagi laluan, Permatang ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Hai, Pengerusi pun tak berani nak bagi. Macam mana? Ha, takut? Berilah peluang. Nanti dah pindah topik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Memandangkan ini giliran Kajang ya, kita bagi Kajang berucap. Kalau dia bagi laluan nanti, Permatang boleh bertanya.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Sebab saya tunggu, manalah Sungai Burong? Sebab dia yang kata semalam. Bila ni, tak payahlah Permatang nak apa.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya dalam Dewan daripada semalam ada. Boleh tanya, boleh minta penjelasan, Kajang?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu, duduk dulu. Permatangkan? Bukan Sungai Burong ya. Jadi teruskan Kajang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih. Jadi kita..... apabila kita menang Pilihan Raya yang dahulu menunjukkan bahawa di Selangor ini, peratus undi telah meningkat. Jadi menunjukkan bahawa rakyat menerima mandat Pakatan Rakyat. Harapan rakyat juga meningkat kerana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat perlulah, mesti menunjukkan prestasi kerja yang kuat dan cemerlang ya. Saya nak ambil unjuran apa yang titah ke bawah Duli katakan bahawa Selangor telah mencatat banyak kadar ekonomi, penumbuhan yang baik ya, berkembang kadar lebih daripada 6%. Sebab saya nak ambil lagi sekali apa yang Sungai Burong katakan bahawa "Apalah Penasihat Ekonomi negeri Selangor ini, dengan harga RM1.00 ini, apa kebaikan? Apa penambahbaikan dia?" Sekurang-kurangnya kadar ekonomi 6% melebihi daripada Malaysia 4.5% sampai

5.55%. Jadi sebenarnya Selangorlah yang meningkatkan sumbangan ekonomi Malaysia. Inilah sumbangan Penasihat Ekonomi. Pelaburan RM9.8 billion, 228 projek lebih daripada 200,000 peluang pekerjaan, saya mohonlah kalau boleh Kerajaan memberikan perincian peluang pekerjaan ini dan apakah dipenuhi atau tidak, biar peluang sahaja. Kalau dikatakan *matching* ya, dengan izin pekerjaan dan apakah graduan-graduan yang keluar itu boleh diserapkan dan diterima, *employability* itu dengan izin kepada ini. Jadi kalau boleh, memanglah saya dengar tadi jawapan EXCO mengatakan bahawa ada *work force* apa ni, apa tu di mana kita boleh dapatkan mana-mana tempat peluang pekerjaan tetapi kadangkalanya mereka-mereka yang nak mencari pekerja-pekerja itu juga mencari *suitability*, sesuai atau tidak graduan-graduan ini diserapkan dalam peluang pekerjaan yang ada. Ini berlainan dengan..... saya diberitahu Kajang tu dia kata ada manifesto Kajang. Apa salahnya? Janganlah sakit pula? Kalau ada manifesto Kajang. Jadi kalau nak kata, dia kata ini adalah nak kritik Kerajaan Pakatan Rakyat sebab kita Kerajaan. Kita bukan BN, tak boleh kritik. Apakah salahnya, kita menegur dengan membina? Ini kalau kita boleh membuat kerja dengan baik dan menegur dengan baik, kadang-kadang pembangkang pun sama dengan kita. Itu yang kita tengok bahawa ini adalah satu kerjasama untuk membina Selangor yang lebih baik lagi.

Apa lagi sumbangan ini, apa..... Ketua Pembangkang ini? Ini sebab dalam Selangor ini adalah belanjawan berimbang. Belanjawan berimbang yang dulunya Ketua Pembangkang menjadi Menteri Kewangan. Bila dia jadi Menteri Kewangan, bila dia ambil alih memanglah defisit. Lepas itu, dia membayar *pra payment*, dengan izin hutang negara. Lepas itu, belanjawan berimbang. Lepas itu, belanjawan berlebihan. Jadi Selangor ini, itulah sumbangan Penasihat Ekonomi. Dia nak katakan apa sumbangan? Tak ada, apa semua ini, tak ada apa semua ini? Inilah. 1994 hingga 1998, belanjawan Malaysia boleh dilihat. Kalau banding sekarang, defisit semenjak dia masuk *jail* hari itu. Sampai belum sekarang ni. Mujurlah Kerajaan Selangor di bawah pimpinan Menteri Besar tidak berhutang dengan Kerajaan Persekutuan sebab Kerajaan Persekutuan berhutang kalau nak bagi kat kita. Jadi kita tidak membebankan. Kerajaan Selangor bawah Pakatan Rakyat tidak membebankan Kerajaan Persekutuan.

Jadi saya ni nak cakaplah terutama Sungai Burong yang tidak ada. Saya kurang faham dengan obsesi Anwar Ibrahim. Dalam UMNO pun cakap Anwar Ibrahim. Cakap dalam apa pun, Anwar Ibrahim. Dalam Dewan Undangan Negeri pun saya duduk kat sini *first time*, Anwar Ibrahim juga dalam ucapan dia. Macam tak boleh, tak tahu kenapa ya? Jelaslah, pasal dia kata Mahkamah. Mahkamah mana dalam ada kes Mahkamah. Mahkamah selalunya tangguh, *postponed*. Ini dia ke depangan. Langkah baru Kajang, baru nak langkah. Lepas itu..... saya tak pernah tengok ya. Hakim dia buatkan tarikh, boleh telefon. Hakim sendiri duduk, bagikan apa ni.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuang. Kalau nak bercakap minta kebenaran Speaker ya? Nak bercakap, berdiri. Minta izin.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Semalam saya diam ya ahli-ahli Yang Berhormat. Semalam dia Sungai Burong cakap, saya diam. Saya baris untuk mendapatkan *floor*, saya cakap elok-elok. Sekarang saya mahukan, *at least* ada adab. Jadi kalau Mahkamah, Hakim sendiri duduk memberikan tarikh. Hakim sendiri telefon pada Hakim yang sepatutnya Y.B. Karpal pergi ke Johor, Hakim sendiri menyatakan *cancel, postponed the case*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang, Dengkil minta laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Siapa?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil minta laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Tak apa, terima kasih. Saya nak.....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya minta izin. Saya minta izin.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Saya tahu. Saya tak bagi izin.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Semalam Ketua Pembangkang dapat izin, bagi izin pada Kajang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Nantilah. Dia bagilah kat Kajang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tapi ya lah, tapi sekarang dia belum bagi izin. Nanti bila dia bagi izin, baru boleh mencelah ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Lepas ni ya Kajang, ya? Terima kasih Kak Wan.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Jadikan, 16 tahun ya? 16 tahun. Lepas itu, kes itu. Dicerca dan difitnah, dihina, diaibkan. 16 tahun ya. Di TV ya, cakap pasal apa tu..... oh kes itu. Apa ni, *Bar Council* mengatakan kenapa apa ni, dia katakan itu adalah suka sama suka. Tidak. Caj itu suka sama suka. Benda itu tidak berlaku. Tetapi caj itu. Kalau caj itu, suka sama suka. Banyak Yang Berhormat menjadi Peguam di sini. Kalau caj itu suka sama suka, kenapa budak itu

tidak di caj. Kenapa budak itu tidak dihukum? Itu ada caj itu. Itu adalah caj. Sebab itu adalah fitnah. Kalau dicakap pasal kenapa tak berani masuk sumpah lakan dalam masjid? Mana? Mana fikahnya? Mana syariatnya untuk masuk dalam masjid untuk bersumpah? Mana? Kalau baca Yusof Qardawi mana? Berapa tahun kita bawa ke Mahkamah Syariah. Kita ada Mahkamah Syariah. Islam adalah agama rasmi di Malaysia ini. Kenapa tidak didengar? Kenapa? Jadi janganlah sewenang-wenangnya bercakap. Kalaulah berlaku pada tuan dan puan, kita rasakan. Jadi, kalau.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuang. Kalau Kuang tak tahan nak mendengar, boleh keluar macam Ketua Pembangkang. Tapi kalau nak duduk dalam, nak tanya, boleh mencelah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Minta laluan. Ini kes Mahkamah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta laluan. Kuang minta laluan, faham? Baca Peraturan Tetap, minta laluan kalau dia bagi, boleh bertanya. Kalau bagi, kalau bagi. Kalau dia tak bagi tak boleh, tunggu dulu. Tanya dulu.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Yang Tuan Timbalan Speaker tinggikan suara pasal apa?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tidak. Sebab saya minta. Saya tak kuat. Ikut peraturan sebab dari tadi saya dengar Kuang, saya dah cakap tanpa minta laluan, tanpa berdiri.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sebelah pihak. Kan saya dah minta. Kes Mahkamah, Mahkamahlah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila duduk. Kuang, sila duduk. Saya minta.....

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Keputusan Mahkamah.... menghina Mahkamah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Kuang..... tak, bertengang dulu. Dia menceritakan tentang kes sejak daripada awal sampai akhir, dia tidak mempersoalkan apa itu proses tersebut. Ya, jadi saya minta Kuang kalau nak bertanya ke, apa dan apa ke, ikut Peraturan Dewan. Ikut Peraturan Dewan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekarang saya nak minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tidak. Kajang bagi atau tidak? Ha, Kajang tidak bagi laluan. Minta duduk Kuang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Yang Berhormat, saya nak tengok macam manakah perangai orang-orang...

**Y.B. DATUK ABDUL SYUKUR BIN IDRUS:** Saya nak tengok juga macam mana perangai Kajang.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Kuang semalam, masa waktu pembangkang bercakap Kajang boleh duduk, boleh mendengar. Kenapa Kuang tidak boleh duduk mendengar, nanti bila sampai giliran Kuang berucaplah puas-puas. Ya, saya mintak itu saja, kalau di bagi laluan oleh Kajang ya saya benarkan. Tapi kalau tidak tunggu giliran Kuang. Baca Peraturan Tetap.

**Y.B. DATUK ABDUL SYUKUR BIN IDRUS:** Ok lah. Timbalan Speaker berat sebelah, yang Timbalan Speaker nak tinggi-tinggikan suara kenapa.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Peraturan Tetap Tuan Speaker. Tuan Speaker, Peraturan Tetap. Peraturan Tetap 41...

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Kajang minta duduk. Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Peraturan Tetap 41 (e), Adab ahli yang tidak bercakap. Seorang ahli yang bercakap semasa bersidang, ahli-ahli yang lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang ajar.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Itu saya ingat peraturan yang asas. Kuang, minta duduk-duduk. Kuang...

**Y.B. DATUK ABDUL SYUKUR BIN IDRUS:** Tak, yang *last* tadi saya tak dengar, kurang apa?

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Adab.

**Y.B. DATUK ABDUL SYUKUR BIN IDRUS:** Kurang adab tak apa.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Tak, Kuang ada Peraturan Tetap ke tidak atas meja. Ada Peraturan Tetap ke tidak, kalau tak ada minta carikan ya. Sebab ini benda asas untuk semua ahli dewan minta baca. Ok, Kajang teruskan.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Ya Allah, ini belum lagi saudara kena. Ini baru saja saya berucap, kalau tuan dan puan di tempat saya bagaimana. Saya ada anak...

**Y.B. DATUK ABDUL SYUKUR BIN IDRUS:** Nak minta laluan kalau boleh Kajang beri laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Saya tak bagi sebab saya nak berucap bukannya saya nak buat apa pun. Saya tidak mendakwa tuan. Saya tidak membuat apa-apa saya hanya nak menyuarakan dalam dewan yang mulia ini. Apa tak boleh dengar sekejap tak boleh sabar sekejap. Jadi, dalam kes ini, dalam sejam Hakim membuat keputusan, dalam sejam membuat keputusan hidup seseorang itu dalam sejam untuk menjatuhkan hukuman sewenang-sewenangnya. Tak apalah sekarang kita melihat bagaimana insya-Allah kita teruskan supaya sekurang-kurangnya kewibawaan kehakiman, pentadbiran Negara kita ini, cara mana tata kelola Negara kita diteruskan dengan saya harapkan yang mana ada ini seperti terutamanya anak-anak Malaysia akan memperbetulkan keadaan. Terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor yang telah membawa pembaharuan kepada Negeri Selangor serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dengan tata kelola serta kawalan yang ketat bagi mengelakkan pelbagai perbelanjaan yang keterlaluan ini, tapi saya kira bahawa apa-apa yang kita, apa ini jimatkan ya adalah untuk rakyat dan apabila kita ada masanya kita membelanjakan lah untuk keselesaan rakyat. Sebab kita di sini adalah kerana rakyat. Kalau tidak rakyat memilih kita yang tak tipulah ya. Kita apa ini berkewajipan untuk memberi khidmat yang terbaik Insya-Allah. Jadi, keadilan keadaan kewangan yang stabil dan peruntukan yang cukup, maka kita haruslah menggunakan duit itu, dana itu dengan bijak supaya hasilnya dapat di kecapi oleh rakyat bertepatan dengan konsep merakyatkan ekonomi Selangor. Sekiranya wang yang ada tidak dibelanjakan untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat Selangor, maka rakyat tidak akan dapat menikmati apa yang seharusnya dinikmati mereka. Oleh demikian yang 17 program merakyatkan ekonomi Selangor itu mestilah kita pertingkatkan agar rakyat dapat mengetahui peluang dan hak mereka untuk turut sama memacu perkembangan ekonomi negeri Selangor. Saya ingin mengesyorkan kepada sidang yang dewan pada pagi ini supaya Kerajaan Selangor menggunakan dana dan kuasa untuk memberi lebih manfaat kepada rakyat Selangor terutama untuk perkara-perkara penambahbaikan ya. Satunya, pengurusan Kerajaan Tempatan, kerana apabila saya ke Kajang saya melihat bahawa keadaan boleh diperbaiki. Alhamdulillah Kajang menjadi satu tempat apa ini ya dekat Metropolitan dan juga *urban*, semi *urban* jadi dan ada pula MRT yang hendak dimasuki dekat tempat itu, penambahbaikan tempat Kajang sendiri, tetapi kotor ya. Tempat-tempatnya merata-rata sampah sini. PBT saya memang telah berjumpa dengan Yang Dipertua dan dia telah memberi kita jaminan tetapi saya kira walaupun ya kekerapan mengangkat sampah itu ini perkara yang diintegriti yang kecil-kecil tapi penting dalam erti persekitaran penting dalam erti kita menjaga bumi itu ya, saya ingat Y.B. Meru kan tahu ayat Al-Quran ya, kalau kita memberi kasih sayang kepada tanah, nescaya yang lain itu akan mencurahkan kasih sayang kepada kita. Itu yang selalu saya dengar. Jadi kalau kita menjaga persekitaran yang cantik, memperbaiki, mengindahkan tempat itu, saya kira itu akan memberikan satu impak bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat ini prihatin dan memberikan kesejahteraan yang telah kita sebut oleh yang di titahkan oleh ke bawah Duli

Tuanku, dan juga saya melihat bukan sahaja yang angkat sampah atau membawa tetapi pelupusannya adalah penting kerana apa yang dikatakan oleh EXCO Bukit Lanjan iaitu satu tempat saya telah pergi dan bila duduk berdiri dalam lima (5) minit sahaja saya bau macam sampah terbakar. Sebab dia tanah gambut itu bakar dan memang telah ditutup, tetapi apabila sampah berurus dengan YDP dia mengatakan bahawa dia adalah *illegal* ya. Itu adalah satu tempat pelupusan sampah yang haram dan masalahnya apabila pegawai-pegawai hendak pergi untuk membuat liputan ataupun menguatkuaskan undang-undang mereka diserang oleh *gangster-gangster*. Jadi ini mungkin Kerajaan Negeri dengan Pihak Berkuasa boleh bekerjasama menolong sebab tanah itu cantik dan pemandangannya bukan main indah tetapi dan bawahnya adalah kawasan perumahan tetapi ini adalah satu yang apa menjaskan kesihatan walaupun Y.B. EXCO Kesihatan kata kita ada gaya hidup sihat ya maka tapi udaranya tak bagus dan tak elok dan tak bersih ia tidak bermaksud bahawa itu adalah sihat. Sebab ini boleh Insya-Allah ditangani kerana kalau dikatakan jerebu yang ada apa ini *cloud awan* yang menyelubungi itu memang susah nak ditangani tetapi apa yang kita boleh sebagai Kerajaan Negeri boleh memperbetulkan keadaan Insya-Allah. Dua adalah merealisasikan secara jelas bangunan luar bandar, desa dan kampung. Ia sebab Malaysia ni lah pada keseluruhannya Selangor nya, khususnya dia ada desa dan di kampung dan desa kampung dan di bandar ya dan masalah sampah juga yang bukan kampung dia curi-curi buang sampah di tempat MPKj. MPKj kata dia tak bayar cukai jadi menjadikan masalah. Tetapi bolehlah kita mengatakan bahawa kita juga mesti buat satu latihan untuk rakyat negara kita. Rakyat di Negara kita mesti menjaga kebersihan juga, tanggungjawab bersama saya kira tanggungjawab kita bersama untuk menjaga kebersihan persekitaran dan itu mempermudah kan ya MPKj, mana-manalah ya yang membuat pembersihan ini Insya-Allah. Saya juga ingin membangkitkan isu penambahbaikan pengurusan Kerajaan Tempatan ya bagaimana yang saya katakan kalau Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai dana dan belanjawan yang berlainan daripada Kerajaan Negeri tetapi kalau boleh masalah-masalah yang mendesak boleh mendapat perhatian khusus daripada Kerajaan Negeri yang apa ini utama adalah kaedah pengurusan sisa pepejal di Selangor dan khusus dan khasnya di ADUN Kajang. Semasa kempen pilihan raya kecil saya ulangilah ya sebab saya diberitahu Peraturan Mesyuarat tak boleh baca-baca, tapi saya diberitahu bahawa di dalam Bulan Mac ini akan buat satu perancangan jangka pendek mencari tapak pelupusan baru yang lebih dekat sebab sekarang ini di Tanjung Dua Belas tu jauh. Jadi lori nak sampai sana, dia juga meningkatkan kos jadi orang tidak mahu membuatnya kerana tidak mendapat keuntungan. Jadi ini adalah satu yang boleh kita cuba perbaiki. Saya juga ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri kalau boleh mengimplementasikan satu penyelesaian yang menekan komponen pengurangan sisa pepejal. *Astagfirullahalazim*. Menambah kekerapan pengutipan sampah dengan pemantauan dan lain-lainlah. Memperkenalkan dasar pengitaran semula sisa pepejal daripada sumber seperti kawasan perumahan, kawasan komersial dan industri. Kerajaan Negeri boleh menerajui satu dasar Selangor *Solid Waste Management Masterplan* ya dengan izin untuk menyelesaikan masalah.

Saya yakin Insya-Allah pada masa yang terdekat Selangor akan menjadi paling maju di Malaysia, bakal menerajui negara yang mempunyai pengurusan sisa pepejal yang terbaik di Malaysia. Kita tunjukkan Pakatan Rakyat kita boleh membuat untuk membersihkan dan mengambil kira apa ini sampah-sampah dan sisa pepejal ini di Negeri kita. Satu lagi apa bila saya pergi ke Kajang dia *traffic jammed*. Kesesakan lalu lintas, ini adalah salah satu daripada manifesto yang telah diberikan kepada pengundi-pengundi Kajang ya. Khasnya di kawasan yang sedang membangun ya. Kajang bertuah kerana bakal mempunyai sistem MRT. Tetapi buat sementara ini perancangan juga diperlukan dengan izin *Traffic Disposer* khasnya di kawasan bandar Kajang. Kajang Negeri perlu mengkaji perkara ini dengan segera serta melantik satu perunding lalu lintas untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di Kajang dan juga di kawasan-kawasan yang lain dalam Negeri Selangor. Berkenaan dengan pembangunan luar bandar, desa dan kampung saya ingin mengesyorkan satu modul yang lengkap, lestari dan holistik yang untuk membangunkan kawasan luar bandar yang merangkumi kurangkan kemiskinan, kadar kemiskinan, penambahan peluang penjanaan pendapatan khasnya untuk anak-anak muda dan wanita, pemberian bantuan pendidikan khas kepada pelajar-pelajar luar bandar dan pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan keperluan asas. Izinkan saya sikit untuk menyentuh apabila saya bercakap dan berbincang dengan rakan saya Y.B. Ijok ya. Dia telah mengesyorkan satu ini lampu LED yang diambil daripada pancaran solar *energy* ini tenaga solar itu saya kira lebih mudah lebih cepat dan lebih senang dipasang berbanding orang-orang dulu panggil LLN lah ya. Apa LLN, TNB, Lembaga, TNB ya.

Kadar jenayah juga meningkat di Malaysia ini. Apabila saya pergi ke Kajang, saya diberitahu bahawa rumah-rumah ini, jangan tanyalah rumah pecah ke tak, berapa kali rumah pecah, itu yang menjadi satu.... apa ni.. kayu pengukur menunjukkan memang kadar jenayah telah meningkat. Jadi kalau boleh kita memperbanyakkan lampu-lampu terutama pada malam hari, tetapi juga masalahnya pengawasan kerana kebanyakan pecah rumah ini berlaku pada siang hari. Ini yang menunjukkan ada masalah yang lebih meruncing.

Saya juga tertarik kepada apabila Puan Speaker, mengatakan semalam dalam Dewan bahawa MOU Penstruktur Semula Industri Air antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri boleh diakses secara terhad oleh orang awam semasa sidang berlangsung. Walaupun Kerajaan Negeri berniat baik untuk memberi ruang kepada orang awam, untuk meneliti dokumen penting seperti MOU tersebut namun saya juga ingin memperingatkan Kerajaan Negeri bahawa Selangor adalah merupakan antara dua (2) negeri di Malaysia yang telah menggubal dan meluluskan undang-undang khas kebebasan makluman *Freedom of Information* dengan izin. Sesuai dengan janjinya dulu untuk sebuah kerajaan yang cekap dan penuh ketelusan. Maka, untuk apa jua perjanjian yang bakal ditandatangani khasnya antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ianya harus dilandasi dengan prinsip keterbukaan dan ketelusan kerana sebuah Kerajaan Pakatan Rakyat tidak perlu berselindung di

sebalik tabir kerahsiaan dalam apa jua perjanjian atau tindakan yang bakal membawa manfaat kepada rakyat. Maka ingin saya syorkan kepada Kerajaan Negeri agar memuatkan dokumen MOU Penstruktur Semula Industri Air dalam laman web Kerajaan Negeri untuk sesiapa yang membaca dan meneliti. Saya yakin, Insya-Allah rakyat jelata Selangor akan membantu mempertahankan hak Kerajaan Negeri dan juga hak mereka sekiranya Kerajaan Pusat memungkiri mana-mana janji mereka dalam manifesto.

Sidang Dewan yang dihormati, Selangor adalah bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat, jangan dilupakan ya, kerana beberapa kali Ketua Pembangkang menyebutkan Kerajaan Pembangkang, Kerajaan Pembangkang, jadi dia dah tak ada pula ye, ramai pula yang meninggal ya, saya baru nak beri peluang, mana Permatang, ha.... dah pergi, ada tak kalau macam tu Sungai Panjanglah, silakan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Yang tak minta pula boleh..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Kajang

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Mereka tidak memberi perhatian

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Bila dah hilang modal, tiba-tiba minta kita pula

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Bila kita bagi peluang tak nak, sebab kalau tak ni... Kajang nak cakap dia nak kacau, sekarang Kajang beri peluang tak ada pula. Jadi apa yang penting dalam Dewan Undangan Negeri ini adalah tekad untuk terus berkhidmat untuk rakyat negeri Selangor semoga menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 kita dapat membawa harapan rakyat ke Putrajaya, Insya-Allah. Saya percaya kita akan dapat mandat yang lebih besar Insya-Allah sekiranya Kerajaan Negeri boleh membawa prestasi pentadbiran yang ke tahap yang lebih tinggi sekiranya pada tahun 2008 tsunami politik hanya mendapat melanda negeri-negeri di barat Semenanjung Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor, saya percaya Pilihan Raya Umum ke-14 adalah gempa politik Insya-Allah bakal melanda pelosok negara hingga ke Putrajaya. Dan dengan izin *the anker must be Selangor*. Sebelum saya mengundur diri saya nak bacalah satu pantun, mana pulak letaknya, minta maaf ya, *first time*, okey,

Pangkah bukan sebarang pangkah,  
Pangkah dalam dan menyengat,  
Langkah bukan sebarang langkah,  
Langkah kemenangan Pakatan Rakyat.

Terima kasih. Assalamualaikum.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO dan sekalian, dalam semak ada duri, ayam kuning cari makan, dalam sokong ada janji, ia janji mesti dilaksanakan. Ini nak jawab Sekinchan. Dalam kesempatan ini saya wakili DUN Kota Anggerik menjunjung kasih atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Keberangkatan Tuanku untuk merasmikan Sidang Dewan Negeri Selangor menunjukkan kehadiran Tuanku terhadap rakyat negeri Selangor keseluruhannya, Kota Anggerik akur dengan nasihat Tuanku seperti perenggan 3, muka surat 21 teks ucapan, saya baca sikit:

“ pada hemat beta adalah tidak wajar sekiranya terdapat mana-mana Wakil Rakyat ataupun kakitangan awam yang cuba merosakkan perjalanan pentadbiran Kerajaan Selangor yang berusaha gigih membantu meringankan kos hidup rakyat”

Saya ingatkan kepada barisan pembangkang, jangan cuba nak ganggu kacau pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Kota Anggerik mengambil kesempatan untuk membahaskan ucapan tuanku sebagai tanda sayangnya Kota Anggerik terhadap Pakatan Rakyat yang telah dipilih dan sebagai tanda sayangnya kepada Menteri Besar Negeri Selangor. Kota Anggerik menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat khususnya golongan petani, masyarakat luar bandar dan pinggir bandar. Sekurang-kurangnya pendapatan isi keluarga RM3,000.00 hingga RM5,000.00 sebulan, bagi saya RM3,000.00 satu keluarga tak cukup untuk tinggal di negeri Selangor ini. Kalau boleh pendapatan isi keluarga sekurang-kurangnya RM5,000.00 sebulan memandangkan kos sara hidup pada hari ini terus meningkat. Betullah BN ni betul-betul Barang Naik dan apa lagi tahun hadapan akan dilaksanakan GST, Gasak Sampai Tertonggeng. Pada hemat saya dengan makan gaji atau pun bekerja makan gaji sukar untuk pendapatan keluarga melepas RM2,500.00 sebulan. Sebahagian besar kakitangan awam gajinya tidak melebihi RM2,000.00 sebulan bahkan sebahagian besar kerani kita di bawah paras kemiskinan di bawah RM1,500.00. Kerajaan Negeri tiada halangan untuk meningkatkan pendapatan tetapi terikat dengan peraturan Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi Kota Anggerik, pilihan terbaik untuk meningkat pendapatan rakyat dengan menjadi usahawan kecil atau petani moden. Alhamdulillah setakat ini program Skim SEL Mimbar, EXCO Wanita keluar pulak, kedai kecil dan sederhana IAS, IAT Industri Asas Tani, ia nampak ada peningkatan pada pendapatan tetapi ia tidak boleh berpuas hati setakat itu. Dalam manifesto, saya baca balik ni, takut ada yang lupa manifesto, dalam manifesto yang ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ketika

itu dia belum lagi menjadi Menteri Besar, sewaktu pilihan raya, Yang Berhormat Teressa Kok, Pengerusi DAP Selangor, Dr. Rani Osman, Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor, ingat, masa dah sain baca tak ni, Mohamed Azmin Ali Pengerusi PKR Selangor, ada tulis di situ, saya nak bacakan di sini, perenggan berkaitan dengan keusahawanan dan inovasi. Semua rakyat Selangor mendapat peluang, EXCO Usahawan punya kuota ni, menubuhkan Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pendidikan dan latihan keusahawanan. Menubuhkan Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor, membina kios dan gerai bagi peniaga kecil sebagai usaha menggalak dan mendidik pengusaha persendirian membuang tabiat mewah. Ha ni dua perkara yang disebut dalam manifesto ini. Saya tidak nampak usaha-usaha ini telah dirancang. Sehingga ini tiada bajet khusus dibentangkan di dalam Dewan ini untuk kedua-dua program tersebut. Saya minta pihak PBT agar menyediakan tapak-tapak atau mengusahakan membina kios-kios dan gerai-gerai bagi peniaga kecil sebagai usaha menggalakkan mendidik pengusaha persendirian ini. Apa yang saya lihat di MBSA ialah usahanya untuk merampas, meroboh alat-alat peniaga kecil ini, tetapi tiada usaha untuk membina Kios-kios yang cantik yang bersesuaian dengan namanya Bandar Raya sama ada MBSA, Subang Jaya ataupun Petaling Jaya. Saya lihat di negara maju, ketika lawatan saya ke negeri-negeri maju di Melbourne, di Kota London sendiri ada kiosk-kiosk dibina di tengah-tengah bandar, tetapi kios-kios ini sangat menarik dan kalau kita setuju kita gantikan gerai-gerai goreng pisang yang tidak menarik itu digantikan kiosk-kiosk yang menarik. Saya rasa EXCO PBT bersetuju dengan saya dan boleh ajak saya melawat ke bandar-bandar yang cantik ini, nak tengok macam mana kiosk yang cantik itu dan Kota Anggerik, Sekinchan sedia ikut lawatan itu.

Saya minta pihak PKNS di bawah program pembangunan usahawan membina kompleks-kompleks perniagaan dan menyediakan ruang-ruang kecil untuk disewakan kepada peniaga-peniaga kecil dengan harga yang rendah. Tuan Speaker, kalau di Kelantan ada Pasar Siti Khadijah, di Terengganu ada Pasar Payang, di Kedah ada Pasar Rabu, di Selangor ada Pasar Jawa di tepi masjid Klang itu pun hidup segan mati tak mahu. Kompleks PKNS Shah Alam dan Bangi sangat terhad. Kalau kita lihat di negara lain di Bandung ada Pasar Baru, Mangga Dua di Jakarta, Pasar Besar di Kampuchea, saya ada pergi Kampuchea dia ada satu *The Big Market*, kalau ke Istanbul ada bazar, di Taiwan ada juga pasar begitu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Global ya ucapan Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tempat-tempat bazar ini menjadi pusat tarikan, daya tarikan pelancong-pelancong, tetapi bazar-bazar ini

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Laluan Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta laluan ya.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Saya nak minta penjelasan, seingat sayalah dulu Kota Anggerik adalah EXCO, masa 2008, apakah khusus ini pernah disuarakan dalam majlis EXCO.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ketika saya menjadi EXCO saya sempat membina dua (2) kompleks. Pusat IKS satu di Sepang, satu di Kuala Langat tetapi nampaknya bila saya melawat baru-baru ini Yang Berhormat EXCO yang di Kuala Langat tu kosong lagi. Kompleks, bazar Darul Ehsan itu belum ditawarkan lagi. Meru, jangan buruk sangka, ada buat tu (Dewan ketawa) dan ketika itu juga saya membenarkan pasar *Uptown*, bazar *Uptown* di Shah Alam yang menempatkan 480 peniaga kecil. Sekarang jadi ADUN menyampaikan suara rakyat sebab banyak kali mendapat SMS, mesej dapat, komen daripada peniaga-peniaga gerai-gerai mereka diroboh tetapi tiada penyelesaian kepada masalah ini. Saya sebelum Sidang Dewan saya masuk dalam *facebook* kepada pengundi Kota Anggerik, sila beri cadangan untuk saya bawa dalam Dewan. Antaranya ialah isu ini di samping semalam saya dikata Y.B. Yaakob *is the big sinful* sebab bila orang nak sembahyang tiada air di surau, satu perkara yang sangat, apa... berdosa bila orang musafir nak sembahyang air tak ada di dalam surau. Bila surau menghubungi pihak SYABAS, dia kata hanya surau solat Jumaat sahaja yang dihantar air, bila surau nak minta air kena bayar RM800.00. Saya sampaikan ini dalam Dewan yang mulia ini supaya yang taklimat kepada saya bahawa hanya surau-surau, semua surau-surau berhak untuk mendapat air, bila minta air hanya surau Jumaat sahaja yang dapat bekalan air. Jadi *warning* kepada Kerajaan Negeri dia kata "satu dosa Kerajaan Negeri sebab orang nak sembahyang di surau tak ada air". Itu kita minta fatwa Bangi lah. Peniaga-peniaga kecil juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara ini supaya, saya minta supaya kelompok ini juga diberi perhatian.

Perkara seterusnya yang saya nak bawa dalam Dewan ini ialah berkaitan dengan pembangunan ekonomi desa. Saya dapat jawapan daripada EXCO tapi jawapan itu tidak menjawab soalan saya. Saya tanya ialah program pembangunan ekonomi desa. Dijawab ialah pembinaan jalan-jalan dan longkang-longkang di kampung-kampung. Saya rasa itu tidak menepati soalan yang saya kehendaki. Saya ingin bangkitkan dalam Dewan ini supaya fokus ekonomi desa ini diberi. Seawal Yang Berhormat Menteri Besar angkat sumpah menjadi Menteri Besar, antara kenyataan pertama ialah Yang Berhormat akan memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi desa. Saya lihat ada masalah dalam struktur EXCO. Semalam saya *download* ini (gambar). Sebab itu bila Sekinchan menyebut soal memusatkan kuasa itu ada sedikit betulnya. Ha? Banyak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta penjelasan, Kota Anggerik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik bagi ke tidak?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Boleh. Sekejap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Memang betul bukan sedikit. Memang betul. Saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Betul, betul? Saya baca ini. Ini ialah daripada yang diberi berkaitan dengan *Standco* portfolio yang dipegang oleh Menteri Besar. Pengurus Jawatankuasa Tetap Kewangan (1), Pembangunan Tanah dan Pengurusan Sumber Alam (2), Pemutihan Kilang Haram, MTES, Pembangunan Desa, Pelancongan, Penerangan, Jawatankuasa Adat dan Adat-adat Melayu. Lima keenam ni, Sekinchan? Saya rasa ada (apa yang berlaku saya rasa), saya sebut dalam Dewan yang lepas juga supaya program apa ini pembangunan desa ini diserah sepenuhnya kepada EXCO. Di mana pegawai konflik. *Of course* pegawai akan dengar cakap Menteri Besar dan sukar untuk EXCO memberi arahan. Saya cadangkan supaya untuk *Standco* Pembangunan Desa ini diserah sepenuhnya kepada EXCO supaya EXCO boleh beri fokus kepada program-program ini dan senang untuk kita terus kepada EXCO minta bantuan. Saya lihat tugas ini dia agak *overload* bagi Menteri Besar. Saya setuju supaya *collective decision making* ini (dengan izin) dibuat di peringkat negeri supaya apa saja dasar dibuat bersama dengan ADUN dan pimpinan masyarakat supaya kita rasa memiliki *own and decision* untuk kita pertahankan. Apa saja isu yang kerajaan negeri buat akhirnya

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Meru.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Sedikit. Minta maaf ya Yang Berhormat. Saya ingin mendapatkan (saya dapat satu maklumat) tapi saya tak tahu sama ada itu benar ataupun tidak. Tetapi saya berharap Y.B. tolong bagi pencerahan. Saya difahamkan (pertamanya) memang pembangunan ekonomi desa dulu adalah di bawah Y.B. sendiri sebagai EXCO. Saya juga difahamkan (*I hope its wrong*). Minta maaf (dengan izin). Bahawa bila sekarang ini (katanya di letak di bawah Y.B. EXCO yang baru ini), saya difahamkan tidak ada satu fail pun yang Y.B. serahkan kepada Y.B. saya nak minta penjelasan / pencerahan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dah tahu sistem pentadbiran. Ada fail di pejabat EXCO, ada fail di pejabat kakitangan kerajaan (di bawah UPEN). Fail-fail (semua minit-minit) itu berada di kakitangan kerajaan dan apa yang perlu dibuat ialah minta fail-fail tersebut (keseluruhan minit sepanjang masa itu) pada pihak UPEN. Tetapi kecuali EXCO tak minta. Kalau tak minta, tak ada lah. Tetapi fail semua berada di tangan kakitangan kerajaan. Sama juga ditadbir oleh kerajaan dahulu.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Mencelah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kerajaan dahulu dalam bilik EXCO tidak ada fail. Tetapi fail tersebut berada di kakitangan kerajaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Sungai Panjang nak mencelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Kota Anggerik, sepanjang perbahasan saya menilai seolah-olah Kota Anggerik cuba membuat perbandingan antara sebelum menjadi EXCO, masa dah jadi EXCO. Walhal, operasi pentadbiran ini di bawah kepimpinan Menteri Besar yang sama. Kan? Jadi, saya fikir apa sebenarnya mesej yang nak disampaikan?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Apa yang saya cuba jelaskan bahawa ada satu manifesto yang masih belum dilaksanakan usahawan yang memberi effect besar kepada peniaga kecil. Yang kedua ialah soal pertindihan fungsi tugas (yang ini disebut juga oleh Sekinchan). Saya sebut tadi ketika kita ambil alih kerajaan, dalam pejabat EXCO memang kosong. Tetapi fail-fail tersebut berada di tangan kakitangan kerajaan. Bila kita diserang isu babi umpamanya, gambar-gambar lawatan mereka ke German ada dalam kerajaan. Jadi, bila kita jadi kerajaan semua fail-fail tersebut ada.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta simpulkannya ya Yang Berhormat. Masa tak lama lagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Satu lagi ialah ketika pembentangan bajet dalam sidang dewan yang lalu, Menteri Besar berjanji untuk memberi peruntukan RM50 juta untuk program pembangunan ekonomi desa. Ketika pertemuan di *pre-council* baru-baru ini, saya tanya bajet tersebut. Alasan yang diberikan ialah peruntukan yang sedia ada masih belum digunakan. Macam mana nak minta yang baru? Sepatutnya bila mana Menteri Besar sebut RM50 juta, pegawai kerajaan di UPEN telah menyediakan satu garis panduan, garis kerja rancangan. Sekarang bulan April. Sepatutnya bulan April ini ialah tempoh pelaksanaan dan kalau dalam bulan April lagi belum ada perancangan, tunggu bulan Jun dan bulan Disember, makna peruntukan ini akan berlalu begitu saja.

Satu perkara lagi ialah berkaitan di Kota Anggerik. Ia kawasan pembangunan yang begitu pesat sekali. Saya minta supaya sebuah pasar moden dibina di kawasan Setia Alam kerana permintaan untuk pasar ini sangat tinggi. Ketika ini, ramai peniaga-peniaga kecil bermiaga pasar pagi bawa lori di kawasan Setia Alam dan mereka ini memohon lesen tak dapat lesen. Akibatnya, mereka (gerai-gerai mereka akan dirampas dan dirobohkan). Saya mencadangkan supaya sebuah pasar moden dibina di kawasan Setia Alam sesuai dengan namanya Shah Alam ini dan mudah-mudahan dengan itu kehidupan di kawasan tersebut dapat lebih teratur. Saya pernah bawa (bangkit) isu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Satu minit lagi ya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya pernah bangkitkan isu Tasik Shah Alam. EXCO ketika itu baca skrip yang disediakan oleh MBSA. Hingga hari ini tiada tindakan dibuat untuk membaik pulih Tasik Shah Alam. Tuan Speaker, terima kasih atas kesempatan ini. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Terima kasih diucapkan kepada Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengambil kesempatan untuk menyokong usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sekinchan. Selamat bersidang, salam sejahtera diucapkan kepada semua yang hadir pada hari ini. Sebelum saya memulakan ucapan saya, ingin juga saya memetik serangkap pantun (ini bukan tulisan saya) daripada seorang bernama Norizam Mohd Yassin, Gombak Selangor (ini anak Selangor). “Menanti cinta di dalam jaga, tirai sentuh pilu sekali. Kelopak mata berkaca juga, rindu menanti MH 370 kembali”. Dengan perasaan yang rendah diri Kampung Tunku ingin memulakan ucapan saya dengan memberi penghargaan kepada semua pihak dan anggota-anggota yang terlibat dalam usaha mencari dan menyelamat yang sekarang ini masih bekerja keras di Lautan Hindi untuk mencari pesawat MH 370 yang sudah kehilangan lebih daripada sebulan. Doa dan harapan saya ialah mudah-mudahan pesawat ini dapat ditemui dan segala misteri dan persoalan akhirnya kita akan mendapat jawapannya.

Kampung Tunku juga amat terharu dan tersentuh dengan titah ucapan Tuanku Sultan Selangor pada dua hari yang lalu di mana baginda ada menyebut beberapa perkara pokok yang harus diberi perhatian dalam sidang dewan kali ini. Apakah perkara yang terpenting dalam titah ucapan Tuanku pada dua hari yang lalu? Ini soalan saya. Dan jawapan saya, pada pendapat saya bahagian yang terpenting yang telah dititahkan oleh baginda adalah tersirat di dalam permulaan titah ucapan baginda yang berbunyi (yang saya memetik) “Beta berharap semua wakil-wakil rakyat Negeri Selangor dapat hadir pada setiap sesi sidang dan (bukan saja hadir) tahu berhujah dengan memberi cadangan dan pendapat yang bernas demi kebaikan rakyat beta di setiap kampung, mukim, daerah dan seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan yang kita kasihii”.

Tuan Timbalan Speaker,

Dalam pengakhir titah ucapan baginda Tuanku juga menyebut sekali lagi “Beta berharap Dewan Negeri Selangor ini akan berfungsi dengan baik dan sempurna. Semua Ahli Dewan Negeri hendaklah menjalankan, memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan teratur mengikut peraturan semasa perbincangan dan berhemah serta mempunyai tatasusila yang baik sebagai wakil rakyat. Wakil-wakil rakyat janganlah bercanggah dan berbalah mengenai perkara yang tidak berfaedah.

Sebaliknya hendaklah menjalankan tugas-tugas mereka untuk kebaikan serta kesejahteraan rakyat Negeri Selangor". Ini adalah beberapa titah ucapan yang bagi saya adalah sangat penting. Dengan rendah dirinya Kampung Tunku juga ingin mengajak rakan-rakan seperjuangan di Dewan yang mulia ini khususnya rakan-rakan dari pihak pembangkang Barisan Nasional untuk bukan saja sama-sama menghayati nasihat daripada Tuanku ini, tetapi juga betul-betul mencurahkan bakti dan tenaga mereka untuk memainkan peranan mereka sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor di Dewan yang mulia ini.

Tuan Timbalan Speaker,

Titah ucapan Tuanku juga menyebut tentang pemulihan prestasi ekonomi di beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah yang telah mula memperlihatkan tanda-tanda pemulihan pada tahun ini. Berita ini sememangnya merupakan sesuatu yang amat memberangsangkan kita semua. Saya pasti KDNK kerajaan (negeri Selangor) yang kebanyakannya didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan akan mendapat manfaat yang lebih besar daripada perkembangan positif ini. Ekonomi Negeri Selangor masih amat bergantung kepada pelaburan. Sekiranya kita melihat profil ekonomi negeri ini (sama ada pelaburan ini pelaburan asing ataupun domestik) untuk membantu dan mempermudahkan urusan perniagaan dan pelaburan di negeri Selangor. Dan untuk memastikan negeri Selangor terus mendapat perhatian daripada pelaburan asing khususnya, Kampung Tunku mencadangkan kerajaan mengkaji cadangan untuk menggunakan ataupun mempertingkatkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran kedua di kerajaan negeri. Saya rasa ini adalah satu strategi antarabangsa yang sebenarnya telah pun berlaku di beberapa buah IPTA di Malaysia ini. Dan saya kira ini adalah satu strategi yang boleh membantu menarik lebih ramai pelaburan asing dari luar khususnya mereka yang mempunyai teknologi tinggi untuk membantu supaya mereka faham tentang negeri Selangor, mereka faham tentang *guide line*, garis panduan dan dasar di semua PBT dan Pejabat Daerah di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Y.B. Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** Apa asas Kampung Tunku sebut soal kemahiran berbahasa dengan pertambahan pelaburan ini?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Cadangan saya ialah untuk dijadikan Bahasa Inggeris ini sebagai satu bahasa pentadbiran kedua. Maksud saya ialah paling asas sekali pun, mungkin apa yang kita boleh lakukan ialah semua arahan, pekeliling,

undang-undang kita juga sediakan teksnya dalam Bahasa Inggeris. Dan kalau kita lihat apa yang berlaku sekarang ini sebenarnya saya kira sekiranya kita fasih ataupun faham tentang proses perundangan, teks yang kita pegang (Rang Undang-Undang yang kita pegang) juga disediakan dalam Bahasa Inggeris. Setidak-tidaknya ini membantu pelaburan asing (pelabur-pelabur asing) memahami situasi, undang-undang, dasar kerajaan, undang dan tanah di negeri kita dan mereka akan dapat merancang strategi mereka dengan lebih selesa di negeri Selangor. Dan saya rasa sekiranya ini dapat dijalankan, ianya pasti akan melonjakkan kedudukan negeri Selangor sebagai negeri yang termaju di seluruh Malaysia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, saya minta duduk dulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ok, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyebut sebelah pagi tadi bahawa untuk melonjakkan lagi dan mempermudahkan urusan perniagaan dan pelaburan di Negeri Selangor bagi pihak pelaburan bagi pelabur-pelabur asing dicadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran kedua di semua jabatan kerajaan, PBT dan sebagainya. Dan ini boleh dilakukan secara beransur-ansur bukan secara terus-menerus tetapi secara beransur-ansur supaya semua pihak dapat mewujudkan satu skim pelaburan yang selesa bagi pelabur-pelabur asing ini. Dan fasa ini sebenarnya masih terpakai di Malaysia walau pun penggunaan Bahasa Inggeris di semua jabatan kerajaan sebenarnya telah pun berhenti selepas 10 tahun selepas merdeka. Salah satu contoh ialah penyediaan rang undang-undang dan juga status untuk kemudahan rujukan, saya difahamkan ianya masih disediakan dalam 2 bahasa. Dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris untuk memudahkan rujukan pada masa depan. Jadi saya rasa ini adalah salah satu strategi yang perlu diberi perhatian khusus lebih-lebih lagi bila kerajaan telah pun mencadangkan begitu banyak program merakyatkan ekonomi Selangor. Dan hampir semua program melibatkan wang, sekiranya kerajaan tidak menerokai lebih banyak sumber pendapatan, maka saya rasa ini mungkin akan menjadi suatu masalah pada masa hadapan nanti. Jadi cadangan ini saya rasa boleh membantu Kerajaan Negeri Selangor mendapat sumber pendapatan yang lebih banyak untuk menampung apa sahaja situasi yang mungkin akan timbul pada masa depan.

Tuan Timbalan Speaker, Tuanku juga menyarankan kita semua supaya semua kakitangan kerajaan dan pekerja-pekerja di sektor swasta agar tidak leka dan sambil lewa dengan dalam perkataan yang lain ini bermaksud kita harus mengikis mentaliti "Durian Runtuh" dan sentiasa bekerja keras untuk kemakmuran Negeri Selangor. Mentaliti "Durian Runtuh" ini perlu dikikis dan kita perlu memastikan sistem penyampaian kerajaan negeri dan juga PBT selalu berapa pada tahap yang boleh dibanggakan oleh seluruh rakyat Negeri Selangor. Satu lagi cadangan yang saya ingin bangkitkan di sini dan pada pendapat saya perlu diperhebatkan ialah sambungan Internet di Selangor ini. Memang tidak boleh dinafikan bahawa program Wi-Fi Selangorku telah pun dilancarkan 2, 3 tahun yang lepas. Tetapi keberkesanannya pada masa sekarang ini pada pendapat saya masih tidak memberangsangkan. Ianya perlu diperkuuhkan kerana perkembangannya masih lebap. Masih lambat lagi. Dari segi perancangan bandar, saya mencadangkan agar Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa dalam mengambil kira keperluan pembangunan pada masa depan, mengambil kira sambungan Internet sebagai satu utiliti, sama seperti bekalan air, bekalan elektrik, sistem pembetungan dan

sebagainya pada pendapat saya kita juga harus mengambil kira sambungan Internet ini sebagai satu utiliti dan perlu disediakan tanah-tanah rizab untuk tujuan komunikasi Internet. Jadi untuk mencapai matlamat ini saya bercadang supaya Kerajaan Negeri Selangor yang baik bagi Kerajaan Negeri Selangor ialah kerajaan mempunyai sebuah anak syarikat yang mempunyai pengkhususan dalam sektor ini. Anak syarikat ini namanya Kumpulan Jaringan Selangor. Dan saya minta supaya kerajaan melihat aspek ini dan merangka satu program atau pun strategi untuk menjadikan Wi-Fi Selangorku ini mendapat liputan yang lebih luas di seluruh Negeri Selangor.

Kampung Tunku juga meminta kerajaan memberi perhatian khusus kepada sistem penyampaian kakitangan kerajaan negeri saya telah sebutkan tadi perlu diingatkan kepada kerajaan negeri, walau pun kita telah banyak melancarkan program kebajikan atas nama merakyatkan ekonomi Selangor tetapi yang menjadi pertimbangan atau pun yang menjadi penentu dalam meyakinkan rakyat bahawa kerajaan ini bagus atau tidak, ialah kita perlu memastikan rakyat merasai, menghargai dan merasai bahawa pentadbiran kerajaan ini betul-betul telus, bersih, benar dan cekap. Kalau kita dapat melakukan atau membawa satu pentadbiran yang lebih telus, lebih bersih, lebih amanah dan lebih cekap, saya yakin walau pun kita tidak dapat memperbanyakkan program merakyatkan ekonomi Selangor rakyat tetap memberi sokongan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, sering kali kita juga mendengar teguran daripada rakyat. Semalam kita dengar teguran daripada Sekinchan agak menarik dan saya rasa teguran-teguran daripada rakyat ini ada kebenarannya. Tidak ada guna memang kerajaan, menunggukan dana yang banyak tetapi tidak dibelanjakan ke atas rakyat atau pun tidak dibelanjakan ke atas rakyat pada waktu yang tepat. Yang lebih penting ialah kita bukan sahaja perlu menunjukkan bahawa kita betul-betul bersih, amanah dan betul-betul berusaha tetapi usaha kita itu keamanan kita itu haruslah boleh dilihat, dirasai oleh rakyat di peringkat yang paling akar umbi. Jadi saya rasa ini adalah satu mesej yang perlu diharap di dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat bagi penggal kedua dan dengan adanya sokongan oleh itu saya mengambil sokongan yang padu kalau kita lihat meneliti titah ucapan Tuanku, Tuanku memberi sokongan begitu padu kepada Kerajaan Negeri Selangor. Saya kira pihak eksekutif bolehlah mengambil langkah yang lebih tegas, lebih berani untuk memastikan mana-mana penjawat awam yang lemah digantikan dengan mereka yang lebih cekap. Saya rasa dalam aspek ini kerajaan tidak ada alasan untuk berdolak-dalik lagilah memang ada sokongan yang begitu padu khususnya daripada Tuanku maka kita perlu melakukan sesuatu. Bukan sahaja begitu kerajaan yang berbekalkan majoriti yang begitu besar di Dewan yang mulia ini kita juga harus menjalankan kajian terhadap beberapa undang-undang lama seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bangi semalam, kalau ada undang-undang yang tidak sesuai dengan zaman, maka kita perlu mengambil inisiatif untuk mengkaji dan pinda mana-mana yang sudah ketinggalan zaman. Dan diharap dalam perkara ini Penasihat Undang-

undang yang baru bolehlah memberi nasihat yang bernes kepada kerajaan negeri dalam perkara ini. Jadi Kampung Tunku walau pun saya memberi teguran tetapi setelah beberapa setahun lebih kita menjadi kerajaan bagi penggal kedua ini kami dapat memerhati dapat sedikit sebanyak perubahan dari segi pentadbiran di mana kerajaan tidak lagi asyik sembang wang sahaja dalam kumpulan wang di satukan tetapi mula di tahap ada beberapa perbelanjaan besar saya yakin boleh memberi sumbangan lebih kepada rakyat dan kerajaan di negeri ini. Jadi kita lihat ada pembinaan Jambatan ke-3 dan juga ..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Lima minit lagi ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Dan juga peruntukan untuk membina rumah mampu milik saya rasa ini adalah satu perkara yang cukup memberangsangkan ditambah lagi 2 hari yang lalu kita lihat ada usaha atau perkembangan baru di mana Kerajaan Persekutuan akhirnya telah bersetuju untuk mengambil keempat-empat buah syarikat konsesi air di bawah Seksyen 114 Akta Perkhidmatan Industri Air ini. Jadi apa pun sekali pihak Eksekutif tidak harus lupa untuk mengotakan semua janji dalam manifesto lepas dan saya cuba untuk senaraikan beberapa janji yang pada pendapat saya masih belum dimulakan. Yang pertama Biasiswa Menteri Besar kepada pelajar-pelajar yang cemerlang, bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah kebangsaan yang memerlukan, pembinaan lebih banyak lorong-lorong basikal di taman-taman perumahan mungkin ini telah bermula setengah tempat tetapi di seluruh negeri masih belum ada satu *collective effort* untuk melakukannya. Mewujudkan lebih banyak taska di premis kerajaan negeri, pembinaan di ketiga-tiga pusat kebudayaan di Klang. Ini saya rasa sudah agak lama kita sudah menunggu. Jadi saya rasa perlu satu jawapan daripada kerajaan untuk memberi kita memberitahu kita apa sudah berlakunya dengan pusat-pusat kebudayaan ini.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga menyebut sedikit tentang pendidikan vokasional, saya rasa ini adalah satu perkara yang penting bagi pihak belia di Dewan yang mulia ini. Dalam sidang lepas saya pernah berucap bahawa kerajaan tidak boleh terus memberi bantuan kewangan kepada rakyat sekiranya kita tidak dapat memperbanyak sumber pendapatan kerajaan. Oleh itu, saya bercadang supaya kita memberi tumpuan khusus kepada pendidikan kerana ia merupakan satu aset pelaburan yang paling penting untuk membangunkan Negeri Selangor bagi jangka waktu yang panjang. Walau begitu saya tidak bercadang Tuan Timbalan Speaker untuk memperbanyak bantuan kewangan kepada sekolah selain daripada apa yang dijanjikan dalam manifesto tetapi kerajaan harus menggalakkan sektor pendidikan Vokasional dan Teknikal supaya kita boleh mengeluarkan lebih banyak peluang pekerjaan yang bernilai tinggi untuk pemuda dan pemudi di Negeri Selangor ini. Jadi sudah sampai waktunya untuk INPENS melakukan sesuatu untuk mencapai matlamat ini. Kampung Tunku juga ingin menyebut sedikit tentang beban ekonomi yang semakin berat bagi rakyat di Negeri Selangor. Dua hari yang lalu kita telah

menyaksikan bagaimana Akta GST diluluskan dan saya percaya ianya akan memberikan satu impak yang cukup negatif kepada rakyat di Negeri Selangor dan untuk itu saya menyarankan kerajaan negeri supaya berhati-hati dalam memberi apa-apa kelulusan kepada apa-apa projek penswastaan Kerajaan Persekutuan yang akan dijalankan di Negeri Selangor, khususnya pembinaan Lebuh Raya BETUK. Kita tidak pandai tetapi kita kena pastikan bahawa ...

Ya, minta sikit , satu atau dua minit lagi Timbalan Tuan Speaker. Kami meminta supaya Kerajaan Negeri Selangor tengok betul-betul, melihat betul-betul sama ada pembinaan projek itu akan membawa manfaat kepada kita atau tidak. Dan saya mengambil satu contoh atau pun satu *concern* yang telah pun di bawa oleh Kumpulan NGO tentang pembinaan bukan sahaja tetapi untuk pembinaan KLORR Kuala Lumpur Outer Ring Road. Saya difahamkan bahawa lebuh raya ini akan menggunakan beberapa keping tanah yang telah dirizabkan sebagai rizab hutan simpanan. Saya tidak tahu sama ada ini benar ke tetapi saya melafazkan kebimbangan saya terhadap pembinaan lebuh raya ini lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Negeri Selangor sekarang ini menghadapi masalah bekalan air dan sekiranya kawasan tadahan air ini disentuh saya percaya ianya pasti akan memberi impak negatif terhadap krisis air yang kita akan alami ini. Pun begitu saya berharap kerajaan melihat projek-projek ini supaya ianya tidak menguntungkan kroni-kroni UMNO dan Barisan Nasional sahaja dan kita pastikan projek-projek ini betul-betul memberi manfaat kepada rakyat. Tuan Timbalan Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ini ayat terakhir ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, ayat terakhir, jadi saya ingin suka menyebut sedikit tentang perkara yang berlaku selama dua, tiga bulan ini di mana saya lihat di Malaysia dan Selangor khususnya dapat kumpulan-kumpulan tertentu yang mempunyai agenda politik sempit cuba mengungkit-ungkitkan sentimen perkauman dan saya rasa ini amat negatif. Ini boleh membawa kesan negatif kepada perpaduan di kalangan rakyat Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, saya rasa ini adalah satu kelebihan di Negeri Selangor sekiranya kita ada satu masyarakat yang majmuk berbagai kaum dan agama dapat hidup sama-sama jadi saya rasa kita tidak boleh membiarkan kumpulan-kumpulan ini merosakkan keharmonian yang telah pun kita telah tempuh yang telah kita alami dalam tempoh 50 tahun lebih ini. Jadi saya mengambil peluang di sini untuk merenung dan menghayati beberapa peruntukan dalam Rang-rang Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor Tahun 1959. Ini kata-kata yang saya rasa perlu dihayati saya memetik kepada Perkara 9111 telah menjadi tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia untuk memelihara Keistimewaan Orang Melayu Dalam kepentingan sah kaum-kaum mengikut peruntukan-peruntukan perkara ini. Ayatnya jelas tetapi memberi seribu satu makna bahawa kita harus memelihara keharmonian kaum bukan sahaja kepentingan Orang Melayu tetapi juga kepentingan sah kaum-kaum yang lain di

Negeri Selangor ini. Dan saya rasa ini adalah satu kenyataan yang cukup jelas kalau tak jelas mungkin ada satu lagi ayat-ayat yang saya rasa bolehlah kongsi dengan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini khususnya kawan-kawan di sebelah kanan saya. Ini adalah ayat-ayat Sasterawan Negara Osman Awang. Saya petik ya, saya cuba memetik di sini apa yang beliau kata ialah suatu yang beliau nyatakan lebih 30 tahun yang lalu beliau berkata “Antara kita orang Melayu, bukanlah musuh orang Tionghoa, bukan juga musuh orang India, Musuh kita, siapa musuh kita ialah pihak yang memintas kita, musuh kita ialah orang atau pihak yang memeras kita. Musuh kita ialah orang atau pihak yang kejam dan menggunakan kuasa melakukan ketidakadilan terhadap kita semua. Inilah musuh kita, musuh kita bersama. Ini bukan kenyataan saya, tapi kenyataan atau pun ayat-ayat sasterawan Negara. Osman Awang. Jadi dengan ayat-ayat ini saya mengakhirilah ucapan saya marilah rakan-rakan saya yang bijaksana di dewan ini dewan yang mulia ini untuk menghayati tulisan-tulisan yang tersohor ini dan Kampung Tunku memohon untuk menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tatkala istiadat pembukaan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor pada 7 April yang lalu. Dan pada petang ini saya tampil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan demi mengangkat martabat rakyat negeri Selangor dalam dewan yang mulia ini. Saya tidak mengambil masa yang panjang seperti kelaziman sebelum ini, dan juga saya bersetuju untuk menggunakan nada yang lebih lunak pada petang ini kerana nada yang keras dan tegas telah pun diambil alih oleh Sekinchan semalam. Jadi, tidak lengkap perbahasan saya pada petang ini kalau tidak saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Kajang yang telah mendapat mandat yang begitu besar dalam plilihanraya kecil DUN Kajang barang-baru ini. Dan kemenangan rakyat di DUN Kajang merupakan satu memorandum rakyat sekali lagi menolak UMNO dan Barisan Nasional dan mempertegaskan usaha reformasi terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor demi kepentingan rakyat. Saya ingin memulakan perbahasan dengan merujuk kepada isu yang hangat di perbahaskan pada hari ini iaitu berhubung industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Pada petang ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri berhubung status pengambilalihan industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor. Apa yang kita dimaklumkan di peringkat pusat dalam perbahasan di Parlimen semenjak beberapa minggu yang lalu, kerajaan Persekutuan akan menandatangani *head of agreement* dalam beberapa hari yang akan datang. Maka saya ingin mendapat pengesahan apakah perkara ini benar kerajaan Pusat akan menandatangani *head of agreement* dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam beberapa hari yang akan datang kerana sehingga petang ini pimpinan di peringkat Pakatan Rakyat mahu pun

Ahli Yang Berhormat sama ada di sebelah Pakatan mahupun di Barisan Nasional belum lagi dapat melihat isi kandungan perjanjian yang dimaksudkan.

Kita juga ingin menegaskan bahawa perkara ini juga penting untuk mengelak sebarang bentuk spekulasi di pasaran dan juga di pihak luar. Ada baiknya kandungan perjanjian ini diteliti terlebih dahulu untuk mendapat pandangan khususnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini secara terbuka dan telus kerana ianya melibatkan kepentingan rakyat dan pengguna di Negeri Selangor secara langsung.

Yang keduanya, kita juga ingin melihat kandungan perjanjian ini benar-benar akan berpihak kepada pengguna dan rakyat di Negeri Selangor. Apakah jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk memastikan program-program yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan dalam industri perkhidmatan air ini dapat diteruskan tanpa sebarang gangguan. Sebab itu kita muh melihat apa yang terkandung di dalam perjanjian ini supaya ianya dapat dibuat secara telus dan terbuka.

Ketiga, saya juga memohon supaya apa yang berlaku di masa yang lalu tidak berulang di mana perjanjian *memorandum of understanding* di antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat telah menimbulkan banyak kegelisahan dan keresahan di kalangan pengguna kerana tidak ada keterbukaan dan ketelusan dalam mempamerkan kandungan MOU tersebut. Malahan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa MOU itu terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan dan ini digunakan sebagai alasan untuk tidak mendedahkan kandungan tersebut tetapi bagi saya mewakili Bukit Antarabangsa, Pakatan Rakyat sering berpegang kepada prinsip keterbukaan dan ketelusan, maka saya mencadangkan supaya sebelum *Head Of Agreement* ini ditandatangani, maka Kerajaan Negeri harus mendesak Kerajaan Pusat supaya memasukkan sebagai *Pre-amble* di dalam perjanjian ini sebagai pengakuan bahawa perjanjian ini tidak akan terikat dengan OSA ataupun Akta Rahsia Rasmi Kerajaan. Sebelum perjanjian ini ditandatangani, persetujuan ini perlu dicapai terlebih dahulu di antara kedua-dua pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sebagai *intergrate part of the agreement*. Maknanya sebahagian daripada perjanjian tersebut dan ianya mesti ditulis dan dipersetujui supaya OSA ini tidak diguna pakai dalam perjanjian yang akan ditandatangani dalam beberapa hari yang akan datang kerana kita di peringkat Negeri Selangor sendiri di dalam dewan yang mulia ini telah pun meluluskan satu Rang Undang-undang *Freedom of Information* dimana kita muh pengguna dan rakyat Negeri Selangor mendapat maklumat secara terbuka tentang usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa, Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya nak habiskan ayat saya. Dan untuk maksud itu saya mencadangkan supaya perjanjian atau pun *Head Of Agreement* akan ditandatangani ini tidak terikat dengan OSA.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI:** Adakah Bukit Antarabangsa berpendapat Menteri Besar tidak dinasihatkan dengan betul berkenaan kefahaman berkaitan dengan OSA sebelum menandatangani perjanjian ini.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya mengambil pendirian bahawa ini adalah *collective responsibility* tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh Dato' Menteri Besar, EXCO Kerajaan Negeri dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini. Sebab itu saya tidak mahu melihat apa yang telah berlaku di masa yang lalu tetapi ianya menjadi pengajaran kepada kita berpegang kepada prinsip yang telah dipersetujui selama ini bahawa dalam usaha kita memberikan khidmat kepada rakyat ianya harus dibuat secara terbuka dan telus dan saya kira kerajaan negeri berhak untuk mendesak kerajaan pusat memasukkan dalam perjanjian ini supaya ianya tidak terikat dengan OSA.

Perkara yang kedua yang kita telah dimaklumkan di peringkat pusat baru-baru ini, ialah kerajaan pusat akan mengenakan ataupun *invoke* seksyen 114 dan ini juga telah diumumkan oleh kerajaan negeri beberapa hari yang lalu. Cuma kebimbangan saya dan rakyat negeri Selangor ialah sekiranya kerajaan negeri Selangor bersetuju dengan desakan kerajaan pusat untuk *invoke* atau mengenakan seksyen 114 ini, maka kepentingan dan kuasa kerajaan negeri akan terlepas ke tangan kerajaan pusat. Apatah lagi dalam konteks dan senario politik hari ini kerajaan pusat terus menerus membuli dan menekan kerajaan-kerajaan negeri sama ada Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor. Dan kita tidak mahu tindakan mengenakan seksyen 114 ini akan terus membuli kerajaan negeri. Diizinkan Tuan Speaker untuk saya melihat kepada seksyen 114 dengan izin. *Not with standing only under provitions of this Act or any other written law the Minister may if he thinks its necessary for national interest by all other published in the gazette direct.* Yang pertama *the commission to assume control of the whole of the property business and afairs of the license land to carry on whole the licenses business and the fair.* Maknanya dengan menggunakan seksyen 114 ini industri pengurusan dan perkhidmatan air ini akan diambil alih oleh SPAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan pastinya SPAN ini adalah di bawah kuasa Kerajaan persekutuan yang diberi kuasa melalui seksyen 114 untuk *assume control of the whole of the property.* SPAN akan mengambil alih keseluruhan kuasa dan *property license* iaitu keempat-empat syarikat tersebut.

Yang Kedua, *The Commission of the assume control such part of the property, business and affairs of the licenses as may made it be specified by the Minister.*

Maknanya menteri diberi kuasa di bawah seksyen 114 ini untuk mengendalikan pengurusan dan perkhidmatan air Selangor melalui SPAN. Dan seterusnya dia ada empat perkara. Kebimbangan saya ialah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Boleh mencelah sikit. Saya nak minta Bukit Antarabangsa dengan *excercising* WSIA ini, adakah ini bermakna kita ambil alih atau pun kerajaan akan mengambil alih keseluruhan empat-empat syarikat itu melalui pengurusan dan juga ekuiti mereka atau pun WSIA ini ialah untuk pengurusan empat-empat syarikat tanpa kita mengambil alih ekuiti. Sebab ini penting untuk kita faham sebab di dalam situasi ini memang kerajaan sekarang melontarkan *willing saling willing buyer* selalu sudah lama dia gunakan istilah itu. So adakah ini dengan *directive* baru dalam dari kabinet sekarang WSIA ini akan diteruskan tetapi apa yang saya baca ialah bahawa dia akan ambil alih saja pengurusan syarikat-syarikat dan bukannya ekuitinya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Sri Andalas. Kalau saya boleh merujuk kepada *water services industries act 2006* seksyen 114 dengan jelas menunjukkan bahawa *commission* yang dimaksudkan iaitu SPAN akan mengambilalih *to assume control of the whole of the property business and the fairs of the license*. Maknanya dia diberikuasa penuh untuk mengambilalih keseluruhan milikan dan perniagaan yang diuruskan oleh syarikat yang berkenaan. Yang perlu saya sebutkan juga disini ada perkara ketiga iaitu *the commission to appoint to any person to excersise any of the action directed to the paragraph A and B on behalf of the commission*. Maknanya SPAN juga di beri kuasa untuk melantik pentadbir bagi menguruskan perkhidmatan dan pengurusan air ini. Kebimbangan yang nak saya tekanan pada petang ini ialah apabila kerajaan negeri membuat tawaran sebanyak RM9.65 billion tawaran ini telah dibuat saya kira lebih lima tahun enam tahun yang lalu telah pun ditolak satu hari sebelum penamaan calon pilihanraya Kajang baru-baru ini iaitu pada 10 Mac. Menyebabkan kalau seksyen 114 ini diguna pakai SPAN akan menjadi pengendali utama untuk menguruskan industri ini. Maknanya dalam rundingan yang dimasa akan datang, SPAN mewakili menteri dan kerajaan pusat akan merundingkan harga yang boleh dipersetujui oleh empat-empat syarikat ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ia Yang Berhormat. Saya nak sebab ada satu masalah undang-undang yang tadi Yang Berhormat baca tadi. Ia dengan izin ya, ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sg. Pinang boleh tunggu penggulungan kalau nak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tak kalau sebab, kalau-kalau perkara ini tidak diperjelaskan sekarang ia akan melibatkan *agreement* berdasarkan undang-undang silam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tapi boleh dijelaskan dalam, ya

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tapi kalau tidak dijelaskan ia mengelirukan dewan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok teruskan, ya,ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, ya. Cuma saya ingin bacakan, saya rujuk kepada undang-undang. Ya Tuan Speaker, Seksyen 114 WASIAN (dengan izin saya baca dalam Bahasa Inggeris) *Not with standing any any other provission of this Act or any other writer law, the Minister may, if he thinks for national interest by order published in the committee.*

- b) *the commission to assume control*
- c) *the commission to appoints any person*

bererti kalau ikut polisi-polisi atau peruntukan Seksyen 114 itu arahan daripada Menteri the Menteri *the Minister may for national interest by order publish or order published in the Gazette, direct the commission to appoint, to this do that,*

Jadi sebenarnya arahan dari Menteri bukan dari SPAN itu tafsiran undang-undang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap ya Bukit Antarabangsa, saya cuma nak ingatkan EXCO kalau boleh sebab kita ikut konvensyen parlimen pun Kota Belud pernah ditegur beberapa kali bila dia nak mencelah jadi kalau boleh kita kena ikut konvensyen itu sebab nanti apabila waktu penggulungan kita bagi masa seluas-luasnya kepada pihak EXCO untuk menjawab, jadi seboleh-bolehnya saya nak bagi masa kepada *backbencher* ini untuk membangkitkan persoalan, kalau ada yang tak betul dan sebagainya boleh dibetulkan dalam penggulungan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker, saya rasa itu mungkin adalah satu *miss conception of the convention* sebab kalau undang-undang itu tidak dibaca dengan betul dia akan melibatkan kekeliruan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya faham saya faham..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Keduanya kalau-kalau bererti *backbencher* nak bercakap kalau saya tak meminta penjelasan seperti ini bererti nanti dalam penggulungan saya tidak akan membenarkan sesiapa yang tanya. Jadi untuk sebab kita nak bicarakan perkara ini dengan betul, itu saya kata bila ada silap tunjukkan. Mungkin kalau Bukit Antarabangsa mungkin setuju dengan saya maka beliau akan ubah hujah kalau dia tak setuju boleh teruskan hujah, tak begitu, tapi kena jelas, kerana dia melibatkan tafsiran undang-undang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak saya faham, saya faham Sungai Pinang, minta duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau saya tidak dibenarkan untuk membetulkan ini ataupun memberitahu ini mungkin ada kesilapan mungkin bukit antarabangsa boleh setuju atau tidak setuju dengan saya, tapi tafsiran supaya kita tidak keliru kalau tidak kita akan berbahas pada asas undang-undang yang silap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya saya faham Sungai Pinang, Sungai Pinang telah menjadi Speaker sebelum ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya beri nasihat

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dan saya menjadi Timbalan Speaker sekarang dalam sidang ini dan kalau ikut peraturan tetap bahawa tafsiran saya tafsiran speaker ialah tafsiran yang akhir untuk sebarang rujukan dalam perdebatan, jadi cuma saya nak ingatkan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu tafsiran Speaker, bukan tafsiran,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, ya kalau ikutkan peraturan tetap ya, saya faham ya, sekarang saya duduk sebagai Speaker pada waktu ini, saya sekarang sidang ini speaker tidak ada di dalam dewan, saya duduk sebagai Speaker, jadi saya minta tolong duduk, saya terangkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebab peraturan tetap, ok saya minta, bila Timbalan Pengerusi, Timbalan Speaker ataupun mana-mana ahli yang dilantik oleh dewan ini untuk mempengaruhi sidang, dia menjalankan tugas dengan kuasa-kuasa itu tapi tidak bererti dia Speaker.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, ya, saya faham, cuma saya nak *highlight* kan di sini Sungai Pinang kita nak bagi perjalanan dengan baik, kalau dulu Sungai Pinang pun jadi Speaker sering mengingatkan *backbencher* untuk menggunakan kuasa kita dengan sebaik mungkin, jadi saya cuma nak bagi peluang kepada *backbencher-backbencher* yang ada di dalam dewan ini untuk berbahas, saya tidak pernah sekat sebelum ini pun, bila EXCO-EXCO nak mencelah cuma saya ingatkan sebaik-baiknya, kita ikut konvensyen kita bagi ruang kepada *backbencher* untuk mencelah atau untuk berbahas, ruang itu sebab ruang yang ada pada Speaker untuk menggulung tidak ada kepada *backbencher-backbencher* yang lain, di dalam parliment pun teguran yang sama diberikan oleh Speaker Barisan Nasional kepada Menteri Barisan Nasional, jadi saya cuma nak ingatkan prinsip itu, jadi itu sahaja teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Masa saya dah habis, dewan riuh..... dah jadi perbahasan di antara Speaker dengan EXCO pada petang ini. Jadi boleh tambah sedikit lah, saya nak teruskan kebimbangan saya ialah yang dibangkitkan oleh Sungai Pinang tadi mengenai tafsiran tak ada masalah memang undang-undang ini terbuka kepada tafsiran.

Tafsiran saya ialah memang benar ini pengarahan yang dibuat oleh Menteri kepada SPAN untuk eksekutif beberapa tindakan, tetapi kita sedia maklum Menteri itu siapa?, SPAN itu siapa?, dia satu spesies yang sama ya daripada Kerajaan Persekutuan, dan kita lihat tindakan-tindakan UMNO dan Barisan Nasional sebelum ini tidak memberi ruang untuk membantu membangunkan negeri Selangor, apa yang dilakukan oleh kerajaan Persekutuan ialah menyerang, sebab itu suka menggunakan perkataan membuli kerajaan negeri, Permatang setuju sebab dia tahu tapi dia nak cakap dia tak berani, dia tahu memang kerajaan persekutuan sedang membuli kerajaan negeri melalui SPAN, melalui Menteri jadi sama ada pengarahan itu daripada Menteri ataupun SPAN, saya masih bimbang kerana apabila mereka yang diberikan kuasa melalui Seksyen 114 ini untuk mengendalikan dan menguruskan industri air *They will start to negotiate* (dengan izin) dengan empat-empat syarikat ini.

Pastinya oleh sebab SPAN ataupun Menteri ini adalah kroni kepada empat-empat syarikat ini yang berkenaan *They will not agree for them to accept RM9.65 bilion* sebab harga itu telah pun ditolak oleh empat-empat syarikat. Apabila SPAN yang *take believe to negotiate of course they will offer higher price*. Ini kebimbangan saya dari segi logiknya mereka sudah tolak 9.65 billion, sekarang yang mengendalikan *negotiation* ini ialah pihak mereka bukan lagi kerajaan negeri, kerajaan negeri walaupun boleh melantik pentadbir belum tentu Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan pentadbir yang dilantik oleh kerajaan negeri sebab di dalam Seksyen 114 *commission* ini diberikan kuasa untuk melantik pentadbir tak semestinya pentadbir daripada kerajaan negeri.

Saya sedia maklum Kerajaan Negeri telah menghantar dua (2) nama sebagai pentadbir, katalah kerajaan pusat nak mengambil sikap yang lebih bertoleransi terima dua (2) nama pentadbir daripada kerajaan negeri, tetapi mereka akan lantik lima (5) pentadbir daripada kerajaan pusat menyebabkan *the are the majority* akhirnya dalam jawatankuasa pentadbir ini pun *we are the minority* dan kita tak boleh *detached (kurang jelas)*, ini kebimbangan saya maka apabila harga yang ditawarkan kepada empat syarikat ini lebih tinggi yang ditawarkan oleh kerajaan negeri katalah RM10 bilion ataupun RM11 bilion yang di minta dulu adalah RM13 bilion. Baik, kalau kerajaan pusat bersetuju dengan tawaran yang lebih tinggi daripada kerajaan negeri oleh keempat-empat syarikat dan bersetuju dan membayar kepada mereka akhirnya kerajaan pusat akan *transfer* kos ini kepada kerajaan negeri, dan kerajaan negeri terpaksa tanggung kos yang tinggi ini melalui kadar tarif air yang lebih tinggi.

Dan ini telah pun disahkan oleh Dato' Menteri Besar sendiri bahawa dengan pengambilalihan industri air ada kemungkinan tarif air akan terus naik dan bukan di dalam bidang kuasa kerajaan negeri untuk menghalang, ini yang saya tidak mahu saya mahu kerajaan negeri lawan tetap lawan, jangan benarkan kerajaan pusat membuli kerajaan negeri dengan menaikkan kadar tarif air yang tinggi termasuk bersetuju dengan harga tawaran yang lebih besar. Itu yang kedua (2) yang ketiga (3)..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nak minta penjelasan sedikit.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, saya dapat dengar ucapan Bukit Antarabangsa mengenai isu ini, tapi sebelum ini pun dalam dewan ini telah banyak kali kita berhujah mengenai isu ini dan ada desakan dulu pun dari kerajaan negeri supaya minta menteri menggunakan Seksyen 114 Akta WSIA ini, digunakan untuk memaksa konsesi ini dengan keempat-empat pemegang konsesi ini untuk menyerahkan konsesi ini, jadi sekarang ini dalam *the daily* yang pernah saya baca antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan persekutuan sebelum MOU yang ditandatangani menjelaskan bahawa kerajaan negeri diberi peluang untuk berunding dengan keempat-empat konsesi untuk menentukan satu kadar dan saya pernah dengar ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri pun kalau tak berpuas hati dengan kadar boleh pergi ke timbang tara, jadi pada saya apa Yang Berhormat wujudkan tadi adalah satu bentuk keraguan yang belum ada kepastian pun sebenarnya dari segi perundingan itu sedang berjalan. Jadi datangnya dengan penggunaan akta iaitu selepas kerajaan negeri saya rasa mungkin dah *surrender* atau pun ada penolakan daripada konsesi baru Akta ini minta di pergunakan, jadi kenapa nak salahkan kerajaan persekutuan dan dalam isu ini Yang Berhormat saya nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang, ha, kalau boleh saya berkongsi dengan Yang Berhormat Permatang, sebenarnya kerajaan persekutuan telah bersetuju mengambil alih industri perkhidmatan air ini seawal Februari 2008, di mana jemaah menteri kabinet telah bersetuju supaya Kerajaan negeri Selangor melalui KDEB diberikan perkhidmatan air ini dan kerajaan pusat akan mengambil alih aset-aset yang berkenaan.

Tetapi sebaiknya UMNO kalah pada Mac 2008 keputusan tersebut tidak dilaksanakan jadi apa yang saya nak bangkitkan ini ialah tindakan kerajaan persekutuan tidak konsisten yang bermain politik yang akhirnya akan membebankan pengguna dan rakyat negeri Selangor, itu yang pertama.

Yang kedua (2) kerajaan pusat sekali lagi di peringkat jemaah menteri kabinet telah bersetuju untuk menggunakan seksyen 114 ini pada bulan September 2013 di mana Dato' Menteri Besar menerima surat daripada Menteri Dato' Maximus pada minggu pertama September yang menyatakan kabinet telah bersetuju untuk mengenakan Seksyen 114, tetapi saya dimaklumkan selepas pada itu Peguam Negara tidak bersetuju kerana ianya akan memberikan kesan kepada pasaran dan syarikat-syarikat yang berkenaan, dengan oleh sebab mereka ada bon yang besar dan pinjaman dan sebagainya.

Ini menunjukkan sekali lagi bagaimana jemaah menteri boleh buat keputusan tanpa ada maklum balas daripada Peguam Negara, keputusan telah dibuat dan sekarang timbul lagi isu yang sama nak guna sekali lagi Seksyen 114, ini ugutan secara berterusan, inilah yang menyebabkan saya melihat ada kebimbangan ke atas tindakan kerajaan pusat dan ia nya ada hubung kait dengan perkara ketiga (3) yang saya nak bangkitkan ya, sama ada digunakan Seksyen 114 sama ada *head of agreement* akan ditandatangani dalam beberapa hari yang akan datang, pokoknya negeri Selangor telah kehilangan Langat 2, sedangkan bagi saya tafsiran yang saya baca dalam Akta WSIA ini, Seksyen 114 tidak *compare* kerajaan negeri untuk menyerahkan Langat 2, di mana ada klausa dalam Seksyen 114 yang menyuruh kerajaan negeri serah Langat 2, saya masih ingat pendirian kerajaan negeri selama enam (6) tahun ialah kita bersedia untuk membenarkan pembinaan Langat 2 dengan syarat penstrukturran industri air ini diselesaikan terlebih dahulu.

Dalam MOU yang ditandatangani sebelum Pilihan raya DUN Kecil Kajang itu sebenarnya diberikan tanggungjawab kepada kerajaan pusat untuk *compare* empat-empat (4) syarikat itu bersetuju dengan harga 9.65, tetapi tidak saya bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri ketika hari penamaan calon di Balingan Sarawak saya bertanyakan kepada beliau mengapa kerajaan pusat tidak mendesak keempat-empat syarikat untuk menerima harga tawaran kerajaan negeri, sedangkan itu adalah tanggungjawab kerajaan pusat seperti yang terkandung dalam MOU, apa jawab Timbalan Perdana Menteri dan juga Ketua Yang Berhormat Permatang di negeri Selangor daripada Tanjong Karang, apa dia jawab, dia kata Azmin kami tak pedulilah masalah air Selangor ini yang penting kami dapat Langat 2, sama konsisten jawapan Tanjong Karang dengan Timbalan Perdana Menteri, bagi kerajaan pusat apa yang terjadi kepada industri air di Negeri Selangor bukan menjadi kepedulian kepada mereka, yang penting mereka dah dapat Langat 2, yang nilainya hampir 10 bilion ringgit sedangkan kerajaan negeri sekarang sepatutnya gunakan itu sebagai *train cap* kita dengan kerajaan persekutuan.

Tetapi sekarang sudah terlepas, maka yang saya nak sentuh pada petang ini ialah, oleh sebab Langat 2 sudah terlepas apa jaminan kerajaan negeri sebelum menandatangani '*Head off Agreement* ini' saya nak tahu pertama apakah? Kerajaan negeri akan memastikan perjanjian ini tidak terikat dengan OSC. Itu saya

nak jaminan daripada Kerajaan Negeri dan masukkan sebagai *pre-amble* dalam perjanjian tersebut.

Yang kedua, saya mahu jaminan apakah kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri untuk memastikan Kerajaan Persekutuan mematuhi perkara-perkara yang telah dipersetujui. Sebagai contoh, kita diberi maklumat bahawa beberapa *development order* telah pun ditandatangani, bukan semua. Saya minta dan mendesak Kerajaan Negeri sekiranya Kerajaan Pusat tidak tunduk dan akur kepada janji yang termaktub dalam perjanjian ini, Kerajaan Negeri jangan memberikan kelulusan tambahan. Sama ada *development order*, sama ada hak milikan tanah yang saya dimaklumkan belum semua diberikan kepada KPTG. Halang kelulusan-kelulusan ini sehingga Kerajaan Persekutuan benar-benar mematuhi perjanjian yang telah dan akan ditandatangani dalam *heads of agreement* ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Berapa lama lagi Bukit Antarabangsa?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** 5 minit lagi boleh? Sebab itu saya berharap benar supaya draf *heads of agreement* ini yang saya dengar daripada Kerajaan Pusat, saya tak dengar daripada Kerajaan Negeri. Saya rayu dan pohon supaya draf ini sementara kita sedang bersidang, bentangkan dalam Dewan Undangan Negeri supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat Negeri Selangor dapat meneliti dan mungkin memberikan maklum balas dan pandangan untuk penambah baikkan kandungan perjanjian tersebut bagi memberi jaminan hak rakyat dan pengguna di Negeri Selangor ini terus terjamin di masa yang akan datang.

Yang kedua, saya mencadangkan supaya Dewan Negeri ini membentuk satu jawatankuasa *Select Committee* untuk memantau perjalanan *heads of agreement* ini supaya jawatankuasa yang dibentuk oleh Dewan Undangan Negeri ini diberikan kuasa untuk meneliti kandungan perjanjian tersebut dan memantau perjalannya supaya pelaksanaannya dipatuhi oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri. Kita tidak mahu kuasa ini hanya berpusat kepada seorang sahaja seperti yang dibangkitkan oleh Sekinchan semalam. Kita mahu kuasa ini diperturunkan kepada Dewan Negeri untuk kita bincang secara bersama dan ianya dibuat secara terbuka dan saya berharap perkara ini dapat diberikan perhatian.

Akhirnya Yang Berhormat Speaker, saya nak bawa kepada isu kawasanlah pula ya. Ini, saya dah bangkitkan tentang pembangunan semula Masjid Zakaria ini di Gombak Utara seawal 2009, 17 Mac 2009. Saya dah mendesak supaya masjid ini dibangunkan sebab masjid ini dibina pada tahun 1938 dah uzur dah ya. Dan saya membawa Dato' Menteri Besar sendiri turun ke masjid itu untuk Solat Jumaat pada 2010. Saya ingat bila bawa Dato' Menteri Besar turun cepatlah kelulusan tersebut, tak lagi. Sedangkan Dewan ini telah lulus pada 8 November 2010. Sejumlah RM6 juta untuk membina masjid baru Zakaria, Gombak Utara, 2010. 2011, Jabatan

Penilaian masuk, kemudian Pengarah JAIS tulis surat, terlalu panjang birokrasi sampai hari ini tak dibina. Jadi saya haraplah EXCO Agama sebab kami sokong diberikan kuasa yang besar kepada EXCO Agama ini supaya dapat segera membina masjid baru Zakaria Gombak Utara yang telah lulus pun, RM6 juta. Dan Dato' Menteri Besar mengarahkan supaya tanah diambil alih supaya kawasan masjid lebih luas dan itu pun dah bayar dah. Kerajaan Negeri dah bayar RM3 juta. Makna kos masjid ini yang telah diluluskan bernilai hampir RM10 juta, dah lulus dalam Dewan. Tapi tak bangkit lagi, satu tiang pun tak ada di Gombak Utara tu. Jadi saya harap dalam sesi yang akan datang, saya berbahas mengucapkan terima kasih kepada EXCO Agama kerana masjid dah bangun. Itu je yang saya harap.

Akhirnya Tuan Speaker, tentang sekolah di Bukit Antarabangsa. Pada 23 Julai 2010, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menulis surat kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin tentang cadangan tapak pembinaan sekolah di Bukit Antarabangsa dan juga Ukay Perdana. Oleh kerana Bukit Antarabangsa ini terlalu padat sekarang ya. *International hill*, maklumlah masyarakat antarabangsa padat banding dengan Kuang, jauhlah ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *International hill* tu dengan izin ya?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BI ALI:** Ha dengan izin Tuan Speaker ya. Kuang ni sebab Wakil Rakyat dia, dia tak, dia tak pacu pertumbuhan ekonomi ya ,baik. Jadi dah padat pertumbuhan kawasan perumahan, tapi tak ada sekolah. Jadi Dato' Menteri Besar, Dato' Menteri Besar dengan kerjasama Pegawai Daerah dan kemudian pada ketika itu Dato' Jaafar selaku Pengarah Perancang Pembangunan Desa Negeri Selangor dah, dah kenal pasti beberapa lokasi tapak untuk dibina sekolah rendah dan sekolah menengah, 2010. Tetapi semalam, saya dapat jawapan daripada Parlimen, daripada Parlimen. Apa Parlimen jawab? Sebab saya tanya kepada Menteri Pendidikan, kepada Tan Sri Mohyiddin menyatakan apakah status pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di DUN Bukit Antarabangsa? Apa jawab Tan Sri Muhyiddin? Ketua kepada Permatang. Untuk makluman Yang Berhormat, Pentadbir Tanah Gombak melalui surat yang bertarikh 16 Disember 2013 kepada Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa permohonan pemberimilikan tanah kerajaan Lot 22248 Mukim Hulu Klang Daerah Gombak bagi tapak Sekolah Kebangsaan Taman Sri Ukay telah ditangguhkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 30 November 2011. Jadi saya nak tanya sekarang ni Kerajaan Pusat salahkan Kerajaan Negeri. Kononnya Kerajaan Negeri dah ambil balik tanah ini. Jadi saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri, siapa yang bercakap benar sebenarnya? Saya lebih yakin Kerajaan Negeri bercakap benar. Menteri Pendidikan ni tak cakap benar. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi penjelasan apakah benar Mesyuarat MMKN pada 30 November 2011 telah menarik balik pemberimilikan tanah tersebut yang menyebabkan sekolah tak dapat dibina di Bukit Antarabangsa dan sekiranya benar saya berharap Kerajaan Negeri dapat

mengenal pasti satu tapak baru bagi tujuan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa.

Dengan itu Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sekali lagi menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku Sultan dan memohon agar perbahasan dalam Dewan yang mulia ini dapat diterima baik oleh pihak kerajaan dan Insya-Allah kita akan laksanakan usaha-usaha kita demi rakyat Negeri Selangor. Terima kasih,  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Ah.. Semua kerajaan...

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Salam sejahtera Tuan Speaker, Y.B.–Y.B. EXCO, Y.B.–Y.B. serta Pegawai-pegawai Kerajaan sekalian. Damansara Utama juga ingin turut serta dalam perbahasan usul junjung kasih titah ucapan Duli yang Mulia Sultan Selangor. Izinkan saya bermula dengan satu pepatah Cina sebab banyak yang bermula dengan pepatah, puisi dan Bahasa Melayu. So saya akan bermula dengan pepatah Cina yang berbunyi seperti berikut :

#### **“ Pepatah Cina ”**

Dengan izin. Maksudnya, ubat yang baik biasanya pahit untuk ditelan, nasihat yang berkesan biasanya tidak selesa untuk didengar. Oleh itu apa-apa komen yang saya akan ada nanti untuk Kerajaan Negeri bukan untuk mencabarkan kepimpinan Kerajaan Negeri tetapi untuk memastikan kesinambungan kepimpinan dan kemajuan, kebaikan Kerajaan Pakatan Rakyat untuk masa akan datang. Saya akan menyentuh beberapa isu. Yang pertama, saya akan menyentuh KIDEX, kemudian saya akan menyentuh sedikit tentang isu Al-Kitab dan saya akan menyentuh dasar Orang Kurang Upaya dan akhirnya akan menyentuh sedikit sebanyak isu air.

Pertama saya sekali saya nak menyentuh sedikit sebanyak tentang Lebuh Raya Kinrara-Damansara, KIDEX. Lebuh Raya KIDEX ini memang kita tahu yang projek ini bernilai RM2.42 bilion. Memang kita boleh perdebatkan sama ada ini anugerah politik Barisan Nasional kepada syarikat konsesi. Tapi ada satu perkara yang kita tahu. Perkara ini adalah konsesi, perjanjian konsesi ini tidak didedahkan. Kita tidak tahu apakah syarat-syarat dalam perjanjian konsesi ini. Sama ada ini adalah satu rompakan lebuh raya yang dicipta untuk memperkayakan orang tetapi menyusahkan rakyat jelata. Berapa lamakah tempoh konsesi? Berapakah kadar? Semua kita tidak tahu. Selain itu penduduk di Petaling Jaya dan Puchong juga risau sebab mereka tidak tahu macam mana Lebuh Raya KIDEX boleh memanfaatkan mereka. Apabila kita ambil, nak tahu apakah maklumat yang teliti seperti *Traffic Impact Assessment*, dengan izin daripada KIDEX Sdn. Bhd., kita tidak dapat maklumat itu. Dengan ini Damansara Utama ingin menyeru Kerajaan Negeri supaya

menggunakan kuasa Kerajaan Negeri dalam Majlis Tempatan dan kuasa negeri dalam pengurusan tanah untuk memberhentikan kelulusan Projek KIDEX sehingga 2 syarat ini dipenuhi.

Yang pertama, Kerajaan Persekutuan mesti *declassified* perjanjian konsesi sebelum kita boleh meluluskan projek itu. Dan dia mesti mendedahkan semua syarat-syarat konsesi ini supaya kita tahu ini bukan satu rompakan lebuh raya lagi. So, kita kena tolak projek ini kalau syarat-syarat perjanjian menunjukkan bahawa ini konsesi ini adalah memperkayakan syarikat konsesi sahaja.

Syarat yang kedua, yang saya cadangkan ialah KIDEX Sdn. Bhd. Mesti membuktikan bahawa jajaran Lebuh Raya KIDEX boleh memanfaatkan penduduk-penduduk di Petaling Jaya dan Puchong dengan memberi laporan yang teliti seperti *Traffic Assessment, Social Impact Assessment* dan juga butiran-butiran lain. Ada orang di sini yang akan risau bahawa adakah Pakatan Rakyat kalau kita melambatkan projek pembangunan seperti berikut, adakah *business* komuniti akan tengok kita macam anti pembangunan? Tetapi Pakatan Rakyat bukan anti pembangunan. Kita anti kronisme. Kalau Kerajaan Negeri boleh meluluskan projek yang jelas adalah rompakan lebuh raya, yang ni adalah budaya parasit kronisme yang kita kena mengatas. So, membiarkan budaya ini atas alasan ekonomi mesra perniagaan adalah tidak wajar kerana budaya inilah yang akhirnya akan menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Perkara seterusnya, isu seterusnya yang saya nak huraikan di sini adalah isu Al-Kitab. Memang saya tahu ini isu sensitif. Dan langkah yang paling selamat untuk Ahli Politik terutamanya Ahli Politik yang muda macam saya adalah untuk mengelakkannya. Tetapi hati saya memang tidak membenarkan. *As such a time as this silence is a betrayer*, dengan izin. Kerana bagi saya isu Al-Kitab ini bukan isu kaum ataupun agama. Ini adalah mengenai hak asasi rakyat Malaysia. Ini adalah mengenai generasi kita menetapkan teladan dalam sejarah Malaysia. Sama ada kerajaan ataupun kumpulan-kumpulan tertentu di Malaysia boleh melanggari hak asasi kumpulan lain yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Inilah perkara (11) Perlembagaan Persekutuan telah jelas memperuntukkan bahawa setiap rakyat Malaysia berhak untuk menganuti, mengamalkan dan menguruskan agama sendiri. Memang saya tahu isu Al-Kitab isu *hot potato* dalam bahasa Inggeris. Memang susah dari segi politik untuk mengendalikannya. Tetapi adakah ia betul kalau kita mengelakkan tanggungjawab ini? *Are we a government of convenient or are we a government of conviction?* dengan izin. Dalam isu ini saya sentiasa diperingatkan dengan satu, satu orang sosial aktivis yang bernama Martin Nimoler. Dia berkata kepada para intelektual pada zaman Nazi, Jerman. Intelektual ini, para intelektual berdiam diri sahaja bila tentera Hitler yang kejam menindas golongan demi golongan di Eropah. Mereka berdiam diri sahaja. So, sosial aktivis ini, Martin mula berkata dengan mereka. Inilah, saya memetik ayat dia:

Pertama, mereka iaitu tentera Hitler datang menindas para sosialis, ‘Anda tidak bersuara kerana anda bukan seorang sosialis. Kemudian mereka datang memenjarakan orang kesatuan sekerja dan anda tidak bersuara kerana anda bukan seorang dari kesatuan sekerja. Dan akhirnya mereka datang menindas anda dan tiada sesiapa pun yang tertinggal untuk bersuara bagi pihak anda. Hari ini kalau kita sebagai pemimpin, walaupun pemimpin di Kerajaan Negeri sahaja, kita boleh membenarkan hal pelanggaran hak asasi berlaku kerana mereka yang berkesan, dia ada kepentingan politik kepada kita. Kerana ini susah untuk kita mengendalikan dari segi politik. Satu hari nanti, apabila pelanggaran hak asasi ini menjelas kita, ataupun parti kita ataupun anak-anak kita, masa itu kalau kita nak buat apa-apa pun sudah terlambat.

So Tuan Speaker, Damansara Utama amat kecewa terhadap Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri atas insiden Al-Kitab ini. Sudah 3 bulan berlalu. Al-Kitab dirampas tapi tidak dipulangkan. Sudah 3 bulan. Apa yang kita boleh buat. Saya tahu, memang ini susah. Pertimbang, kita ada banyak pertimbangan politik yang kita ambil nilai. Tetapi sebagai kerajaan di negeri yang termaju dan ekonomi yang terbesar di Malaysia, saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu menunjukkan kepimpinan moral iaitu *moral leadership*. *We've got to show moral leadership to the people* dengan izin. Sebagai kerajaan, memang kita tidak seharusnya beralih mengikut gelombang tetapi menentukan *standard moral*, memutuskan apa yang betul dan adil dan memimpin rakyat ke arah tersebut. Inilah kepimpinan yang saya mahu lihat sebagai seorang anak muda. Inilah kepimpinan yang sebagai seorang anak muda, saya tengok baru saya ada hayat untuk masa akan datang di Malaysia.

Tuan Speaker, walau Al-Kitab tidak seharusnya ditendang di sini sana lagi. Damansara Utama amat berharap Kerajaan Negeri akan menunjukkan kepimpinan moral dan tidak mengelakkan tanggungjawab lagi dalam isu ini. Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah yang lebih pro-aktif dan ikhlas untuk memastikan kepulangan 300 Al-Kitab tersebut dengan secepat mungkin.

Selepas isu sensitif saya nak, saya nak menyentuh sedikit dengan isu Orang Kurang Upaya, mengenai akses Orang Kurang Upaya, OKU di Selangor. Saya berpendapat bahawa kita sudah ada banyak undang-undang yang sedia ada tapi kita kekurangan azam untuk menuruti undang-undang tersebut. Hari ini saya akan menghuraikan 2 undang-undang ini sahaja.

Yang pertama ialah Akta Orang Kurang Upaya 2008. Seksyen 26 berkata bahawa Kerajaan dan penyedia kemudahan awam hendaklah mengambil langkah untuk menepati reka bentuk universal bagi memudahkan akses OKU di tempat awam. Dengan itu saya menyeru Kerajaan Negeri supaya boleh memulakan usaha yang lebih sistematik bahawa hentian bas, pejalan kaki, medan selera dan semua kemudahan awam di bawah PBT Selangor boleh diakses dengan senang oleh para

OKU. Pada masa ini saya rasa OKU susah bergerak di mana-mana pun. Mahupun di Selangor ataupun di seluruh Malaysia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama, 5 minit lagi

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya. Undang-undang kedua yang saya nak bangkitkan ialah undang-undang kecil bangunan seragam UUKBS 1984 Pindaan 34 (a). Pindaan ini mewajibkan semua bangunan supaya mesra akses. So saya berharap bahawa saya tetapi UUKBS Pindaan 30 (a) ini telah diwartakan di Selangor pada Januari 1994. Walau bagaimanapun saya telah menerima banyak maklum balas daripada Komuniti OKU bahawa banyak bangunan lagi di Malaysia ataupun di Selangor, termasuk di Selangor tidak mesra OKU lagi. So, saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh melakukan audit yang sistematik untuk memastikan semua bangunan di Selangor adalah mesra OKU.

Perkara terakhir yang saya nak bangkitkan di sini adalah isu air. Pengurusan air memang adalah banyak isu pelbagai dan dia memerlukan pendekatan yang holistik. Ia bukan sahaja kena dengan loji rawatan air ataupun projek HORAS tetapi dia merangkumi perlindungan sumber air supaya bebas pencemaran seperti kita yang alami bulan yang lepas pencemaran ammonia ataupun kita perlu mengambil kira perubahan corak iklim. Iaitu *time exchange* dengan izin, seperti yang kita alami sekarang di mana hujan tidak diturun di empangan. Dia turun di Lembah Klang dan lain-lain lagi. Saya percaya tibalah masa Negeri Selangor beralih ke *attractive and integrated water management* dengan izin seperti yang dipraktikkan oleh negara-negara maju.

Dengan itu, Damansara Utama ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri untuk menukuhkan jawatankuasa pilihan pengurusan air supaya untuk memantau proses penstruktur semula air di Selangor dan seterusnya memastikan perancangan air adalah holistik.

Tuan Speaker, mengenai pengurusan air. Kita sentiasa bercakap fasal .... *water* dengan izin. Tapi hari ini saya nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pengurusan permintaan iaitu *demand management*. Satu statistik untuk Dewan yang mulia ini, penggunaan air domestik per kapita di Selangor adalah 235 ml setahun. Iaitu 40% lebih banyak daripada apa yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, *World Health Organisation*, dengan izin yang sebanyak 165. Ini bermakna rakyat di Selangor menggunakan air 40% lebih banyak daripada apa yang sepatutnya. Bayangkan kalau kita dapat menurunkan permintaan daripada 235 ml kepada 200 ml. Kita akan dengan senangnya meningkatkan *margin result* kita kepada 1%, dari 1% ke 15% tanpa keperluan untuk meningkatkan bekalan air. Oleh itu Damansara Utama percaya bahawa Kerajaan Negeri perlu memulakan usaha yang efektif untuk memupuk budaya air di Selangor. Antara inisiatif yang lebih mudah adalah kempen kesedaran dan skim insentif untuk menggalakkan peralatan

cekap air atau *rain water harvesting* tetapi hari ini saya akan mencadangkan 2 cadangan yang tidak begitu mudah untuk dilaksanakan tetapi saya rasa penting untuk dikaji sahaja.

Yang pertama, cadangan yang pertama dalam pengurusan air ialah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** 1 minit terakhir ya.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** 2 minit lagi. Cadangan pertama yang saya mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengkaji ialah untuk mengkaji semula dasar air percuma. Menggalakkan orang ramai untuk menjimat air dan pada masa yang sama memberi air percuma adalah *counter intuitive* adalah bertentangan dengan izin. Walau bagaimana pun saya faham air percuma ini adalah untuk menurunkan beban rakyat. Dengan itu saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri menukar dasar air percuma kepada subsidi bil utiliti seperti yang dilaksanakan di Singapura. Izinkan saya menghuraikan sikit macam mana ini boleh dilaksanakan, subsidi bil utiliti ini. Sekarang kita memberi subsidi RM11 untuk 20 meter padu setiap isi rumah, setiap bulan. Kalau kita boleh kekal amaun ini tetapi dengan skim baru ini orang ramai boleh membawa ke hadapan subsidi yang tidak dibelanjakan daripada setiap bulan ke bulan seterusnya. Dan pada akhir satu tempoh, mereka boleh menilaikan subsidi ini. Keluar *cash up the subsidy* dengan izin. Dengan ini kita dapat mewujudkan insentif untuk orang ramai menjimatkan air.

Tuan Speaker, yang cadangan kedua.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ayat terakhir ya?

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Cadangan kedua ialah bahawa kita tidak, kita dapat mengkaji takrif air yang kita ada. Sekarang kita ada takrif air berperingkat, kadar yang lebih tinggi untuk penggunaan air yang lebih banyak. Saya juga bercadang supaya kerajaan mengkaji pelaksanaan takrif air bermusim iaitu di musim kemarau kita perlu kadar yang lebih tinggi dan di musim hujan kadar yang lebih rendah. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa analisis yang teliti diperlukan sebelum kita melaksanakan perubahan takrif air. Ini adalah untuk memastikan supaya golongan miskin dan sederhana tidak terjejas dan tidak dibebani dengan perubahan takrif air dan tetapi untuk golongan yang membazir air yang menggunakan banyak air, kita perlu, perlu *make them to pay for the luxury* dengan izin. Dengan menggunakan penentuan harga yang berkesan, kita dapat menggunakan kuasa pasaran untuk mengawal permintaan air.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama, ramai lagi nak berucap.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Dalam Bahasa Inggeris, we call it *controlling the demand using market force trough effective pricing* dengan izin. Dengan ini isu-isu

yang saya dah bangkit, Damansara Utama menyokong usul junjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam 1 Malaysia. Tak ada, tak ada yang lupa Salam 1 Malaysia. Izinkan saya bangun berdiri mengambil bahagian di dalam usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah Tuanku tatkala pembukaan Sidang Dewan baru-baru ini. Ternyata titah Tuanku sarat dengan nasihat, memahami senario politik semasa dan kepentingan kestabilan politik dalam sesebuah kerajaan. Tahniah kepada Kajang yang baru, selamat datang. Takziah kepada Kajang yang lama. Kami kehilangan rakan Kajang lama yang hilang entah di mana, tiba-tiba meletakkan jawatan memberi peluang supaya Kajang-Kajang yang baru itu ke dalam Dewan. 44 mandat yang diberikan oleh rakyat di Negeri Selangor nampaknya diketepikan begitu sahaja. Dan saya masih ingat Kota Anggerik, tatkala kempen di Kajang dia menyebut, pembangkang-pembangkang yang ada UMNO di Negeri Selangor ini tidak berperanan sebagai pembangkang. Dia sebut kita ini berperanan sebagai kerajaan. Dan saya nak ingatkan balik bahawa kerajaan yang ada pada hari ini berperananlah sebagai kerajaan dan jangan berperanan sebagai pembangkang. Sebab apa jiran saya Sekinchan, tatkala menyelesaikan masalah, dia lebih gemar berdemonstrasi daripada menyelesaikan masalah di lapangan.

Rakan-rakan, Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian. Ada kalanya sudah 2 penggal Kerajaan Pakatan memimpin ini nampaknya pada hari ini, pada penggal ini, pada kali ini *mood* perbahasan sangat luar biasa. Di saat sebahagian besar titah ucapan Tuanku memuji pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu banyak perbahasan yang mempersoalkan perkara-perkara operasi yang tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam Dewan. Ini memperlihatkan sebenarnya menyebabkan kami tertanya-tanya apakah sebenarnya yang berlaku ke atas pentadbiran negeri ini hinggakan masalah yang dibangkitkan oleh Sekinchan soal Bagan BNO, soal pentadbiran LUAS itu masih lagi, masih lagi dipersoalkan. Sebab itu kami nak sebenarnya adakah ini ada kaitan dengan Kajang *move* itu sendiri? Dan ada beberapa kali membandingkan bahawa antara Kajang *move* ini tidak jauh bezanya apa yang dilakukan di Balingan dan juga di Permatang. Akhirnya di Permatang, pada tahun 90an itu pertukaran tempat antara Tan Sri Abu Hasan akhirnya mendapat mandat selaku Menteri Besar. Di Balingan pertukaran tempat akhirnya mendapatkan jawatan sebagai Yang Dipertua Negeri. Tetapi nampaknya di Kajang mandat itu belum lagi diperolehi lagi. Apakan daya tangan nak peluk gunung tapi tangan pun tidak sampai. Tuan-tuan dan puan speaker yang saya kasihi sekalian, saya akan meneruskan bercakap berkaitan dengan isu pendidikan sebab pada saya isu pendidikan ini merentasi soal bangsa, isu pendidikan merentasi soal agama dan isu pendidikan merentasi soal ukuran umur. Sudah banyak

persoalan berkaitan dengan UNISEL ini, sama ada di Sekinchan, disebut banyak pertanyaan. Daripada Damansara Utama juga disebut begitu banyak pertanyaan dan juga Bukit Gasing menyebut begitu banyak pertanyaan berkaitan dengan UNISEL ini.

Kita sedia maklum di Selangor Pendidikan Industri YS Sdn Bhd dengan kualiti INSPEN, dengan entiti UNISEL merupakan sayap kanan kepada Pendidikan Kerajaan di Negeri Selangor. Dan saya nak mulakan perbahasan berkaitan dengan isu pendidikan ini dengan merujuk kepada jawapan yang diberikan kepada YAB Menteri Besar tentang matlamat dan peranan PIYSB ini ....apakah jawapan yang diberi. Tiada. Saya tanya dalam soalan bertulis apakah peranan penubuhan dan peranan, jawapan yang ditulis ...tiada. Jadi saya rasa sangat terkejut. Dalam keadaan sudah pergi kepada sebuah negeri maju tidak ada jawapan yang konkret terhadap penubuhan dua sayap pendidikan ini. Tentunya kalau kita nak ingat saya kembali kepada sejarah. Pada tahun 1999 pada Ogos, UNISEL ini adalah merupakan universiti rakyat. Yang mana orang Melayu, orang Cina dan juga orang India menyediakan “*feeding*” kepada separa teknikal dan juga teknikal. Dan persoalannya pada hari ini saya nak tanya di manakah sebenarnya taraf UNISEL itu sendiri. Apakah sebenarnya penarafan *benchmark* kepada UNISEL itu sendiri. Adakah UNISEL pada hari ini sudah duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan institusi yang lain. Soal persepsi perkara yang perlu diurus. Apakah persepsi majikan terhadap UNISEL. Apakah persepsi pelajar terhadap UNISEL. Dan apakah persepsi ibu bapa terhadap UNISEL.

Tuan speaker puan-puan yang saya kasih sekalian. Beberapa kali sidang DUN ini cuba mendapatkan maklumat tentang kebolehpasaran graduan UNISEL itu sendiri dan sehingga ke hari ini tidak ada satu jawapan yang konkret yang diterima. Sama ada secara bertulis ataupun jawapan mulut. Dan kita sebenarnya juga ingin tahu, Dewan yang mulia ini ingin tahu apakah status UNISEL sekarang ini dengan hutang dengan jana niaga sebab beberapa jawapan bertulis yang saya beri, yang saya dapatkan ini statusnya tidak jelas untuk dimaklumkan. Dan kemudian UNISEL itu sendiri data yang saya perolehi selama lima tahun berturut-turut dan pada tahun 2013 rugi sebelum cukai adalah sebanyak RM30 juta.

Tuan Speaker yang saya kasih sekalian data yang saya perolehi terhadap jumlah pelajar adalah sangat tidak seimbang. Pada tahun 2013 di Kampus Berjuntai terhadap 4262 orang pelajar dan pelajar Cina hanya ada seramai 45 orang, pelajar India ada seramai 552 orang dan apakah dasar UNISEL untuk semua kaum ini terpakai di sini. Dan saya juga cuba mendapatkan data, data ini merujuk kepada kehadiran pelajar di Luar Negara. Apakah kita boleh berbangga dengan UNISEL pada tahun 2013 hanya terdapat 33 orang sahaja pelajar luar Negara yang terdapat di kampus Shah Alam dan di kampus Bestari Jaya ada seramai 187 orang. Dan dapatan data yang saya perolehi yang ketiga ini lebih memelikkan. Saya nak rujuk kepada jumlah pelajar dan juga jumlah pensyarah Diploma Sains Kuantitatif, jumlah

pensyarah ada sepuluh orang jumlah pelajar dia 2 orang. Ijazah Sarjana Muda Sains jumlah pensyarah dia 7 orang, jumlah pelajar dia 6 orang. Adakah ini berlaku hasil daripada pengurusan yang silap.

Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, beberapa kali sidang DUN ini mempersoalkan isu tentang lembaga pengarah tetapi nampak gayanya peletakan ahli politik seperti Dato Rashid Din daripada Merbok dipersoalkan beberapa kali tidak juga diambil kira. Adakah tidak ada di kalangan intelektual sama ada daripada Parti Pakatan daripada PAS, daripada PKR yang boleh diletakkan sebagai Lembaga Pengarah UNISEL. Kenapa perlu import daripada luar. Adakah anak-anak Selangor tidak cukup berkebolehan untuk menjadi Lembaga Pengarah. Dan bila dirujuk kepada Menteri Besar beliau menjawab pelantikan Dato' Rashid Din ini kerana kepakarannya dalam bidang pertanian. Dan saya rujuk lagi mana dia kursus-kursus pertanian yang ada di UNISEL. Nampaknya tidak ada. Begitu juga apabila disebut soal pelantikan Setiausaha Politik Faekah yang dimaklumkan dia dipilih kerana mahirnya dalam bidang guaman. Sekali lagi saya melihat ....kalau melihat kepada penarafan, kalau melihat kepada keuntungan saya nampak UNISEL ini tidak membawa kepada kesan yang sangat positif kepada impak ke dalam negeri Selangor itu sendiri. Sehingga ke hari ini rakyat tertanya-tanya bagaimanakah...apakah visi sebab UNISEL ada wawasan untuk menjadi seratus universiti terbaik di dunia, setakat ini nombor berapakah UNISEL ini. Tidak ada satu maklumat awam berkaitan benda ini. Dan bagaimanakah janji UNISEL mahu menggunakan penilaian Malcolm Aldrich Quality Award (MBNQA) dan *European Foundation Quality Model* (EFQN) itu diguna pakai dalam penarafan UNISEL.

Tuan Speaker dalam sidang yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya semua GLC memberikan dana yang secukupnya kepada UNISEL iaitu GLC-GLC negeri. Kalau lahir GLC pusat mereka ada TELEKOM Malaysia dan universiti mereka adalah MMU. Kalau lahir mereka ada Tenaga Nasional dan Universiti mereka adalah UNITEN dan kalau inilah *benchmark* kepada UNISEL sudah sewajarnya GLC-GLC negeri ini menyumbang kepada universiti.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Panjang benarkan....

**Y.B. TUAN BUDIMAN MOHD ZOHDI:** Silakan....

**TUAN SPEAKER:** Saya tak benarkan masa tambahan tau....benarkan untuk mencelah....

**Y.B. TUAN BUDIMAN MOHD ZOHDI:** Yang ini saja saya benarkan, yang ini saja.

**TUAN SPEAKER:** Ok....Kg. Tunku..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Sg. Panjang agak-agaknya berapa pula yuran *tution fees* untuk belajar ijazah kejuruteraan telekomunikasi dan elektronik di UNITEN ataupun di MMU. Saya rasa kita kena bandingkan yuran dia. Kalau yuran dia macam kolej swasta dan anda mensyaratkan UNISEL juga melakukan yang sama saya rasa ianya amat tidak adil untuk UNISEL. Sila buat perbandingan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN MOHD ZOHDI:** Saya bercakap soal penarafan daripada segi *benchmark*. Saya bercakap soal ELC pusat biar dia MMU *backbone* nya TELEKOM. Saya bercakap soal UNITEN di belakang dia adalah TNB. Jadi apalah salahnya kalau UNISEL itu dijenamakan dibelakangnya dengan mana-mana GLC negeri yang diwar-warkan mempunyai keuntungan. Soal daripada segi berapa-berapa itu saya fikir kalau itu sudah dimasukkan di dalam pelaburan saya fikir barulah UNISEL agaknya nanti dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan universiti-universiti lain. Dan saya juga berpendapat berapakah agaknya dana-dana ataupun geran-geran penyelidikan yang diberikan oleh GLC-GLC negeri ini kepada UNISEL supaya setidak-tidaknya sayap kanan pendidikan negeri Selangor ini dapat menjadi satu sayap kanan yang berjaya daripada segi aspek pendidikan. Puan Speaker, baru-baru ini saya didatangi oleh kelompok mahasiswa daripada UNISEL. Berbincang tentang soal isu perumahan mereka yang mana hari ini saya difahamkan majoriti daripada mereka dipindahkan daripada kampus ke kawasan perumahan yang berdekatan samada di Kota Puteri, Bandar Tasik Puteri, Bukit Minyak dan sebagainya. Isunya persoalannya berapa lamakah sebenarnya pelajar-pelajar ini harus menanggung kegelisahan kerana tempat belajar yang jauh dengan kampus. Sedangkan isu bas juga tidak selesai. Dan apabila perkara ini beberapa kali perbincangan-perbincangan dibangkitkan oleh pelajar mereka juga memikirkan tentang soal ada kala nya *maintenance* yang lewat terutama di kampus Shah Alam. Jadi perbincangan-perbincangan saya dengan mereka saya fikir ini patut saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Speaker, dengan memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain sedikit sahaja isu kawasan yang perlu saya bawa iaitu soal Pasar Awam Sungai Besar. Pasar Awam Sungai Besar adalah satu-satunya pasar yang menjadi tumpuan penduduk di sekitar lebih kurang di DUN Sg. Panjang ada hampir 26,000 di Parlimen Sg. Besar adalah lebih 40,000 untuk membeli ikan. Dan hari Sabtu dan juga hari Ahad merupakan tumpuan orang-orang pekan membeli ikan tanpa ada tawar-menawar di Pasar Awam Sg. Besar. Jadi kajian yang saya buat permintaan yang saya sudah bangkitkan beberapa kali ...dia juga sama dengan Bukit Antarabangsa tadi pasal Masjid juga di Sungai Panjang kita nak bangkitkan penambahbaikan pasar awam ini kerana saya lihat Pasar Awam itu sudah tidak kondusif untuk didatangi oleh para pembeli yang terlalu ramai terutama hari Sabtu dan juga hari Ahad. Puan Speaker dengan kata-kata itu saya menyokong usul titah ucapan Tuanku. Sg. Panjang, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih saya ucapkan kepada tuan speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Balakong menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku Sultan Selangor. Seperti yang dinyatakan di dalam titah ucapan tuanku Sultan Selangor tugas kita sebagai wakil rakyat Negeri Selangor bukan sahaja untuk mengekalkan kedudukan Selangor sebagai negeri Metropolitan termaju di Malaysia tetapi juga menjadikan Selangor sebagai antara negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki. Balakong ingin menyentuh isu gangguan bekalan air yang berlaku kebelakangan ini terutamanya di kawasan Balakong. Kawasan Balakong terlibat dengan catuan air fasa 1 dan 2. Catuan Fasa 1 adalah disebabkan oleh pencemaran air sungai di Sungai Langat kerana paras ammonia di dalam air sungai telah melebihi paras yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan iaitu melebihi 1.5 ppm. Ia telah memaksa penduduk menguji rawatan air di batu 11 Cheras dan mengakibatkan gangguan bekalan air yang tidak terjadual selama lapan belas hari berturut-turut. Ini telah menjelaskan aktiviti harian penduduk-penduduk Balakong di lebih daripada tiga puluh kawasan perumahan dan mereka hanya bergantung kepada air yang dihantar oleh lori *tanker* untuk melaksanakan aktiviti harian mereka. Dalam pada itu Balakong memahami bahawa ini merupakan suatu perkara yang diluar jangkaan semua pihak tetapi sebagai kerajaan prihatin pihak kerajaan harus melakukan sesuatu yang konkret untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan harus menyediakan pelan tindakan dan mengkaji cara pengagihan air yang lebih berkesan sekiranya perkara ini berulang lagi. Walaupun catuan air merupakan satu cara yang berkesan dan memudahkan pengguna Balakong ingin mengingatkan bahawa kuasa untuk membenarkan catuan air adalah pada SPAN dan pada krisis kali ini pihak SPAN membenarkan catuan air mulai 27hb Februari dan keputusan tersebut diumumkan ataupun dibuat hanya pada 25hb Februari iaitu enambelas hari selepas gangguan bekalan air berlaku. Kelemahan pihak SPAN ini harus diambil kira dalam usaha merancangkan pelan tindakan untuk masa hadapan supaya kesan terhadap penduduk dapat dikurangkan.

Puan Speaker, Balakong percaya bahawa pencemaran air sungai bukan sahaja berpunca daripada pelepasan dari loji kumbahan di sepanjang Sungai malah ia juga disebabkan oleh pembuangan sampah ke dalam sungai yang tidak terkawal. Ini dapat dibuktikan dengan tapak pelupusan sampah tanpa kelulusan di Sungai Balak di bahagian Taman Cheras Jaya kawasan Balakong. Penguatkuasaan harus diperketatkan dan hukuman yang berat harus dijatuhkan kepada mereka yang melakukan kesalahan tersebut. Walau bagaimanapun penyedaran orang awam mengenai cara penjimatkan air adalah sangat penting. Kerajaan harus mengambil inisiatif untuk melaksanakan kempen-kempen penyedaran awam yang berkenaan. Balakong yakin kempen sedemikian dapat membantu menjimatkan penggunaan air dan ia akan menjadi lebih berkesan. Pihak Barisan Nasional telah gagal melaksanakannya walaupun kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah

menghubungi kami, untuk mereka melaksanakan *rain water harvesting* dengan izin ini sejak 7hb Mei 1998. Balakong mencadangkan supaya geran diberikan kepada mana-mana pihak, yang mana-mana pusat kebajikan atau pun rumah ibadat yang menggunakan *system rain water harvesting* ini. Kerajaan harus mengkaji dan melaksanakan dengan di peringkat negeri dengan segera. Saya yakin dengan perlaksanaan kempen-kempen menjimat air dan juga penerokaan projek HORAS masalah kekurangan air dapat dikurangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk menjadi sebuah negeri yang selesa dan selamat dikunjungi kebersihan merupakan salah satu faktor penting, tidak ada sesiapa yang suka mengunjungi Bandar mahupun negeri yang kotor seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sekinchan dalam perbahasan beliau. Hukuman yang terlebih berat terhadap mereka yang ditangkap membuang sampah adalah diperlukan walaupun tahap perkhidmatan pengutipan sisa pepejal jauh lebih efektif jika berbanding dengan zaman Barisan Nasional. Balakong berpendapat tahap bahawa kebersihan bandaran dapat dipertingkatkan sekiranya aktiviti-aktiviti kitar semula dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur. Ia harus dijalankan aktiviti supaya beban kewangannya yang dihadapi oleh PBT dapat diringankan dan warga PBT boleh meningkatkan lagi tahap kesedaran mesra alam sekitar masing-masing. Selain daripada Balakong mendapati bahawa terdapat banyak bangunan-bangunan yang dimiliki oleh parti-parti komponen Barisan Nasional telah dibina tanpa kelulusan di atas tanah kerajaan. Mereka mendirikan bangunan-bangunan tersebut dan digunakan untuk aktiviti-aktiviti parti politik masing-masing. Ini bukanlah sebarang berita baru dan saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat Pakatan Rakyat sekalian bersetuju dengan saya bahawa perkara ini bukan sahaja berlaku di Selangor malah di seluruh negara. Balakong ingin mendesak kerajaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengarahkan Pejabat Tanah untuk mengkaji cara untuk mengambil alih bangunan-bangunan sedemikian dan turut diserahkan kepada mana-mana NGO yang bersesuaian untuk tujuan kemasyarakatan. Balakong berasa rakyat Selangor sangat bertuah kerana telah memilih Barisan Kerajaan Negeri yang prihatin dan rajin. Dato' Menteri Besar serta Barisan EXCOnya telah turun padang menemui ketua-ketua Jabatan dan kakitangan awam di setiap daerah untuk melihat dan mendengar segala permasalahan pentadbiran dan kesulitan rakyat. Namun begitu Balakong berharap pihak kerajaan juga boleh meluangkan masa untuk menemui wakil rakyat Selangor dengan lebih kerap lagi kerana kami sebagai wakil rakyat termasuk juga Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Kampung juga mempunyai permasalahan yang memerlukan perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Balakong menerima jawapan akhir sekali Balakong menerima jawapan bertulis untuk soalan bertulis pada pagi ini dan Balakong berasa kecewa kerana salah satu soalan yang berbunyi senaraikan nama wakil yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah berserta dengan jumlah emolumen yang dibayar kepada mereka masing-masing tidak dijawab dengan sempurna. Jawapan yang diberikan senarai nama wakil yang dilantik Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di Lampiran B. Manakala jumlah emolumen yang dibayar kepada mereka masing-masing tidak boleh didekahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian Balakong berpendapat Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik Kerajaan Negeri untuk menyandang jawatan tersebut harus lebih telus dalam isu ini mereka dibayar dengan dibayar dengan duit rakyat negeri Selangor. Dan pada saya kalau berani nak terima gaji kenapa nak takut untuk menjadi telus. Saya berharap pihak kerajaan mendapatkan memberikan senarai jumlah emolumen yang dibayar kepada mereka masing-masing dengan secepat yang mungkin. Dengan itu Balakong menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker *Assalammualaikum warahmatullahhi wabaratuh* dan salam sejahtera. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama dengan rakan-rakan yang lain usul menjunjung kasih ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di dalam hari pertama Persidangan. Bagi pihak saya, saya ingin mengulas beberapa perkara dan menyentuh beberapa perkara untuk memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain dan insya-Allah saya akan beri masa yang tidak panjanglah untuk perkara-perkara yang saya ingin bahaskan. Pertama saya ingin respons sedikit mengenai beberapa perkara yang tadi saya tengok Yang Berhormat Kajang berucap tahniah walau bagaimana pun saya ucap tahniah kerana menang dalam pilihanraya yang baru dan selamat bertugas laksanakan semua *manifesto* yang dijanji dan saya percaya Kajang yang lama sekarang mungkin bercuti makan angin barang kali, tengah mengira wang dan mengira apa juga imbuhan-imbuhan yang diperolehi barang kalilah. Sebab bukan senang nak letak jawatan itu bukan ahli dewan tidak apa dia asal ahli dewan. Yang kedua mengenai isu MH bagi pihak diri saya juga kami wakil-wakil Barisan Nasional dengan rendah hati kami juga merakamkan di dalam dewan yang mulia ini dengan rendah hati mengucapkan sama-sama berkongsi kesedihan di atas apa yang berlaku ke atas tragedi dan saya percaya pada peringkat ini tidak sewajarnya janganlah disalahkan kepada mana-mana pihak pun di atas tragedi ini. Kerajaan sedang berusaha dan dunia juga sedang berusaha untuk memastikan dan mencari di mana kapal terbang itu walaupun telah masuk pada hari yang ke-32. Jadi saya tengok ucapan Kajang tadi saya cuba celah tidak bagi saya tengok juga ada beberapa perkara yang dibangkitkan mengenai MH 370. Isu mengenai pasport hilang apa nak hairan Kajang, dalam fail Interpol saya semak ada 42 juta kehilangan pasport seluruh dunia apa nak hairan 2 pasport hilang di Malaysia dan boleh masuk. Dan mereka pun bukan menggunakan pasport Malaysia mereka menggunakan pasport Negara lain, yang ini sukar nak kita tentukan. Sabar dulu bagi saya dulu jadi apa nak hairan, kalau dua ini bukan hairan bukan tidak ada tapisan keselamatan kerana kita ada ciri-ciri keselamatan, menghairankan isu itu. Yang kedua isu mengenai radar kononnya dibeli pada semasa Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan kerajaan sudah membuat penjelasan radar bahawa TUDM memang menunjukkan mengesan kapal terbang berkenaan melalui pada waktu yang tertentu tetapi TUDM tidak mengambil tindakan agresif kerana kapal ini dijumpai ini

merupakan kapal komersial kapal penumpang. Kalau sekiranya dia kapal pejuang pada negara luar sudah pasti bayangkan sekiranya TUDM mengambil tindakan menjatuh kapal terbang MH 370 apa akan berlaku bayangan tuan-tuan dan puan-puan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang benarkan atau tidak.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Masa tidak ada tambahan kan.

**TUAN SPEAKER:** Masa tidak ada tambahan itu sebab baik bahas isu Permatang kawasan dan yang ada kaitan dengan Dewan Undangan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker tadi saya nak minta penjelasan tak bagi sahajalah penjelasan dalam forum ini minta saya jelaskan.

**TUAN SPEAKER:** Ok terus kepada isu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Dari segi isu mengenai saya mengucap terima kasihlah walaupun jumlah pembangkang dalam dewan tidak bertambah sebab tidak berjaya di Kajang masih lagi 12 tetapi suara-suara pembangkang alhamdulillah semakin bertambah. Terima kasihlah. Jadi Sekinchan pun bagus saya tengok.

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bagilah saya ruang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Belum lagi. Jadi saya ingat harapan cerah Pilihanraya ke-14 balik jadi pembangkang mudah-mudahan. Ok lah kalau nak celah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Permatang berkenaan dengan suara-suara yang kita tidak setuju yang dilaksanakan oleh kerajaan dan itu teguran yang membina dari kami, dari keikhlasan dari kami tidak dari pembangkang yang ada ini macam Permatang ini teguran itu yang dibangkitkan itu bukan teguran yang membina banyak yang bersasarkan untuk menjatuhkan imej kerajaan itu bezanya dengan kami Permatang. Minta maaf permatang. Dan seterusnya saya nak tanya ialah yang pentingnya tentang pasport palsu itu tidak hairan kata Permatang tadi saya nak tanya bagaimana pula dengan kemasukan wanita Monggolia Altantuya masuk ke Malaysia daftar ke pasport dan terus hilang dari Imigresen apa pandangan itu pun tidak hairan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mahkamah dah putus dah sudahlah Sekinchan satu dunia dah tahu dah diadili oleh peringkat Mahkamah dan

semua dah dijawab di Mahkamah Sekinchan bukalah keputusan Mahkamah dan boleh jelas. Tuan Speaker juga saya nak menyebut beberapa perkara, kalau saya sebut nanti Sekinchan kata ini *recycle* juga isu yang tadi sahabat saya dari Sungai Panjang mengenai Unisel saya sambung dalam isu pendidikan mengenai Yayasan Selangor kebanyakannya di dalam dewan. Hari ini tadi saya mengambil Kota Damansara masalah utama tadi merompak, lebuh raya merompak perkataan merompak orang miskin Yayasan Selangor. Bayangkan dalam keadaan anak-anak luar bandar, anak-anak orang miskin sepatutnya dapat pembelaan hari ini asrama mereka dirobohkan dan nak dibina.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, Bukit Gasing minta mencelah. Benarkan atau tidak.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya habiskan sedikit lagi, saya bagi nanti. Saya nak bertanya di dalam dewan ini tolong berikan penjelasan dari pihak kerajaan supaya apa sebenarnya tolong bentangkan di dalam dewan ini sejauh mana pembangunan Yayasan Selangor sekarang ini. Apakah Yayasan Selangor yang berada di Kampung Pandan sudah diambil pelajar dan tidak mengambil pelajar lagi, sudah dibangunkan saya minta di dalam dewan ini diperjelaskan syarikat mana yang dapat apakah melalui tender terbuka ataupun tawaran terus ataupun pemaju dilantik untuk membangunkan. Apa nasib anak-anak ini yang dulunya pada jawapan EXCO pada sidang yang lepas dijawab bahawa anak-anak Yayasan Selangor dipindahkan ke Hulu Selangor di Ampang Pecah apakah sudah dibina asrama mereka apa yang berlaku dengan bangunan Yayasan Selangor sebelah lot 10 (Lot Ten) di Kuala Lumpur apakah sudah mendapat pulangan selepas diubahsuai. Saya juga pernah bangkitkan mengenai penurunan atau kekurangan penyewaan bangunan Yayasan Selangor di Petaling Jaya. Ini isu-isu melibatkan Yayasan melibatkan kepentingan anak-anak orang miskin, hingga pada hari ini masih tidak mendapat pembelaan. Hari ini mereka terpaksa balik semula ke kampung, duduk asrama kampung dan tujuan sebenar kita nak bagi peluang kepada anak-anak luar Bandar datang ke bandar dapat peluang pendidikan sekolah yang baik tidak menjadi kenyataan. Inilah saya tengok satu kemusnahan yang begitu nyata dan hari ini Yayasan Selangor merupakan di antara agensi Kerajaan Negeri Selangor yang paling teruk mendapat kesannya. Tanah mereka dirampas di Klang diberi kepada pusat kebudayaan ini jelas tidak dapat dinafikan dan tidak mendapat penjelasan kepada pihak kerajaan. Saya nak minta apa yang berlaku sekarang mengenai pembangunan asrama Yayasan Klang saya minta ini diperincikan diperjelaskan dan siapa yang mendapat laba-laba keuntungan dan kemudian apa juga bentuk pembangunan yang akan dibuat di atas tanah yang direbut ini. Tuan Speaker saya juga ingin menyebut sedikit mengenai isu air, saya teringat Sekinchan kata mari sama-sama kita bersetuju menyokong usaha untuk penyelesaian air Selangor. Sekinchan saya nak beritahu kita di peringkat DUN Barisan Nasional ini dah lama dah enam tahun kita perjuangkan nak bina Langat 2 supaya isu air ini dapat diselesaikan sama ada krisis air akan berlaku 2014, 2015 ke

2018 ke atau 2020 sekali pun tetapi kita menjangkakan krisis air ini berlaku di negara kita di Selangor khususnya siapa sangka 20 tahun dahulu Putrajaya hanya kawasan estet tidak ada manusia tinggal mungkin pekerja-pekerja. Hari ini Putrajaya ada berapa ramai beratus ribu penduduk di Putrajaya air itu dulu kita tahu di Negeri Selangor penduduknya berapa juta 20 tahun yang dahulu hari ini penduduk Selangor 5 juta lebih pengguna semakin hebat semakin berkembang penggunaan air semakin banyak kemudian keperluan-keperluan air bersih semakin meningkat, pembinaan-pembinaan kawasan penempatan baru perlukan sumber air yang banyak sehingga banyak projek-projek tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan air tidak dapat sumber air. Jadi kita dah perjuangkan dulu, kami dituduh kononnya untuk kroni, Perdana Menteri dah terangkan, kontrak membina Langat 2 terbuka. Kerajaan Negeri Selangor pun anak syarikat boleh masuk membida projek ini. Tak ada isu, mengenai projek tidak ada isu mengenai kroni dan sebagainya. Ini lah satu contoh kita dah bina terowong sudah hampir siap 98%, itu pun wang rakyat juga. Jadi sebab itulah saya sebenarnya Puan Speaker, dalam Dewan ini bukan nak mengeruhkan apa yang hampir jernih, saya mengalu-alukan. Kami di peringkat amat mengalu-alukan, sebab kita tahu air ini milik rakyat, hak rakyat dan semua rakyat akan terkesan kalau berlaku krisis air, baik orang PAS, orang UMNO, orang DAP semuanya akan terkesan dengan isu air ini. Sebab itu lah kita amat mengalu-alukan mengenai air ni dan kita harapkan Kerajaan Negeri tidak akan tunduk kepada mana-mana asalkan kita akan teruskan dan kita Insya-Allah akan sokong Barisan Nasional sokong sepenuhnya kerana ini hak rakyat perlu dapat air, hari ni kita tengok betapa susahnya semua orang terpaksa mandi, dulu boleh mandi 3 hari sekali, hari ini 3 kali, 3 hari sekali. Ulang balik, dulu boleh 3 kali sehari, sekarang 3 hari sekali. Itu nasib baik juga yang ada simpan tangki baldi. Kalau yang duduk di tingkat 5, tingkat 6 tak ada lif, bayangkan tuan-tuan puan-puan lif rosak, macam mana nak bawak air? Ini kita semua tahu mengenai keperluan air ini jadi saya harap janganlah kita berpolemik lagi, yang penting rakyat dan kita semua akan dapat manfaat. Soal mengenai apa ni jumlah pampasan dan sebagainya boleh dibincangkan, saya tak ada masalah pun dan Kerajaan Persekutuan dah bersetuju kalau ikut yang Menteri Besar sebut RM2 bilion sanggup diberikan untuk membantu penstrukturran air di Negeri Selangor dan tidak ada halangan pada mana-mana pihak pun, dari dulu pun *Federal Goverment* dah bagi peluang untuk pengambilalihan ini, tak ada isu. Jadi saya mengharapkan dalam Dewan ini sehingga kita berakhir Dewan ini kita dapat satu keputusan dan walau bagaimanapun saya setuju juga kalau sekiranya pihak Kerajaan ingin mendedahkan perkara butiran, mungkin kita sebagai Dewan Tertinggi dalam negeri ini berhak mengetahui juga apa-apa butir-butir perjanjian yang wajar kita ketahui yang mana dalam rundingan itu biarlah terus dirundingkan di antara pihak kerajaan dan pihak persekutuan. Saya ingin menyentuh mengenai HORAS yang disebut Menteri Besar RM500 dan RM600 kalau tak silap saya tadi dan saya nak melihat, saya nak bertanya kalau boleh dijelaskan juga apakah projek di Sungai Darah ini akan memberikan penyelesaian sepenuhnya jangka panjang kepada bekalan air mentah di Negeri Selangor kerana yang apa yang saya jelas mengenai pengambilan, mengambil air-air dari kawasan lombong disalurkan kepada Sungai

Selangor bagi memenuhi empangan. Jadi perbelanjaannya agak besar, saya dimaklumkan menelan belanja hampir RM400 juta lebih. Apakah projek ini benar-benar akan memberikan penyelesaian jangka panjang kepada pembekalan air mentah di Negeri Selangor dan wajar diberitahu siapa syarikat yang mengendalikan, pakar mana yang kita ambil, sama ada daripada dalam negeri atau luar atau dalam negeri atau luar negara supaya kita nak lihat juga supaya HORAS ini benar-benar mencapai matlamat dan tujuan yang kita harap-harapkan.

Yang Berhormat Speaker saya nak menyebut satu perkara lagi mengenai yang dulu juga pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini mengenai premium tanah. Ini satu juga perkara yang hari ini cukup menghimpit rakyat dalam negara kita khususnya dalam Negeri Selangor. Kita tahu dulu sewaktu dalam kerajaan Barisan Nasional, premium tanah ini pada tahap yang sangat nominal. Kalau kita beli tanah 1 ekar, 2 ekar, kita boleh bagi dalam kadar yang sangat murah, sama ada RM200, RM300, RM400, RM500 tak lebih daripada RM1,000 kita berikan sebab pada waktu itu kerajaan Barisan Nasional mencari sumber-sumber lain sebagai hasil pendapatan, sebab kita nak bantu rakyat. Tapi hari ini saya nak tanya pada pihak kerajaan. Ada beberapa penduduk bertemu dengan saya yang hari ini waktu dulu selepas tamat tempoh pajakan 99 tahun dulu mereka dapat tahap pertanian, tanah berstatus pertanian, selepas 99 tahun mereka mohon kepada Pejabat Daerah dan mereka dapat kelulusan *renew* apa ni apa, pembaharuan tetapi mereka tidak dibenarkan dapat pembaharuan bertaraf pertanian, mereka dapat taraf perindustrian ataupun pembangunan bercampur tetapi alangkah terkejutnya mereka semua sekali. Saya boleh bagi bukti Yang Berhormat Speaker, 1.5 ekar tanah, 1.25 ekar tanah yang dahulu tanah pertanian yang keluarga mereka telah tinggal 100 tahun, dah 4 generasi mereka warisi, banyak rumah-rumah tradisional mereka bina adik-beradik tapi bila hari ini mereka dapat pembaharuan alangkah terkejutnya mereka premium yang mereka kena bayar RM1.5 juta. Ke mana mereka nak pindah? Ke mana mereka nak pergi? Itu tanah yang betul, tanah yang selepas tamat tempoh menjadi milik kerajaan. Kita faham, mereka pun faham tetapi untuk membayar RM1.5 juta untuk 1.25 ekar yang mereka telah duduki hampir 100 tahun, kerana dah tamat tempoh pajakan, bagaimana? Saya nak bertanya kepada pihak kerajaan tolong lah berikan penjelasan, sama ada mereka hanya layak membayar hanya RM1,000.00 sepertimana yang diwar-warkan dan mereka berhak untuk dapat *title* dan selepas kalau mereka nak membuat jual beli kemudian barulah dikenakan semula premium berkenaan. Kalau itu mungkin jawapannya la barang kali saya tak pasti. Jadi saya nak mohon supaya apakah langkah-langkah kerajaan, banyak tanah-tanah pertanian di kawasan yang saya pernah bangkit di dalam Dewan ini RM400 ribu, RM500 ribu untuk 2 ekar tanah cukup membebankan kepada rakyat dalam kawasan kampung. Bagaimana tanah mereka yang mereka telah duduk berpuluh-puluh tahun, dah berkeluarga, bina rumah di kawasan yang berkenaan. Jadi saya mengharapkan jawapan yang jelas.

Yang Berhormat Speaker saya nak terus kepada masalah kawasan di dalam DUN saya. Ada satu, saya ingat dalam tahun 2008 saya bangkitkan isu mengenai projek rumah terbengkalai, mengenai Taman Sungai Yu Indah. Setiap kali saya tanya akan ada jawapan dan jawapan-jawapan yang saya terima hampir 6 tahun ini yang terakhir saya terima jawapan daripada EXCO pada Sidang yang terakhir sebelum pembubaran Dewan. Jadi rumah ini adalah 272 unit rumah kos rendah, sudah hampir 8 tahun rumah ini tidak langsung disiapkan, tidak ada pergerakan, hanya adalah 2 @ 3 orang bekerja bersihkan jaga tempat ini sedangkan pembeli-pembeli sudah membuat potongan gaji hampir 7 tahun. Mereka ni orang susah, yang beli rumah kos rendah ni majoritinya mereka yang berpendapatan sederhana, berpendapatan rendah. Mereka dah potong gaji, waktu yang sama kena menyewa dan jawapan yang saya terima...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Permatang, boleh tunggu sekejap?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan Dewan. Saya mempersilakan wakil Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul ini.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: bahawa se nya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan 26 (4) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga jam 6 petang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui. Silakan Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, terima kasih Puan Speaker. Jadi jawapan terakhir yang saya terima bertulis daripada EXCO dijangka akan siap Mac 2014, hari ini kita dah Dewan bulan April dah tapi bila saya balik kawasan saya tengok memang tak ada pergerakan pun dalam kawasan berkenaan. Jadi saya harapkan kepada EXCO Perumahan dapat memberikan lah apa ni bukan kata jawapan tetapi melihat lah supaya Taman Sungai Yu Indah ini dapat disegerakan, dapat dibantu orang yang susah ini supaya mereka dapat tinggal di kawasan rumah yang mereka beli.

Juga saya ingin menyebut membawa satu perkara lagi iaitu mengenai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Bestari Jaya. Puan Speaker, sebagai sedikit latar belakang kepada rakan-rakan Ahli Dewan, TKPM ini ialah singkatan kepada Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang ada di kawasan Bestari Jaya. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan sekalian, kawasan ini mula dibuka pada tahun 1997 oleh kerajaan yang dahulu dengan memberikan kawasan ini sebanyak 480 ekar keluasan dan setelah ditolak dengan kawasan yang mempunyai kawasan lombong dan sebagainya kawasan daratan yang boleh diguna pakai sebanyak 355.5 ekar. Jadi kawasan ini mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Pertanian. Kawasan ini memang digazet atau pun dinamakan Taman Agro Teknologi Pertanian Bestari Jaya dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian sudah membelanjakan hampir RM10 juta untuk membuat infrastruktur untuk membangunkan kawasan ini. Ada 23 peserta yang berbilang kaum yang mana pada tahun 2000 semua peserta dibenarkan masuk selepas infrastruktur dibina dan pada hari ini ada 23 peserta yang menjalankan pelbagai bentuk pertanian sama ada tanaman-tanaman sayur-sayuran, buah-buahan juga apa ni ternakan ikan, ternakan ayam dan sebagainya. Jadi untuk maklumat Ahli-Ahli Dewan kawasan ini merupakan peserta-peserta terdiri daripada petani-petani. Sebahagiannya terpaksa meminjam dengan Agro Bank, TEKUN, MARA supaya mereka dapat menjalankan usaha dan tapi apa yang berlaku pada tahun 2010, Kerajaan Negeri menghadiahkan tanah ini kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB). Dengan penganugerahan ini maka petani-petani di dalam kawasan ini mula merasa curiga dan akhirnya mereka berjumpa dengan saya dan mereka sudah menerima surat rasmi daripada KDEB yang minta kesemua peserta-peserta ini kena keluar dalam tempoh 2 bulan bermula pada tarikh 21 Februari 2014. Saya rasa amat terpanggil kerana untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat TKPM ini saya ambil rekod, saya bercakap pun saya terpaksa semak, saya rekod dengan Jabatan Pertanian Daerah Kuala Selangor, kawasan ini daripada awal penubuhan sampai tahun 2013 apa yang mereka dapat hasilkan hampir RM50 juta pengeluaran pertanian yang mereka sumbangkan kepada bekalan makanan di Negeri Selangor termasuk membekal sayur-sayuran segar, ikan air tawar, ternakan ayam itik dan sebagainya. Jadi saya amat berharap apabila mereka diperintahkan keluar maka berlakulah krisis sekarang dalam kawasan berkenaan. Bagaimana nasib mereka yang pengusaha 23 orang? Saya mendapat maklumat juga Yang Berhormat EXCO Pertanian sudah turun melihat kawasan ini dan sudah berjumpa dan hari ini saya menyeru pada pihak kerajaan dan mereka sudah berbincang dengan pihak Darul Ehsan Berhad tapi mereka hanya diberikan perjanjian atau kenaikan sewa sebanyak lima kali ganda daripada kadar yang sebelumnya dan mereka diberi tempoh sewaan setahun ke setahun. Jadi Tuan-Tuan Yang Berhormat bayangkan seorang pengusaha ada kolam ikan yang begitu besar menggunakan tasik yang terbiar begitu lama, mereka membangunkan kawasan ini dan memberi peluang kita dapat makan makanan yang segar, bagaimana dasar, dasar makanan negara yang diwujudkan di dalam kawasan ini hari ini mereka terpaksa keluar? Saya menyeru memohon kepada EXCO Pertanian dan Kerajaan Negeri tolong la, berilah mereka peluang. Selagi

kawasan ini tidak dibina sebab kawasan ini amat jauh daripada kawasan projek HORAS yang dibangunkan, hampir 18km ataupun 20km jaraknya daripada kawasan Sungai Darah. Jadi saya mohon pada pihak kerajaan memberikan pertimbangan kepada mereka supaya mereka dapat terus menjalankan aktiviti ini dan mereka mohon supaya kadar sewaan ini boleh diberi daripada 5 tahun, 5 tahun dan sebagainya selagi kawasan ini tidak dibangunkan untuk tujuan-tujuan pembangunan dalam Kerajaan Negeri.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Speaker akhirnya saya ingin juga menyentuh, saya ingin nak minta supaya pihak...

**TUAN SPEAKER:** Satu minit lagi ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Satu minit ya ok. Mengenai kesesakan jalan di dalam kawasan Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam. Hari ini saya menerima banyak sekali *sms*, saya tak tahu daripada mana pun, daripada banyak orang yang naik kenderaan, bila sampai hari Sabtu, hari Ahad, mereka akan tersangkut hampir 5km kerana ada satu lampu isyarat yang diluluskan oleh pihak Majlis di hadapan TESCO Pasir Penambang. Jadi hari ini kita nak minta supaya pihak Majlis Daerah, pihak Kerajaan Negeri supaya memberikan satu alternatif bagaimana kerana kesesakan ini hampir 5km sampai ke pekan Kuala Selangor mereka terpaksa berhenti, lepas turun sahaja jambatan mereka terpaksa terhadang dengan lampu ini. Jadi saya mengharapkan rungutan-rungutan ini akan dapat diberi jawapan oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi Yang Berhormat Speaker saya ucap terima kasih, Permatang dengan ini menjunjung kasih dan menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Bismillahir Rohmannir Rahim.... Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Terima kasih kerana memberikan laluan kepada Taman Templer untuk mengambil ruang membahas usul sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam pembukaan sidang dewan baru-baru ini. Tuan Speaker, melihat kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan banyak diberikan pujian-pujian. Banyak juga diberikan saran-saran dan juga harapan-harapan. Setelah masuk penggal yang kedua, syukur alhamdulillah kita merafakkan pujian kita terhadap Allah SWT di atas meminjamkan kita kekuasaan ini merupakan amanah yang kita kena pastikan amanah ini mampu dan kita lunaskan sebaik mungkin. Kita lahirkan syukur kita kepada Allah SWT dalam ruang ada ini, di sidang dewan yang mulia ini, saya hendak mengajak sedikit Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan melihat jauh ke negeri yang tidak sama dengan kita. Kita alhamdulillah makmur, subur, aman damai dan sebagainya.

Di Mesir kita melihat baru-baru ini bagaimana di Medan Rafah lebih daripada 3000 para syuhada yang telah pun dibunuh mati. Begitu juga baru-baru ini dalam kerajaan Jeneral Abdul Fatah Asisi telah pun menjatuhkan hukuman ke atas aktivis-aktivis 528 dengan hukuman mati. Demokrasi telah pun dinodai. Dr Mohamad Murshi presiden yang diangkat oleh rakyat secara demokrasi telah pun digulingkan. Maka dewan yang mulia ini, saya mengajak Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk menyatakan kita kepada rakyat Mesir yang telah ditindas itu. Oleh itu saya memohon Yang Berhormat sekalian untuk bangun untuk kita menzahirkan kita kepada rakyat Mesir yang ditindas. Silakan, sebagai tanda kita. Terima kasih.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kita telah masuk penggal yang kedua. Melihat kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia yang mana Tuanku berkenan dengan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang tidak silap ingatan saya, mencecah RM800 juta telah pun dibelanjakan. Jumlah program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang mungkin dalam kedinginan di dewan ini saya boleh memanggil yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk meneka berapakah bilangan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor? Emm...17, sebab telah tertulis di situ kan. 17. Biasanya, soalan ini bila ditanya mereka tidak tahu apa? Kalau 17 itu kita tanya, 17 ini cuba Yang Berhormat-Yang Berhormat menyatakan secara *of hand* 17 boleh tak ingat? Apa yang saya hendak dinyatakan di sini. 17 itu telah banyak cuma untuk penggal kedua ini tibalah masanya kita untuk melihat betapa keberkesanannya. Sejauh mana program-program MES ini capai objektifnya. Saya pernah sebut dalam sidang dewan ini, bagaimana kita disarankan kerja ini, bukan banyak tetapi berkesan. Sebab itu di mana firman Allah SWT dalam Ayat Al-Mulk yang kedua "...bacaan ayat Al-Mulk...". Allah menjadikan kita ini hendak melihat. Dijadikan hidup, mati di muka bumi ini untuk melihat sejauh mana bainya amalan kita, bukannya sejauhnya banyaknya amalan kita. Ataupun *asah amalah* tapi sebut *ehsan amalah*.

Pada khidmat saya tuan-tuan Yang Berhormat sekalian, Ehsan baik dalam konteks MES ini kita boleh melihat pertamanya sekali, capai ataupun tidak golongan-golongan sasar itu? Yang kedua, baik program MES ini kita melihat dari sudut adakah program-program ini dirasai atau tidak oleh golongan sasar. Kalau kita katakan orang-orang warga emas, adakah sampai kepada warga emas? Yang kedua, adakah warga itu merasai program-program MES ini. Dan ketiganya, adakah berkesan. Kita kata golongan sasar belia, sampai tak kepada belia? Dirasai tak oleh belia? Ketiganya, adakah berkesan? Dan keempat, sejauh mana berkesannya.

Sidang dewan yang dimuliakan sekalian, kita melihat program 17 itu telah banyak tinggal lagi kita perlu memperkemas dan memperkasakan sebagai contoh kita melihat beberapa contoh program-program MES kita seperti Skim Usia Emas, sasaran kita kepada warga emas tetapi kita bagi RM2500 baik, bagus cantik, tetapi setelah mereka meninggal dunia, ramai yang datang mengadu sewaktu hidup apa yang mereka boleh, mereka dapat dan sebagainya. Alhamdulillah, dulu kita ada

Jom! *Shopping* tetapi sekarang Jom! *Shopping* telah tiada. Jadi saya hendak menyebut golongan sasar kita kalau warga emas tetapi tidak dirasai lagi bagaimana ekonomi tadi dirakyatkan kepada mereka. Begitu juga program-program lain seperti program-program MIMBAR misalnya. Rasanya peniaga-peniaga menyatakan susah, sukar, payah untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman ini. Begitu juga, TUNAS. Banyak prosedur-prosedur yang saya fahamkan ini merupakan hari terakhir untuk memberikan atau memulangkan balik borang permohonan dan satu benda yang menyediakan kalau benar khabaran yang saya terima bajet untuk TUNAS ini juga hampir kehabisan. Maka saya boleh lihat bagaimana program MES ini cukup cantik, tidak pernah diragu oleh Barisan Nasional mungkin dari negeri yang lain. Mungkin tinggal lagi kita perlu berkemas dan diperbaikkan. Tuan-tuan/puan-puan sekalian bagaimana Program Wifi Selangorku untuk kali kedua saya sebutkan dalam dewan ini. Sebagai contoh, objektifnya adalah untuk supaya memperbanyakkan dan memperluaskan kadar penebusan internet. Kaji sejauh manakah kesan kepada program ini. Banyak. Tuan-tuan sekalian yang mana *access point* (dengan izin) yang tidak berfungsi telah pun dilaporkan kepada pihak yang sepatutnya, tidak diperbaiki, dan akhirnya Yang Berhormat-Yang Berhormat sidang yang dimuliakan *target* objektif asal kita supaya ramai yang mencapai internet tidak berlaku. Jadi *point* pertama saya adalah supaya melihat kembali ke semua program 17 MES ini, dan mungkin kita boleh tubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk mengkaji keberkesanannya. Pertama golongan sasar, mencapai atau tidak golongan sasar tersebut. Yang kedua, dari sudut golongan sasar ini dirasai atau tidak? Ketiga, keberkesanan sejauh mana keberkesanannya?

Yang Berhormat-Yang Berhormat sidang dewan sekalian, semalam saya balik rumah. Kakak saya yang menjaga anak-anak di rumah dia mendengar perbualan jiran sebelah rumah saya, dia kata "Mat, macam mana air ada lagi tak? Hari ini giliran kita kena catu, susahlah kalau macam ini" dia kata. Ini semuanya, sebab politik, sebab politik, sebab Pakatan Rakyat, sebab Barisan Nasional dan sebagainya. Saya balik, saya kata bagaimana penerangan yang cukup baik yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi, tentang keadaan empangan kita, tentang keadaan hujan yang turun tapi tidak turun pada *ajustment area* dan sebagainya. Bagaimana kita terpaksa catu. Kalau hujan tidak turun mungkin kita akan lebih menderita dengan keadaan air dan sebagainya. Tidak sampai maklumat ini kepada rakyat, sebab itu dalam *point* kedua ini saya ingin mengajak supaya kita melihat kembali kepada media penerangan.

Sebab itulah! Wifi Selangorku contohnya, saya melihat soalan-soalan ataupun jawapan-jawapan bertulis tentang bagaimana kita hendak melebar luaskan lagi penerangan kerajaan negeri Selangor ini? Jawapannya adalah kita memperluaskan di peringkat media alternatif ataupun *on line*, media maya dan sebagainya. Sebab Selangorku, surat khabar 3000 naskhah kurang lebih setiap DUN. DUN saya ada 50 000 pengundi dengan 3000 naskhah Selangorku, kita boleh bayangkan kesan dan pencapaiannya. Jawapan bertulis dan bagaimana kita letak di video dan di internet,

Alhamdulillah itu sebagai satu usaha cukup baik dan bagi kita yang mencapai mudah internet, kita tengok internet, *website*, *portal* dan sebagainya kita dapat lihat, dapat hasil semua maklumat-maklumat yang kita mahu tetapi tidak cukup, sebab itu kita sebutkan tadi bagaimana dengan Wifi Selangorku ini tidak mencapai matlamat untuk melebar luaskan maklumat seluruh tuan-tuan/puan-puan seluruh rakyat Selangor yang sebelum ini sukar untuk mencapai internet, kini sudah mencapai internet. Perlu dikaji semula? Penerang ini saya minta supaya dilihat kembali dalam konteks yang lebih luas. Bagaimana kita hendak menyampaikan maklumat-maklumat kerajaan negeri ini supaya sampai kepada rakyat seluruhnya. Bukan sebahagian kecil sahaja. Masalah kita kalau hal air ini yang telah pun kita bicarakan beberapa minggu ini secara begitu lantang dan sebagainya tetapi tidak diketahui oleh rakyat negeri Selangor. Jadi apa berlaku ini, hujan lebat turun, banjir depan rumah tapi buka paip pili di dapur tiada air. Jadi sukar diperjelaskan satu persatu kepada rakyat jelata. Tuan-tuan Yang Berhormat sekalian, demokrasi saya sarankan supaya penerangan di peringkat kerajaan perlu dilihat kembali bagaimana? Ditubuhkan satu jawatankuasa atau sekretariat penerangan yang pernah di rintis atau dicuba oleh kerajaan tetapi oleh kerana kegagalan sebelum ini tidak boleh berhenti begitu sahaja. Buat penambahbaikan dan perlu diteruskan.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sidang dewan sekalian, seterusnya berkenaan program rumah terbengkalai. Alhamdulillah saya juga melihat kepada jawapan-jawapan dalam jawapan-jawapan bertulis dan mulut banyak projek-projek rumah terbengkalai yang mampu disiapkan dalam tempoh pentadbiran Pakatan Rakyat. Sebagai contoh saya bawa berkenaan perumahan terbengkalai Bukit Botak yang dulu hampir 30 tahun. Janji demi janji yang dibuat oleh Barisan Nasional, mengkhianati janji demi janji, janji tersebut kepada rakyat tidak dapat dilaksanakan. Tapi alhamdulillah dalam tempoh tidak sampai dalam tempoh tiga atau empat tahun Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Bukit Botak telah selamat didirikan 1422 unit, alhamdulillah sudah ada pentauliahan untuk menduduki telah diperolehi. Telah hampir satu tahun, siap dan sedia diduduki. Sedikit merasa gundah sebagai wakil rakyat di kawasan Taman Templer. Bulan Mei 2013 siap, ada yang masuk dan mendapat kunci. Sekarang sudah hampir bulan Mei 2014, setahun telah berlalu.

Daripada 1994 tawaran-tawaran kepada setinggan yang keadaan mereka uzur, sudah tua dan sebagainya, yang sebelum ini dipindahkan di luar hanya 445 sahaja yang mampu mengambil kunci dan mendiami rumah Bukit Botak, 1/3 selebihnya Ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kebanyakannya tidak mampu dan masih tidak boleh lagi mengambil kunci, masuk dan tinggal dalam rumah mereka. 749 kurang lebih. Maka bila kita turun kepada rakyat, majoriti di kalangan mereka sudah hampir setahun siap tapi masih tidak mampu masuk, duduk dan tinggal dalam rumah mereka. Termasuklah juga lebih kurang 300 ataupun mencecah 400 yang sekarang ini seolah-olah tidak tahu cara macam mana sebab pinjaman-pinjaman yang mereka utarakan kepada pihak bank ditolak. Satu bank demi satu bank ditolak, sebab mereka bekas setinggan, masih lagi setinggan sekarang ini

mempunyai pendapatan yang sangat kecil. Tidak mampu dan tidak layak untuk membuat pinjaman terpaksa menggunakan nama-nama anak. Anak mereka ada pun bekerja ala kadar, pendapatan yang kecil dan juga perlu menampung hutang-hutang lain, tidak layak. Lebih kurang 400 tadi yang saya sebut, tidak mampu membuat pinjaman dan mereka sekarang ini seolah-olah hilang arah. Bagaimana? Adakah mereka terpaksa *surrender* balik PKNS yang menyebabkan adalah sedikit imbuhan, tapi rumah yang mereka idamkan juga tidak dapat, maka saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli dewan sekalian supaya tibalah masanya kewangan kita yang cukup mantap dan kukuh ini supaya kita menawarkan rakyat kita pinjaman-pinjaman kerana mereka betul-betul memerlukan. Dari awal saya sebutkan tentang MES ada objektifnya. Kita usahakan sampai akhir capai objektif kita. Begitu juga dengan perumahan terbengkalai di rumah Bukit Botak ini objektif kita supaya setinggan yang kita alihkan itu mampu balik semula duduk di dalam rumah mereka usaha macam mana pun supaya pihak Kerajaan supaya mampu mengembalikan warga-warga tua setinggan ini masuk duduk rumah impian mereka. Dan yang terakhir sekali saya tertarik apa yang disebutkan oleh Kota Damansara tadi berkenaan dengan al-kitab. Damansara Utama kita berada di Selangor yang mana masyarakatnya majmuk, pelbagai bangsa dan pelbagai angkat kita digelar sebagai *little Malaysia* dengan izin sudah masanya kerajaan Pakatan Rakyat untuk menunjukkan satu contoh kerajaan yang mampu dan memerintah dan mentadbir urus kepelbagaian agama dan kepelbagaian kaum bangsa dan Negara. Kegagalan demi kegagalan UMNO Barisan Nasional yang sudah terang lagi tersuluh dalam mengurus kepelbagaian agama dan bangsa dalam Negara Malaysia pada hari ini. Isu Al-Kitab juga berkait dengan kegagalan UMNO Barisan Nasional yang mengutarakan undang-undang dan polisi yang tidak jelas di peringkat negeri lain, di peringkat Negara lain, *solution* dibuat 2011, atas asas politik dan sebagainya bukan benar-benar untuk menyelesaikan masalah akhirnya kita mewarisi permasalahan-permasalahan ini. Sebab itu saya menyarankan kepada pihak kerajaan tibalah masanya untuk bangkit, melihat kembali peraturan-peraturan, memperjelaskan kembali seluruh rakyat peraturan-peraturan untuk jaga keharmonian dalam kita mengurus masyarakat dan rakyat kepelbagaian bangsa dan agama ini. Supaya nanti semua faham adakan banyak dialog-dialog antara kaum telah masa dan sampai sudah selepas mungkin berpuluhan-puluhan tahun kita merdeka tak sampai sekarang tidak boleh memahami lagi tradisi, adap, budaya, agama dan sebagainya. Dalam konteks ini saya juga menarik perhatian berkenaan dengan rumah ibadat bukan Islam, saya ada ajukan soalan bertulis ini juga perkara yang hampir sama kegagalan yang kita warisi daripada Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Kita perlu jelas, kita perlu telus, kita perlu secara bersama-sama macam mana secara kolektif mana kita menguruskan kepelbagaian agama ini. Saya agak terkejut bila melihat kepada statistik rumah ibadat bukan Islam tanpa kelulusan ini mencencah 121,000 rumah ibadat bukan Islam tanpa kebenaran. Saya sebagai orang Islam tidak ada masalah untuk kita memberikan kebenaran secara hak kepada orang bukan Islam untuk mendirikan rumah-rumah ibadat mereka. Sebab itulah undang-undang perlu dilihat kembali bagaimana, adakah undang-undang selama ini baik

menyekat atau menyukarkan untuk orang bukan Islam ini bukan rumah ibadat mereka. Sebab sekarang ini kita lihat banyak di bawah aduan-aduan yang mana bercambahnya rumah ibadat bukan Islam. Saya merasa sepatutnya dalam Negara kita dalam Selangor ini kita boleh mengurus dengan baik bukan adanya di sana di sini rumah-rumah ibadat ini. Dan menyebabkan banyak aduan-aduan daripada rakan-rakan setaman, rakan-rakan se apartmen dan sebagainya buat dipintu masuk get bila diajukan permasalahan ini Pihak Berkuasa Tempatan, mereka terpaksa hantar masuk ke jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam. Tetapi saya tidak pasti mungkin mohon penjelasan bagaimakah kaedah Pihak Berkuasa Tempatan kata mereka tidak boleh melakukan apa-apa bila sudah bergelar sebagai rumah ibadat tidak boleh ganggu. Maka saya ingin penjelasan bagaimakah cara yang terbaik untuk kita mengurus rumah ibadat bukan Islam ini yang kita nampak 1,231 tanpa kebenaran ini ada di serata pelosok Negeri Selangor tercinta kita ini untuk kita uruskan dengan lebih baik. Kita tidak mahu tuan-tuan sekalian, Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan timbul isu-isu agam, timbul isu Al-Kitab, timbul isu rumah ibadat, untuk dirobohkan dicabar mungkin hantarkan saman dan sebagainya. Ada pihak-pihak tertentu mengambil peluang inilah masanya supaya untuk mengujudkan sesuatu suasana yang tidak baik dalam Negeri Selangor ini. Banyak kita telah belajar, kita sudah belajar banyak tentang insiden-insiden yang berlaku di luar sana suasana diheretnya kepala lembu masuk. Dan oleh yang demikian kita perlu ke hadapan apa tindakan kita sewajarnya kita menjadi contoh saya minta tuan-tuan sekalian Selangor mesti ke terus depan. Memberi contoh kalaualah kita bercerita tentang Kajang move ke atau ke Putrajaya sebagainya, Selangor perlu ke depan sebagai contoh bagaimana untuk kita mengurus kepelbagaian agama, kepelbagaian bangsa dengan cukup cantik. Lepas itu.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer, Kampung Tunku minta mencelah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Taman Templer saya terharu dan gembira ada pendirian dari seorang ADUN PAS yang menyokong supaya undang-undang melihat semula untuk menjaga keharmonian hidup di Selangor ini. Ingin bertanya kepada Yang Berhormat Taman Templer sekiranya pasaran yang dinyatakan oleh Taman Templer ini benar-benar berlaku jadi saya ingin bertanya bukankah satu cara yang lebih baik sekiranya Kerajaan dari awal lagi bermaksudnya dari zaman merdeka lagi zaman kerajaan Barisan Nasional menetapkan supaya tanah rizab diberikan kepada rumah ibadat bukan Islam supaya mereka ini dapat dikawal oleh undang-undang yang tertentu dan bukannya macam sekarang ini terpaksa mengambil alih masalah-masalah ini dan sekarang kita tidak dapat menyelesaiannya kerana bilangannya terdapat terlalu banyak. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Seperti yang saya sebutkan tadi permasalahan ini kita warisi daripada UMNO Barisan Nasional yang telah sekian lama memerintah tidak meletakkan sesuatu itu di tempatnya yang menyebabkan sebab itulah kita tidak boleh beralasan bahawa kita mewarisi daripada UMNO dan Barisan Nasional. Sekarang kita harus *move for* hadapan dengan izin melihat kembali secara yang holistik sebab itu kita melihat bagaimana saya sebutkan tadi bukan dengan niat yang ikhlas UMNO Barisan Nasional untuk menyelesaikan masalah-masalah kepelbagaian agama dan bangsa ini *time solution* di sana boleh di sini tak boleh, kalau macam ini boleh, di negeri ini tidak boleh dan sebagainya menyebabkan sukar, susah bagi Pihak Berkuasa.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang. Taman Templer benarkan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Penjelasan sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi 1 minit sahaja. Taman Templer.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tanya kepada Taman Templer urusan mengenai agama ini bukan di bawah Kerajaan Persekutuan dia di bawah Kerajaan Negeri. Jadi enakmen-enakmen dibuat mengenai kawalan pengembangan agama ini Enakmen Negeri bukan Persekutuan janganlah salah Persekutuan ya. Jangan salah fokus Templer. Jelas bahawa Enakmen bawah Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih, apa yang saya sebutkan tadi bagaimana kita dah ada enakmen, kita juga dah ada undang-undang di peringkat Persekutuan seperti yang saya sebutkan tadi 2011 tempoh *solution* dengan Al-Kitab dibenarkan ada kalimah Allah tetapi dengan syarat Sabah boleh, Sarawak boleh, Semenanjung tidak boleh dan ada negeri-negeri sebagainya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan di Sabah lain. Sabah di bawah Enakmen Negeri Sabah. Sarawak di bawah Enakmen Selangor di bawah Negeri Selangor. Tiada kait mengait dengan Kerajaan Persekutuan. Itu Hal Ehwal Agama di bawah Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Sebab itu saya sebutkan tadi saya tidak benarkan dia bercakap juga. Saya sebutkan sebab itulah kita perlu melihat kembali saya sebutkan tadi Selangor kita menjadi contoh. Islam sebagai agama yang rahmat untuk semua. (Bahasa Arab) Tidak aku utuskan kamu wahai Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat seluruh alam.

Islam memberi rahmat kepada orang Islam dan juga bukan orang bukan Islam sebab itu kita sebagai orang Islam wajib bagi kita untuk menterjemahkan untuk kita mendefinisikan itu dilihat baik, bagus, rahmat untuk semua. Sebab itu saya menyarankan supaya Sidang Dewan yang mulia ini begitu juga pihak kerajaan secara seluruhnya kita kena banyakkan perbincangan, dialog, kerjasama, saling faham memahami di antara kita sebab kerajaan yang cukup baik kalau kita tidak jaga beri ruang yang banyak kepada permasalahan-permasalahan yang wujud bukan orang-orang yang jahat seperti mana mengingkari titah Tuanku tadi supaya Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer, Kampung Tunku

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Silakan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Taman Templer sama ada setuju ke dengan saya sekiranya dalam usaha kita untuk kita mengekalkan menjaga keharmonian di negeri Selangor ini kita mengajak bersama-sama rakan-rakan UMNO khususnya untuk bersama kita untuk membina dan menjaga keharmonian ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Saya setuju 152%. Kata Dr Rani. Sekarang ini kita minta.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil pula bangun, Taman Templer Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya ingin Terima kasih Temper saya ingin bertanya kepada Templer saya bersetuju dengan pandangan untuk kita bawa perbincangan berkenaan dengan hal ini tetapi adakah maksud Temper ini ingin membawa supaya perbincangan agar Enakmen Agama Bukan Islam 1988 itu dibubarkan atau dimansuhkan. Silakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kita jangan sempitkan dengan Enakmen sahaja kita lihat secara menyeluruh saya setuju dengan Kampung Tunku tadi kita panggil semua sekali tidak kisahlah sama ada Kerajaan, Pembangkang Muslim, yang bukan Muslim, Melayu, Cina, India duduk sekali macam mana. Ini negeri, negeri kita, ini Negara, Negara kita telah saya sebutkan tadi bagaimana kami, saya seorang yang beragama Islam dan yang bercakap dari Barisan Nasional amnya yang beragama Islam, Islam itu merupakan rahmatul amin, kalau kita bawa Islam orang nampak Islam tak bagi rahmat, membawa fitnah kepada Islam dosa kepada kita.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Untuk mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Celahan terakhir ya ok.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ringkas tapi penting Tuan Speaker. Apakah cadangan Yang Berhormat ini membawa maksud akan menjemput sekali kumpulan yang dilihat terlalu ekstrem seperti PERKASA terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kita sekali lagi, pertama sekali niat yang ikhlas siapa sahaja yang ikhlas yang hatinya tulus, yang benar-benar beriman maka kita ajak sekali tetapi kalau dating untuk merosakkan perbincangan untuk mengacau bilaukan perdamaian maka awal-awal lagi kita tolak. Saya tidak pastilah mungkin Seri Muda boleh *judge* dengan izin siapa PERKASA kalau ikhlas kita persilakan yang merupakan dialah sebagai punca maka sudah pastilah kita tidak akan memanggil duduk dan dia tidak akan boleh menyelesaikan permasalahan yang berbangkit. Jadi dengan itu....

**TUAN SPEAKER:** Ayat terakhir Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Jadi dengan itu saya ingin menyudahkan ucapan saya ini bahawa ambillah peluang Selangor yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat yang dianggotai oleh PAS, DAP, PKR supaya kita ini mampu untuk menggerakkan Kerajaan Selangor yang kita cintainya ini kita yang menempa untuk kerajaan untuk baik, cukup bagus ini sebagai contoh kalau kita sebut Putrajaya inilah kita Putrajaya bagaimana cara yang terbaik kita mentadbir urus sebuah negara nanti insya-Allah Malaysia yang tercinta dan kita mampu menjaga keharmonian sebuah bangsa dan agama. Terima kasih dengan itu Templer menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Assalamualaikum warahmatulhi wabarakatuh dan terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya meminta semua Ahli Yang Berhormat duduk dahulu, saya terpanggil untuk mengeluarkan petua Tuan Speaker peraturan tetap 87 mengenai panggilan Taman Templer untuk Ahli Yang Berhormat bangun di tempat masing-masing menunjukkan *solidarity* kepada 529 gongmushi yang dihukum mati kerana kita tidak pernah menghadapi perkara ini dalam dewan negeri. Peraturan tetap kita ada merujuk kepada peraturan tetap khas memanggil ahli dewan di tempat masing-masing untuk.....jadi untuk mengelakkan kekeliruan sebab saya nampak banyak yang keliru tadi atau nak duduk, nak buat apa saya rasa saya keluarkan petua ini kalau nak minta *solidarity* kita buat *silence* ataupun menepuk meja kalau sokong. Saya rasa sesuai untuk mengelakkan kekeliruan jadi siapa nak bahas.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** *Alhamdulillah* nampak juga. Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan Meru mengambil bahagian dalam membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Perasmian pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Sidang Dewan Negeri Selangor kali ketiga belas ini. Meru tidak akan bercakap panjang kerana banyak isu yang telah disentuh sama

ada rakan-rakan kita daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang. Cuma Meru mengambil kesempatan ini untuk menyedarkan terutamanya wakil rakyat daripada orang Islam sendiri daripada pembangkang dan juga daripada kerajaan iaitu tentang perutusan Rasulullah SAW seperti mana yang disebutkan tadi oleh Taman Templer (membaca ayat suci Al-Quran) daripada perkataan Rasulullah itu timbul perkataan risalah dengan izin kalau dalam Bahasa Inggeris di sebut *The Messenger of God*. Rasulullah itu disebut *The Messenger of God* maka ada mesej yang hendak disampaikan. Mengikut Sheikh Ahmad Didad dengan *izin Islam is not a region percy but it is a deen, is a way of life*. Kalaulah Rasulullah SAW itu diutuskan hanya untuk mengajar cara hendak sembahyang, cara nak pergi haji dan balik, puasa dan sebagainya tak payahlah Rasulullah itu dihidupkan daripada umur 40 tahun hingga 63 tahun. 23 tahun. Cukup kata Yusuf Qhardhawi. Dengan 5 tahun Rasulullah boleh mengajar. Saya nak sebut disini nak menegaskan bahawa Rasulullah tidak diwafatkan melainkan setelah baginda berjaya menaikkan negara Islam. Kalau zaman itu ada *title* Presiden Rasulullahlah Presidennya. Zaman itu kalau ada Perdana Menteri, Rasulullahlah Perdana Menterinya. Sebab itu dalam Islam, Politik ada dalam Islam. Yang ini cuba dinafikan oleh (minta maaf) Barisan Nasional. Sebab itu dalam Al-Quran Allah kata (bacaan ayat suci Al-Quran) hari ini kata Allah aku sempurnakan agama engkau maknanya di sana ada sistem ekonomi dalam Islam, di sana ada sistem politik dalam Islam. Dalam Al-Quran juga ada sebut “*Tidak aku tinggalkan satu perkara pun yang menjadi kepentingan dalam kehidupan manusia ini melainkan aku masukkan dalam Al-Quran itu sendiri*. Saya ingin membaca surah Al-Haj....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya ingin mencelah. Terima kasih. Saya ingat tadi berat sangat tuduhan tu. Dia kata UMNO yang tolak agama jadi saya ingat boleh perinci sikitlah. Jadi dalam ni saya ingat UMNO tak tolak pun dan sebenarnya kitalah yang memperjuangkan agama semuanya. Yang tolak hudud tu PAS sendiri pun. Jadi berat tuduhan tu. Jadi kalau boleh jangan buat secara kesimpulanlah.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Di dalam Al-Quran Allah sebut dalam Surah Al-Haj. Surah ini ialah surah ke-22 ayat ke-41 (bacaan ayat suci Al-Quran). Allah bagi tahu kita jika kami teguhkan kedudukan orang-orang di muka bumi ini yakni kami beri mereka kuasa untuk memerintah nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah perbuatan yang mungkar. Dan akhirnya kembalilah kepada Allah segala urusan. Bukan setakat di dunia ini tetapi juga di akhirat. Dan antara benda yang disuruh dan ditekankan oleh syarak apabila kita memegang pemerintahan ini ialah: (bacaan ayat suci Al-Quran) supaya harta rakyat itu jangan hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja di kalangan kamu. Ini tidak wujud di kalangan kalau kita tengok bila Barisan Nasional memerintah itu kroni-kroni mereka menjadi kaya dan sebagainya, rumah-rumah agam dan sebagainya tanah-tanah yang dirampas dan diambil oleh mereka sendiri kita kena ingat bahawa inilah satu benda yang

ditekankan dan baru-baru ini ramai daripada rakan-rakan daripada UMNO menegaskan bahawa sebenarnya banyak benda yang telah dibuat oleh UMNO untuk rakyat Selangor ini. Saya setuju. Bukan kita nak kata apa UMNO itu buat tak betul. Tetapi kita kena ingat bahawa kerajaan ini milik Allah Taala. Allah yang bagi kerajaan ini pada siapa yang dia nak bagi. Kita kena ingat kalau dulu kita nak mengatakan bahawa kita ini tidak bersyukur bahawa Nabi Musalah yang kita boleh tuduh sebagai tidak bersyukur kerana Nabi Musa ini dididik oleh Firaun kemudian dia bangun balik menentang Firaun. Sebab itu Allah bagi tahu (bacaan ayat suci Al-Quran) katakanlah semua kerajaan itu adalah milik Allah. Allah bagi pada siapa yang dia kehendaki. Kemudian Allah tarik balik pada sapa yang dikehendaki. Kemudian Allah tarik balik. Begitu juga dulu Allah bagi kepada Barisan Nasional kemudian Allah tarik balik. Kerana amanah tidak dijalankan. Itu yang saya nak bagi tahu. Kemudian saya nak bagi tahu bahawa tadi disebut banyak perkara-perkara tentang agamanya sendiri dan kepelbagaian agama yang disebut sebagai mini Malaysia oleh Taman Templer tadi. Saya berpeluang Alhamdulillah bila menjadi wakil rakyat ini berjumpa dengan rakyat-rakyat daripada orang beragama Kristian, agama Hindu *dinner* mereka yang mereka buat dan juga Pesta Ponggal yang mereka buat saya mana-mana pergi saya akan baca Al-Quran. (bacaan ayat suci Al-Quran) dalam bahasa Inggerisnya disebut dengan izin *Oh Mankind we created you from a man and a women whose this man and women is Adam and Eve and also we created you from different races and tribes so that you may understand each other.* Itu Islam ajar kita. Bukan untuk bergaduh dan sebagainya. Saya cukup bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Taman Templer tadi bahawa kita kena cari jalan penyelesaian. Sebab Islam ini membenarkan agama-agama lain tapi mesti ada peraturan. Dan janganlah kita menjadi penyebab kepada perpecahan dan sebagainya. Semalam saya pun dengar sendiri macam mana YB Sekinchan menyentuh yang disebut oleh Bukit Antarabangsa secara kasar tentang Kerajaan Negeri. Kita nak bagi tahu bahawa dalam Islam ini kita dilarang dan kita kena ingat bahawa bukan semua orang tu selepas Rasulullah tidak ada seorang pun yang maksum lagi selepas itu. Sebab itu kita yang mana betul kita cakap betul tapi yang tak betul kita terpaksa tegur. Sebab itu dalam Islam kita ada musyawarah surah As-Syura disuruh kita bermesyuarat. Saya nak bagi tahu kepada Dato' Menteri Besar dan juga Ahli-Ahli EXCO semua kita kena dengar juga rintihan-rintihan daripada rakyat bawah ini dan juga dengar rintihan daripada wakil rakyat *the more the marrier.* Supaya apa yang telah dinaikkan oleh semua wakil rakyat ini di kawasan masing-masing dan saya nak sebut juga sikit tentang kawasan saya juga di mana-mana pun kita tengok tentang pengurusan pasar malam dan sebagainya yang dulu kita tahu sebelum 2008 mereka yang dikuasai oleh JKK sekarang ini dah jadi JKP dah. Mereka tak bayar pun kepada PBT tapi PBT semua senyap tak ada pun yang komplen apa-apa. Saya tengok minta maaflah kalau dekat Meru tu pun sepenggal pun tapi rumah dah besar. Dari mana mereka dapat duit-duit ini semua. Tetapi selepas kita *take over* selepas kita bagi balik pengurusan kepada Jawatankuasa Kampung Alhamdulillah berjalan dengan baik. Dapat bayar balik segala yuran-yuran. Cuma di sana kemungkinan ada kawasan-kawasan yang ada juga kawasan

JKK ada juga KLT tak ada masalah asalkan berjalan dengan baik. Tetapi mungkin ada dalam 100 tu ada 5 6 yang tidak berjalan. Kita *take it as accelerated cases* itu PBT pulangkan balik kepada PBT. Tapi bila dipulangkan kepada PBT tapi PBT tidak ada keahlian yang mencukupi inilah masalah-masalah yang timbul di bawah yang dimainkan. Dan tadi pun telah disebut tentang catuan air. Saya tak tahu until now siapa yang *final say* mengatakan yang air ini boleh dua hari kejap ada kejap tak ada. Saya rasa tadi banyak benda telah disentuh yang lain. Dan saya rasa setakat ini sajalah yang saya nak sampaikan, saya bagi peluang kepada yang lain. Silakan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Speaker. *Bismillahir rahmannir rahim.* Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dalam muka surat 20 Tuanku telah berharap bahawa kestabilan pentadbiran dalam kerajaan sekarang dapat memberi tumpuan bagi kebajikan rakyat Negeri Selangor yang berjumlah 5.5 juta. Bagi saya Puan Speaker apabila bercakap tentang kebajikan di dalam Al-Quran dinyatakan sebagai Al-Bir (kebaikan). Di dalam konteks keseluruhannya ia bererti kemakmuran dan kesejahteraan. Dan apabila kita bercakap tentang kesejahteraan kita bercakap tentang masyarakat yang bebas dari tekanan hidup kesusahan dipinggirkan dan jauh dari kemiskinan. Bermakna fokus dalam masyarakat yang menekankan kepada kebajikan dalam masyarakat yang bebas dari kemiskinan dan berjuang bersungguh-sungguh untuk membasi kemiskinan. Dan keutamaan ini diberikan atas dasar yang sangat penting seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun seorang pemikir Islam bahawa dalam sejarah ketamadunan manusia mana-mana dinasti yang bermula akan bermula dengan mengenakan cukai dengan kadar yang rendah tapi hasil yang tinggi. Dan berkesudahan dengan dinasti yang mengenakan cukai yang tinggi tetapi hasil yang kurang. Ini adalah paradoks dalam sejarah yang berlaku berulang-ulang. Dan baru-baru ini Parlimen telah meluluskan Rang Undang-Undang GST yang merupakan sistem percukaian yang *regressive* yang mengenakan cukai kepada seluruh penduduk rakyat yang miskin atau pun yang susah. Dan oleh sebab itu kesannya akan kita dapati kesan pada GST yang mengenakan cukai yang membawa implikasi yang jelas. Pertamanya BN sudah diambah keruntuhan kalau kita menggunakan teori Ibnu Khaldun bahawa dinasti yang mula-mula akan mengenakan cukai yang rendah tapi hasil yang melimpah ruah tetapi bila dinasti itu dah mula cuai dengan pemborosan, ketirisan, penyelewengan dan rasuah kos yang tinggi terpaksa dinasti atau kerajaan tertentu itu mengenakan cukai yang tinggi. Tetapi hasilnya tidak juga tinggi. Dan kita percaya dengan itu kita berharap satu perubahan besar yang berlaku dalam tempoh masa tidak lama lagi agar satu perubahan yang besar akan berlaku dalam sistem pemerintahan negara ke arah kerajaan Pakatan Rakyat ini.

Tuan Speaker implikasi yang akan dihadapi oleh rakyat Selangor ialah beban hidup. Oleh sebab itu program-program merakyatkan ekonomi Selangor ini dihalakan agar dia berfokuskan kepada program pembasmi kemiskinan. Dan baru-baru ini saya agak terkejut sebagai pengurus jawatankuasa Pilihan ABASS yang meneliti perjalanan GLC apabila kita mengadakan pendengaran tertutup terhadap satu institusi yang mengadakan MES iaitu MIMBAR yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan bandar tetapi kita dapati penggerak utama bukan kita memiliki *mind set* kerangka minda tetapi tidak ada *heart set* kerangka hati dan jiwa untuk memahami misi utama mimbar adalah untuk membasmi kemiskinan. Tidak terdapat agenda terangsang dia memahami bahawa itu misinya, berulang-ulang kali saya bertanya kepada dia. Dan ini adalah satu perkara yang perlu kita beri perhatian di mana apabila kerajaan Pakatan Rakyat Selangor bertujuan untuk membasmi kemiskinan hendaklah kita gerakkan di peringkat seluruh peringkat, Menteri Besarnya, EXCOnya, wakil rakyatnya, Ketua-ketua Jabatan dan seluruhnya mempunyai kerangka minda dan kerangka hati dan jiwa untuk berempat merasakan bahawa tujuan utama kita adalah untuk memastikan bahawa kita mentadbir negeri ini dengan bersih dengan tulus dengan cekap dan tanpa pembaziran dan sia-sia. Mengurangkan kos yang tidak perlu agar rakyat mendapat manfaat daripada pengurusan ini.

Dengan itu saya menyeru Tuan Speaker bahawa bermula dari hari ini daripada saat ini sesuai dengan apa yang telah dirangsang oleh Ibnu Khaldun 800 tahun yang lalu bahawa kerajaan yang baik, kerajaan yang cemerlang ialah kerajaan yang menjamin kos yang rendah dalam pentadbiran dan memastikan seboleh mungkin percukaian dan cukai yang dikenakan kepada rakyat adalah yang terendah. Oleh sebab kita tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan cukai di peringkat Negeri Selangor, kita ambil peranan untuk membantu rakyat melalui skim-skim seperti SMUE dan sebagainya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya silakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada sebut fasal GST. Secara jujur saya hendak tanya ada ke pernah Yang Berhormat betul-betul mendengar penjelasan mengenai GST oleh pihak kerajaan satu. Benar-benar mengikuti dan melihat dan yang keduanya saya pun nak bertanya juga kepada Yang Berhormat mengenai GST ini, ada 162 buah negara seluruh dunia sudah menjalankan GST. Di Asia Tenggara tinggal 3 negara saja lagi termasuk Malaysia yang belum menjalankan GST, waima Singapura yang sering menjadi rujukan dan juga sokongan daripada pihak kerajaan pun sudah menjalankan GST.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya saya mengikuti beberapa seminar dan wacana tentang GST. Oleh sebab itu saya memulakan dengan kaedah pemikir Islam unggul Ibnu Khaldun yang *observe centuries* dengan izin berabad-abad tamadun kemanusiaan di mana kerajaan naik bangkit dan jatuh. Kerajaan dinasti bangkit dan jatuh, turun dan naik dan *observation* Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa sesebuah kerajaan baru itu makmur dengan mengenakan cukai yang rendah tetapi hasilnya yang melimpah ruah. *The burden of taxation is very minima.* *This is* kajian yang diiktiraf hari ini di Harvard Universiti, di bongkar, di bongkar balik kajian Ibnu Khaldun dan mengatakan *this is the best*, ini bukan saja Ibnu Khaldun, bukan saja *The Father of Sociology* di iktiraf oleh Barat tetapi *The Father of Modern Economy*. Jadi kita bercakap tentang *observation* yang berlaku ratusan tahun dalam sejarah sebelum Ibnu Khaldun. Dan didapati kejatuhan kerajaan apabila pembaziran, pemborosan yang terpaksa dikenakan cukai ke tahap orang miskin pun kena cukai. *We are talking about final mental* kita bukan cakap tentang perkara-perkara yang sedang dilakukan oleh masyarakat dunia pada hari ini. Jadi kita itu saya mengungkapkan satu yang tidak *controversy*. Mengungkapkan agar kita *observe* perkara ini.

Dan saya teruskan, oleh sebab itu saya menyeru bahawa kita dalam melaksanakan program MES hendaklah juga menegaskan bahawa kita mendidik rakyat bukan hanya kita memberi tetapi kita mendidik rakyat, agar rakyat itu memahami bahawa *we are sharing government*.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang, Dengkil minta mencelah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Oh sahabat saya Dengkil. Tapi pasang *microphone*, pasang *microphone* tak keluar dalam TV.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ha, yes, terima kasih sahabat saya Hulu Kelang. Saya nak minta pandangan Yang Berhormat Hulu Kelang mengenai cukai tadi, cukai pintu dan cukai perniagaan yang tinggi di Selangor ini yang membebankan rakyat Negeri Selangor, jadi minta pandangan Yang Berhormat Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Itu saya setuju, saya sokong. Itu di antara perkara yang patut dilihat oleh kerajaan. Bahkan cukai tanah juga perlu di nilai dari masa ke semasa. Pentingnya *taxation* tidak boleh membebankan rakyat kerana kesan daripada pembebanan itu wujud ke tidak redhaan, hati jiwa rakyat pada kerajaan. Tidak ikhlas, tidak jujur memberi cukai terpaksa tidak ada berkat. Faktor keberkatan itu satu faktor yang penting dalam pentadbiran sesebuah negara dan kesan daripada itu saya teruskan, hendaklah kita menekankan tentang mendidik rakyat agar kebergantungan rakyat kepada kerajaan tidak berlaku tapi perkongsian di antara rakyat menjayakan satu misi dan cita-cita murni dapat dilaksanakan. Dengan itu dengan izin kita hendaklah tanamkan dalam pemikiran rakyat bahawa

*goverment is not total but goverment is the sum total of concerns moral and civil consternations of the rule and the rules.* Quotation Shaari Sungib. Saya jumpa dekat buku lain tapi saya fikir begitu. *Sum total, we are sum total of wearies concerns civil and moral conservations of the society.* Dan kita percaya bahawa kita mendapat mengerakkan ini kita akan melahirkan pemimpin-pemimpin yang jujur, yang ikhlas, yang tawaduk, yang zuhud sekurang-kurangnya kita berbangga dengan apa yang berlaku di Kelantan dalam diri peribadi tokoh Nik Aziz. Memerintah 22 tahun dengan penuh tawaduk, dengan penuh zuhud dan penuh ikhlas di sisi Allah SWT.

Tuan Speaker saya ingin meneruskan *point* saya tentang pentadbiran pendidikan Islam dan kebajikan guru dan kakitangan. *Engagement* saya dengan izin dengan guru-guru KAFA, SRAI dan Sekolah Rendah Agama menegaskan bahawa persoalan kebajikan guru-guru merupakan satu faktor penting. Mereka menuntut pada saya bahawa dalam satu majlis sambutan Hari Guru tahun 2013, EXCO Pendidikan telah berjanji bahawa elauan guru KAFA akan dinaikkan dari RM1,300.00 kepada RM1,500.00. Jadi persoalan mereka bila? Dalam penggulungan kita harap dapat dijawab soalan ini. Kemudian yang keduanya adalah bebanan kerja guru-guru juga menjadi kerani, pegawai tadbir dan menguruskan pentadbiran sekolah dan mereka meminta agar dengan ihsan kerajaan Negeri Selangor yang banyak *reserve* wang memperuntukkan kerani yang berbayar di SRA dan SRAI atau pun gaji yang tetap kepada kerani. Jadi dengan itu mereka memohon kerajaan negeri menempatkan sekurang-kurangnya seorang kerani di seluruh Sekolah Rendah Agama dua atau pun tiga orang kerani di SRAI yang ditanggung oleh kerajaan sebahagiannya atau pun seluruhnya gaji dan elauan mereka.

Permohonan mereka juga adalah tentang pengawal keselamatan, memandang sering berlaku pencerobohan di sekolah-sekolah agama, KAFA dan sebagainya. Mereka memohon agar sekolah-sekolah agama terutama sekolah gred B dan C yang tidak mempunyai pengawal keselamatan disediakan dengan bantuan sama ada subsidi atau pun bantuan penuh untuk mengawal premis-premis sekolah agama. Kemudian dari segi keselamatan juga, dari segi kebakaran mereka memohon agar KAFA mempunyai alat pemadam api sebagai mana sekolah-sekolah kebangsaan yang lain.

Tuan Speaker berkaitan dengan isu agama saya ingin menyeru agar Dato' Menteri Besar sendiri dengan disokong oleh EXCO menyelesaikan masalah rampasan *Bible* dalam Bahasa Melayu baru-baru ini. Isu yang saya timbulkan adalah perkara ini adalah 2 perkara yang berasingan. Satu perkara yang berasingan iaitu adalah berkaitan dengan isu penggunaan kalimah Allah dan itu kita tidak mahu sentuh dalam sidang hari ini. Tetapi isu merampas dan menyimpan perlu diteliti dari segi undang-undang dan keharmonian masyarakat. Kita boleh bayangkan betapa marahnya umat Islam, betapa meradangnya umat Islam, betapa kecewanya umat Islam sekiranya Al-Quran dirampas di mana-mana tempat lain di dunia ini. Cuba

bayangkan perasaan sahabat-sahabat yang beragama Kristian ini dilakukan di negara kita, di negeri kita yang di mana kita mempunyai penekanan tentang keharmonian agama dan masyarakat. Jadi saya menyeru pihak kerajaan khususnya Dato' Menteri Besar untuk mengambil langkah-langkah yang wajar, memisahkan di antara isu penggunaan kalimah Allah dan isu rampasan Al-Kitab atau pun *Bible* dalam bahasa Melayu agar kekeruhan dan ketegangan dapat kita kurangkan dalam masa yang singkat.

Tuan Speaker saya ingin seterusnya menyentuh tentang tadbir urus yang baik dan demokrasi tulen dalam dewan. Alhamdullilah perubahan besar telah berlaku dalam demokrasi di Selangor. Kita mencipta dalam pelbagai bidang, perkara-perkara yang *first* dengan izin yang pertama iaitu pendengaran awam yang pertama di Malaysia yang disiarkan *live* dengan izin. Demikian juga kita mengadakan enakmen kebebasan maklumat dan macam-macam lagi yang telah kita lakukan sebagai merintis perubahan. Dan oleh sebab itu persoalan di dalam meneruskan demokrasi tulen dewan ini hendaklah memainkan peranan yang paling utama dan dengan itu soalan-soalan kita saya dapati makin berkualiti termasuklah soalan-soalan yang *establish* perkara-perkara yang mungkin tidak dapat di *establish* sebelumnya. Contohnya saya bertanya tentang PEKAWANIS baru-baru ini kerana saya tidak mahu apa yang dilalui oleh BALKIS dengan menggunakan kemudahan-kemudahan dan bantuan kewangan daripada PNSB berulang sekali lagi. Dan apabila soalan saya di kemukakan saya di fahamkan oleh pihak Pejabat Speaker bahawa soalan itu tidak ada agensi untuk menjawabnya. Dan saya dapati juga ada keresahan ke tidak senangan beberapa pihak-pihak tertentu tentang soalan saya. Contohnya melibatkan membabitkan isteri Dato' Menteri Besar, itu bukan niat saya. Tetapi saya *observe* kerana takut-takut tidak ada peruntukan tertentu, tidak ada prosedur tertentu yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membolehkan PEKAWANIS walau pun sebagai sebuah NGO diberikan peranan yang utama dalam menyalurkan bantuan dalam sebuah syarikat GLC kerajaan Negeri Selangor. Dengan jawapan yang telah diberikan tadi saya berpuas hati bahawa ada agensi yang menjawab bertanggungjawab tentang PEKAWANIS iaitu pejabat Dato' Menteri Besar sendiri. Jadi dengan itu kita menjelaskan ketelusan pentadbiran kita kelainan pentadbiran kita dan Dato' Menteri Besar juga telah menjawab semalam bahawa perbezaan di antara pengurusan BALKIS dengan PEKAWANIS dalam konteks menyalurkan bantuan daripada PNSB adalah perbezaan di antara langit dan bumi. Dan ketelusan juga merupakan satu perkara yang saya berikan perhatian pada perbahasan Belanjawan 2011. Saya mengemukakan beberapa fakta yang dinyatakan sebagai dakwaan orang terhadap apa yang diamalkan oleh PKNS. Dato' Menteri Besar pada masa itu telah menjawab akan menyediakan sebuah kertas putih. Saya menunggu-nunggu, menanti-nanti hingga hari ini tidak dikeluarkan kertas putih tersebut. Dan dengan itu saya mengolah ucapan perbahasan saya dalam konteks mengemukakan beberapa soalan bertulis dan beberapa soalan bertulis dijawab dengan mulut. Walau bagaimanapun sekali lagi soalan saya ditolak kerana berdasarkan Peraturan Tetap 23(A) soalan tidak boleh menyentuh nama orang.

Oleh sebab itu kalau diizinkan saya ingin mengulang kerana saya tidak berpuas hati, isunya besar tapi atas dasar teknikal keadilan dan kebenaran tidak dapat dinyatakan dengan telus.

Persoalan saya adalah tentang PKNS melantik Dr. Arman Papazian sebagai konsultan. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011 bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah benar Profesor Arman Papazian dari KFZLAC Lubnan dilantik sebagai perunding PKNS.
- (b) Adakah benar bagi projek Selangor Sains Faktor beliau dibayar RM450,000.00.
- (c) Adakah benar bagi projek Bernama Jaya beliau dibayar RM485,000.00 semuanya berlaku dalam masa beberapa bulan sahaja. Kemudian soalan saya juga adalah tentang projek RM2.7juta kepada Sahul Hamid bin Sheik Daud.

Merujuk perbahasan Belanjawan 2011 bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- (a) Adakah benar Sahul Hamid mendapat kontrak RM731,000.00 bagi khidmat sewa peralatan ICT dan software untuk Telemarketing PKNS.
- (b) Adakah benar beliau dibayar RM975,400.00 sebagai Pengurus Telemarketing PKNS. (c) Sila kemukakan butiran skop kerja bagi (a) dan (b).

Jadi saya menyeru dan meminta jasa baik pihak Kerajaan yang Dato' Menteri Besar telah berjanji untuk mengemukakan sebuah kertas putih untuk menjelaskan perkara ini tapi tidak kunjung tiba dan saya tidak dapat mengemukakan soalan ini kerana soalan saya ditolak dan saya menyeru dan merayu agar perkara ini dapat dijelaskan dalam sidang dewan ini.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Hulu Kelang boleh ringkaskan....

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dan tentang penyata, tadi soalan. Penyata juga merupakan satu usaha yang menunjukkan bahawa peranan dewan ini telah diperkasakan. Penyata merupakan hasil daripada pendengaran tertutup mahupun pendengaran terbuka yang mengumpul maklumat dan mendapatkan beberapa penemuan dan membuat saranan kepada pihak Kerajaan. Baru-baru ini saya agak terkejut apabila penyata kami langsung tidak disedari oleh Yayasan Selangor dalam lawatan kami ke Kem Bina Semangat di Ampang Pecah dan seolah-olah penyata tidak ada nilai dalam konteks Kerajaan pada hari ini. Itulah perasaan

saya kekecewaan saya yang tidak dapat saya selindungi dan saya terpaksa zahirkan kerana saya menyangka kita mengamalkan demokrasi yang tulen yang telus. Dimana penyata walaupun amalan Kerajaan dalam *commonweals* tidak mengikat sesebuah Kerajaan ataupun Kerajaan untuk melaksanakan tetapi sekurang-kurangnya sebuah penyata kiranya dikemukakan dan diluluskan sebaik usul di dalam sidang dewan hendaklah diteliti, diangkat sebagai Kertas EXCO yang mana perlu dan juga sebaik-baiknya diberikan ulasan.

Telah berlaku dua tiga tahun usul itu telah diluluskan pada 2011 hingga 2014 tidak ada tindakan. Terpaksalah pada kali ini Jawatankuasa ABBAS di atas nama ahli-ahlinya telah mengemukakan usul untuk membahaskan semula penyata tersebut. Saya menyeru Puan Speaker bahawa agar hubungan di antara Kerajaan dan Dewan Negeri dipertingkatkan dengan memastikan bahawa semua penyata diberikan pengiktirafan yang sewajarnya dan diberikan ulasan yang sewajarnya dan diangkat sebagai Kertas EXCO sekiranya perlu. Dan ini telah kita nyatakan dalam beberapa usul yang telah dikemukakan dan saya ingin menyentuh apa yang dinyatakan oleh Bangi semalam dalam konteks demokrasi, dalam konteks pemerintahan dan tadbir urus yang baik di mana beliau menegaskan apabila Allah berfirman: (dan apabila seseorang itu diberikan kekuasaan untuk mentadbir hendaklah dia menegakkan solat) dan saya dengar bahawa dalam disiplin mesyuarat dan dalam disiplin menetapi waktu solat tidak dilakukan dengan tepat saya mendapat maklumat Mesyuarat EXCO yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar berjalan kadang-kadang hingga melepas waktu Asar ke Maghrib dan ini adalah tidak tepat saya menyeru dan merayu agar Ahli-ahli EXCO yang beragama Islam mengingatkan Dato' Menteri Besar dan Dato' Menteri Besar sendiri hendaklah bertegas dengan waktu solat memastikan bahawa apabila masuk waktu solat berhentilah sekejap solat dulu hingga jangan terlepas waktu dan itu merupakan satu perkara yang ingin saya tegaskan dan termasuklah ada satu program yang dikendalikan oleh EXCO yang bukan beragama Islam yang ada atur cara program tapi tidak ada waktu solat. Saya terkejut kerana seolah-olah perkara ini bukan satu yang tersilap ataupun tercuai tapi tidak sepatutnya berlaku. Jadi saya ingin menegaskan sebagaimana yang ditegaskan oleh Bangi semalam bahawa di antara solat dan musyawarah adalah dua perkara yang berkait rapat. Di dalam ayat Al-Quran Allah menyeru agar mereka yang menyeru kepada solat dan zakat dalam melaksanakan *Shura*. Ini seolah-olah pentingnya Shura, pentingnya solat dan zakat itu adalah setara. Dan saya juga ingin menyeru sebagai penutup ucapan saya Puan Speaker bahawa Sekinchan menegaskan semalam bahawa *one man show* bukan budaya Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat merupakan sebuah kepimpinan kolektif yang memperkasakan rakan-rakan dalam perjuangan. Pakatan Rakyat adalah hasil dari satu gerakan reformasi yang sentiasa membawa kepada perubahan. Reformasi adalah satu usaha kolektif, kolektif dari segi *effort* pembangunan masyarakat. Kolektif juga dari segi untuk mengumpulkan kolektif memori ingatan bersama agar berkongsian itu dapat dilaksanakan jadi saya lihat dalam pentadbiran Dato' Menteri Besar terlalu banyak bidang kuasa tugas-tugas

yang berhimpun dari diri beliau yang sebenarnya boleh diolah, saya sudah *refer* dengan beberapa orang termasuk penasihat ekonomi pada suatu ketika dahulu dan sebenarnya kita tidak patut terikat dengan warisan pentadbiran Barisan Nasional. Perkara ini boleh diubah dan diolah dan dengan itu saya sedikit pada pengalaman Pembantu EXCO Perumahan dan saya melihat EXCO Perumahan pada masa itu tersepit oleh kerana ruang bidang kerjanya bertindih dengan apa yang diminati oleh Dato' Menteri Besar itu perumahan. Dan dengan itu, *vehicle* penting satu am penting dalam yang sepatutnya membantu EXCO Perumahan iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mempunyai Ketua Eksekutif sendiri mempunyai Pengerusi Menteri Besar dan saya ingin menyeru dan merayu agar *empowerment* diberikan oleh Menteri Besar kepada EXCO Perumahan dengan melantik EXCO Perumahan sebagai Pengerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Sekiranya cadangan saya ini tidak bercanggah dengan segi peraturan dan undang-undang saya kira tidak ada salahnya ia dilaksanakan. Puan Speaker saya ingin ucapan terima kasih dan saya mohon menyokong, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih, Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Salam Selangorku. Kuala Kubu Bharu mohon turut serta dalam perbaasan menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Titah Ucapan Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mengingatkan tugas Kerajaan Negeri sekarang bukan sahaja untuk mengekalkan kedudukan Selangor sebagai Negara Metropolitan termaju di Malaysia tetapi juga menjadi Selangor antara Negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki perlu dihayati dengan mendalam.

Tidak dapat dinafikan bahawa Selangor adalah negeri yang termaju dan akan terus maju di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat. Rakyat yakin bahawa Kerajaan Selangor akan terus mengamalkan tadbir urus yang baik, integriti dan akauntabiliti. Walau bagaimanapun Ahli EXCO Kerajaan Selangor perlu membuktikan pegangan kukuh pada prinsip tadbir urus yang baik. Salah satu cara untuk membuktikannya adalah mengisyiharkan harta mereka secara terbuka. Pada 30 Mei 2013 yang lalu media Selangorku melaporkan Kerajaan Negeri akan mengarahkan semua EXCO Selangor membuat pengisytiharan harta sebelum Sidang Dewan Negeri Selangor dimulakan akan tetapi hampir satu tahun berlalu laporan tersebut disiarkan masih tidak ada sebarang berita bahawa EXCO Selangor membuat pengisytiharan harta secara terbuka. Pada halnya pengisytiharan harta telah disarankan merupakan salah satu *indicator* untuk menilai ketelusan bahagian eksekutif sesebuah kerajaan oleh *Transparency International* yang ditulis dalam *Transparency International Source Book 2000* Bab ke-7. Sekiranya EXCO Selangor mengambil berat sasaran ini dan melaksanakannya maka Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor akan menuju ke arah bertaraf dunia pertama. Saya juga mencadangkan agar Kerajaan Selangor menginstitusikan dasar pengisytiharan harta ini melalui satu enakmen negeri bagi

memastikan tadbir urus yang baik akan berkekalan di Selangor. Puan Speaker negeri yang termaju dan akan terus maju ini perlu juga mempunyai barisan pimpinan yang mencukupi di semua peringkat demi mencapai tahap sebuah negeri yang paling selesa dan selamat diduduki dan dikunjungi. Apa yang berlaku sekarang ialah terdapat jawatan Ahli Majlis PBT belum diisi dengan sepenuhnya. Walaupun Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 memperuntukkan bahawa sebuah PBT boleh berfungsi dengan tidak kurang daripada 8 anggota Ahli Majlis akan tetapi kita tidak dapat manafikan bahawa usaha gigih 8 anggota atau 12 anggota atau 14 anggota atau 20 anggota itu tidak hasilnya tidak sama dengan usaha gigih yang dilakukan oleh 24 anggota Ahli Majlis. Selangor yang termaju ini memerlukan Ahli Majlis yang maksimum untuk merancang dan memantau pelbagai perkhidmatan PBT yang akan memberi keselesaan dan keselamatan kepada pembayar cukai taksiran. Dengan ini saya berharap setiap PBT di Selangor dapat diisi dengan 24 anggota Ahli Majlis seperti mana Seksyen 10 Akta 171 yang membenarkan dengan secepat mungkin sebarang kelewatan pelantikan Ahli Majlis akan menjelaskan usaha kita menjadikan Selangor negeri yang paling selesa dan selamat dan begitu juga dengan Ketua Kampung ataupun Pengerusi JKKK yang merupakan barisan kepimpinan di peringkat Kampung atau Bagan. Seperti dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mereka juga dikehendaki berusaha dengan jujur dan tekun bagi menjayakan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang sekiranya terdapat peletakan jawatan Pengerusi JKKK maka Kerajaan Selangor haruslah melantik Pengerusi JKKK yang baru secepat mungkin untuk menjalankan tugas bukanlah dibiarkan kosong sahaja sehingga berbulan-bulan lamanya. Puan Speaker, saya memang menyokong sepenuhnya pengambilan alih 4 Syarikat Air di Selangor dan Projek HORAS dilaksanakan untuk memastikan rakyat Selangor akan mendapat bekalan air yang berterusan dengan kadar yang munasabah. Walau pun pengambilan ini belum selesai dan banyak taksiran lagi saya berharap Kerajaan Selangor boleh menuju satu langkah ke depan dengan memulakan kerja-kerja kajian mengenai pertukaran paip-paip berhubungan yang berkarat. Kita akan menghadapi dua senario, satu Kerajaan Selangor boleh melakukan kerja pertukaran paip-paip perhubungan tersebut terutama di luar bandar sebaik sahaja penstrukturran semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor selesai. Senario yang kedua, andainya penstrukturran semula industri perkhidmatan air tidak berjaya, maka kerajaan Selangor patut mengadakan peruntukan khas untuk menukar paip-paip perhubungan tersebut. Sebagai kerajaan yang berkebajikan dan prihatin pertukaran paip perhubungan di luar bandar, perlu diberikan keutamaan. Kebanyakan kawasan luar bandar masih menggunakan paip perhubungan bekalan air jenis GI 20mm yang usianya melebihi 50 tahun. Paip tersebut mudah pecah dan selama ini tindakan SYABAS ialah mengawal tekanan air untuk mengurangkan kes paip pecah. Akibat daripada kawalan ini, maka penduduk kawasan tersebut tidak dapat menikmati bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan biasa sepanjang masa walaupun mereka tidak terlibat dalam program pencatuan bekalan air yang berlaku sekarang. Tidak dapat dinafikan perkara yang hangat dibincangkan oleh rakyat Selangor sekarang ialah bilakah program pencatuan air akan tamat. Kita sebagai wakil rakyat

tidak dapat memberikan satu jawapan yang boleh meyakinkan rakyat apabila ditanya selain daripada menyatakan ia bergantung pada hujan yang turun di kawasan empangan dan tadahan air akan tetapi apa yang rakyat ketahui ialah kehilangan air yang tidak berhasil NRW kerana kebocoran paip masih berlaku. Oleh sebab program pencatuan bekalan air, maka rakyat mula mengambil berat tentang NRW, dengan izin yang berada pada peratusan yang tinggi. SYABAS telah mengambil masa lebih daripada 9 tahun tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah NRW ini, mereka berminat nak tahu kerajaan negeri akan mengambil masa berapa lama untuk mengatasi masalah operasi ini. Dengan ini saya mencadang kerajaan negeri mengemukakan kepada rakyat pelan tindakan mengurangkan NRW yang akan dilakukan walaupun penstrukturkan semula industri perkhidmatan air belum selesai lagi. Ini adalah penting kerana dengan ini kerajaan negeri boleh membuktikan dia mampu menjadikan Selangor sebuah negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki dan tidak akan ada program pencatuan air pada masa akan datang. Puan Speaker saya juga setuju dengan kenyataan Sekinchan iaitu jangan duduk di bilik hawa dingin membuat keputusan, turun padang juga walaupun tak ada pilihan raya kecil. Saya memberi satu contoh, satu masalah di kawasan Dun Kuala Kubu Baharu, iaitu projek pembesaran kampung Ampang Pecah, yang dilancarkan 20 tahun dahulu dan kini lebih dikenali sebagai projek Taman Desa Bukit Bujang. Isu pembangunan 96 unit rumah dan infrastruktur yang hampir 95% siap telah dibentangkan di MTES pada 3 April 2013, setahun telah berlalu. Mesyuarat demi mesyuarat di Shah Alam tetapi masih belum dapat menyelesaikan isu ini. Saya minta pihak yang akan buat keputusan terhadap isu ini, turun padang sendiri untuk merasai keadaan projek yang hampir 95% siap. Langkah demikian akan dan besar kemungkinan boleh mendapat idea yang baru untuk menyelesaikan isu ini. Ini adalah jauh lebih baik bergantung pada laporan sahaja untuk membuat keputusan. Itu sahaja pembahasan saya, sekian Kuala Kubu Baharu menjunjung kasih titah ucapan DYMM Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana membenarkan saya berucap dan memberi peluang sebagai menjunjung kasih titah DYMM Tuanku, di majlis perasmian pembukaan mesyuarat pertama pada hari Isnin yang lalu. Puan Speaker, sesungguhnya kerajaan yang ada pada hari ini adalah amanah dan ujian oleh Allah Subhana Taala. Amanah itu meliputi pemimpin-pemimpin negeri, raja, wakil-wakil rakyat dan kita sendiri. Sabda nabi Muhammad SAW: Sesiapa yang diamanahkan Allah untuk memimpin rakyat, lalu dia mati pada hari dia dalam keadaan dia menipu rakyat, maka Allah telah mengharamkan syurga untuknya. Hadis riwayat iman Bukhari dan Muslim. Di dalam Zarul Alriyad, menyebut pada hari kiamat, seorang hamba dihadapkan kepada Allah SWT lalu Allah SWT berfirman, apakah engkau telah menunaikan amanah kepada pulan, maksudnya bertanya kepada ahlinya, tidak Ya Allah, maka Allah memerintahkan malaikat menjerit dan menghumban ke neraka jahanam. Itu sebagai

mukadimah saya lah. Dan mengikut titah DYMM Tuanku, berkaitan dengan muka surat 12, 13, 14,15 dan 20 yang tak perlu saya baca sebab masa mencemburi. Yang pertama sekali mengenai tanah rizab. Apa yang kita maklum semenjak kerajaan Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor, bahawa tanah-tanah rizab ini tidak dibenarkan lagi untuk memperbaharui TOL. Kita sedia maklum di kampung-kampung, di desa-desa, tanah rizab ini adalah menjadi tempat untuk mereka menambah pendapatan. Kita sedia maklum, di luar-luar bandar, di pinggir bandar ye, mereka ini memerlukan pendapatan yang lebih. Tetapi bila TOL ini tidak boleh diperbaharui dan akhirnya menjadi belukar tempat haiwan ganas bermastautin maka, agak malanglah ya. Undang-undang sebenarnya boleh dibuat ya, undang-undang boleh dibuat supaya tanah Tol ini diberi kepada rakyat-rakyat miskin di luar bandar. Kita sedia maklum apabila kerajaan negeri menaikkan 1500 sebagai miskin, maka lebih ramailah kemiskinan di luar bandar dan juga di bandar. Puan Speaker, kita juga sedia maklum pada tahun ini, saya sebut ini, perkara ini berlaku di kawasan saya dan juga di luar lah ya sebab saya berdiri di sini pun atas pilihan rakyat di DUN Sg. Tawar dan tentunya perkara-perkara yang perlu saya sebut ini merangkumi di mana pihak ya. Hutan telah pun diteroka oleh PKPS iaitu dibuat ladang kelapa sawit sebanyak 40 ekar di Sungai Tengar Utara, manakala di Sungai Panjang lebih kurang 400 ekar maka di Selangor banyak lagi tanah ya bukannya seluruhnya kata Sekinchan..(ketawa)...ya dirampas dimiliki oleh orang-orang UMNO. Banyak lagi tanah-tanah. Dan apa yang menjadi masalah ya, masalah di DUN Sg. Tawar ya, apabila tanah-tanah ini diteroka, maka haiwan-haiwan perosak, contohnya lotong, ya monyet dan khinzir. Bila habitatnya diceroboh, mereka ini akhirnya masuk ke kampung-kampung dan apabila masuk ke kampung-kampung, haiwan-haiwan ini merosakkan tanaman, contohnya macam kelapa. Kalau 2 hektar sebelum ini ya pekebun boleh mendapat 100 , 1000 biji setiap 3 bulan tapi sekarang ini hanya200 saja. Maka dengan ini saya haraplah apa juga projek, program yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor, perkara yang patut dan mesti dilakukan adalah lakukanlah musyawarah. Saya ada juga baca di sini, apa juga pemimpin mestilah bermusyawarah dulu kepada rakyat supaya apa juga kekangan, baik buruknya dapat kita bincang bersama dan akhirnya kita dapat bersatu untuk sama ada untuk pendapatan negeri dan juga pendapatan orang kampung. Dan saya sedih juga hari tu semasa sebelum pilihan raya, kita mohon tapak tersebut sebagai perumahan untuk rakyat-rakyat. Ya kita sedia maklum dalam keluarga, satu keluarga tu terdapat dua tiga keluarga, dan tentunya perumahan ini sangat penting kepada keluarga-keluarga dikampung. Tapi nampaknya kerajaan negeri mungkin lebih mementingkan ekonomi dan mereka teroka tanah ini dan sekarang ini dalam proses pembaikanlah dan saya harap ada sedikit-sedikit di pinggiran projek ini yang masih ada lagi hutan dan tempat haiwan-haiwan ini berlindung saya haraplah agar tidak lagi diteroka tanah-tanah di pinggir raya ini supaya haiwan-haiwan ini dapat hidup dengan senang lenang sebelum mereka mencari makanan di sebelah kampung. Puan speaker selain daripada itu, saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada PBT yang dapat mengutip sampah mengikut jadual dan saya juga berdukacita ada kalanya tidak mengikut jadual dan akhirnya apabila sampah-sampah ini tidak dikutip

kemudian haiwan-haiwan seperti anjing ini mencari makanan, sampah-sampah ini masuk ke dalam longkang. Bila masuk ke dalam longkang, longkang tersumbat. Bila longkang tersumbat musim banjir begini, banjir kilat berlaku. Kadangkala apabila kemarau begini, ada juga air-air bertakung di bekas-bekas yang plastik dan sebagainya mengakibatkan nyamuk membiak dan apa yang saya maklum di hospital sabak bernam terdapat juga penyakit denggi. Oleh itu PBT dan juga kerajaan tempat seharusnya ada hubung kait, ya ada hubung kait perkara ini, supaya perkara-perkara ini dapat dilunaskan. Selain daripada itu kita sedia maklum seperti mana Sg. Panjang nyatakan tadi bahawa pendidikan sangat penting ya khususnya di negeri Selangor. Kita juga ada anak syarikat, ya Yayasan Selangor. Contohnya di kampung pandan yayasan Selangor di padang terap. Saya pernah tanya pada persidangan yang lepas apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh EXCO pendidikan tentang premis-premis yang ditutup ini ya. Seperti kita sedia maklum, bahawa inilah tempat untuk anak luar bandar yang miskin, yang tidak mampu belajar lebih tinggi. Ya untuk mereka belajar tetapi malangnya premis-premis ini telah pun dikurangkan atas alasan ketidakcukupan tanah ataupun dibangunkan untuk, apa ni, tempat-tempat yang lebih komersial. Dan apa yang saya lihat lah, ya premis-premis ini melibatkan bumiputera, ya bumiputera. Ya...

**TUAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar, boleh sambung esok.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** sambung esok. Terima kasih Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah pun menunjukkan 6 petang. Maka dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok 10 April 2014 bermula jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang )